

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Tarikh : 8 MEI 2012 (SELASA)
Jam : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri - Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
5.	Y.B. Dato' Mansor bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I / Penanti
6.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
7.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
8.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
9.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
10.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
11.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
12.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
13.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
14.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
15.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
16.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
17.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee	Sungai Bakap

18.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
19.	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
20.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
21.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
22.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
23.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
24.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
26.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
27.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
28.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
29.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
30.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
31.	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
32.	Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga
33.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
34.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
35.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
36.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
37.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggal
38.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
39.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
40.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
41.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Aceh
42.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang

TURUT HADIR

Encik Md Puat Bin Romli - Setiausaha Dewan

Dewan bersidang semula pada jam 9.45 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula untuk penggulungan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, peraturan. Kelmarin semasa Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bahawa kuil-kuil Hindu akan dirobuhkan jika UMNO berkuasa semula, Y.B. Telok Bahang mengatakan bahawa kakitangan Penang Port yang sebenarnya mengarahkan kuil itu dirobuhkan adalah seorang anggota PAS. Berita itu tersiar dengan luasnya dalam surat khabar hari ini dan saya percaya Y.A.B. Ketua Menteri juga telah mencabar Y.B. Telok Bahang untuk membuktikan.

Di sini satu tuduhan telah dibuat yang menyakitkan hati saya terhadap seorang anggota PAS mengatakan bahawa anggota PAS yang sebenarnya mengarahkan kuil Hindu itu dirobuhkan. Saya ingin mencabar kalau ada bukti tersebut bahawa beliau adalah seorang anggota PAS. Kakitangan PPSB itu adalah seorang anggota PAS. Jangan tipu di sini ya Y.B. Telok Bahang. Ini adalah kali kedua penipuan ini dibuat. Ada bukti tidak saya nak tanya. Jangan jawab benda lain. Ada bukti tidak bahawa beliau adalah anggota PAS. Ada atau tidak bukti. Ini adalah ulangan sandiwara sekali lagi. Bila ada demonstrasi di luar sana(gangguan) Saya telah membaca kenyataan dan saya ingin bukti yang mengatakan dia adalah ahli PAS atau tidak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang Berhormat tidak hadir.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima boleh bangkitkan benda ini bila kemudian nanti.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Yang Berhormat, ini adalah perkara penting. Ini adalah tuduhan melulu dibuat tiap-tiap kali tuduhan di buat atas PAS. Ada bukti atau tidak. *All lies*. Berani bukti atau tidak Y.B. Telok Bahang?....(gangguan). Mana bukti? Jangan menipu.(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli-ahli Pembangkang:

Suara terlampau ramai, tidak boleh catat percakapan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Boleh buktikan atau tidak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, dalam bidang perubatan ini, saya minta bidang ini. Dia ada *transparent*. Bila orang itu suka berbohong, dia tuduh orang lain berbohong.(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Siapa yang bohong.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang, Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Sila tunjukkan bukti bahawa dia adalah anggota PAS.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang dah sebutkan nombor ahli semalam, dah sebutkan nombor ahli semalam.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, itu boleh disebut macam-macam, mana bukti bahawa beliau adalah anggota PAS?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Duduklah dulu, duduklah dulu. Saya *check* dengan *website* PAS. Kita boleh masuk *website* PAS, nama nak sebut ka?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Sebut nama, saya cabar sebutkan nama dan nombor keahlian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Abdul Halim bin Abdul Kadir, IC 580113-07-5337, nama parti PAS, keahlian 8588852. Penghuni DUN Seberang Jaya. Y.B. Arif punya penghuni.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Sila ulangi. Saya akan catitkan. Sila ulangi, saya nak catitkan. Kalau berani ulangi.

Y.B. Dato' Speaker:

Ulang balik sekali lagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Kita *check*, bukan bohong, kita(gangguan). Y.B. Dato' Speaker(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Sila ulangi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker dalam...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang, ulang sajalah, saya hendak teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Dia ada macam-macam terhadap anggota....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Ulang saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Kalau berani ulang perlahan-lahan. Saya akan catitkan, biar saya catit kad pengenalan dia. Kalau berani ulangi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kelmarin tak mai.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Kelmarin saya ada. *You* orang tak mai, *you* orang keluar takut, keluar. *You* orang takut dan keluar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' masih menggunakan perkataan *you* orang lagi Dato', tidak hormat Dewan yang mulia ini Y.B. Dato' Speaker, awal-awal lagi Dato'.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya hendak teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Pasal kuil itu diroboh oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Speaker:

Seri Delima kita hendak teruskan dengan peraturan. Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah, cukup.

Pertelingkahan Y.B. Datuk Arif Shah dengan Y.B. Seri Delima tidak dapat dicatat kerana kurang jelas didengar.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah, cukup.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Hoi.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria)

Haram jadah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Sahbudin Bin Yahya)

Kurang ajar.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Kurang ajar.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya nak minta, saya nak baca peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kurang ajar, bodoh.

Pertelingkahan Ahli Kawasan Seberang Jaya dan Seri Delima tidak dapat dicatat (kerana kurang jelas percakapan mereka).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya nak minta Seberang Jaya, Seri Delima.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Duduk, haram jadah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):

Duduk, kurang ajar.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya hendak minta, saya hendak baca peraturan, saya hendak minta Seberang Jaya. Saya hendak suruh keluar, jangan bertempik, kalau tak boleh, tempik begini saya hendak suruh ketiga-tiga keluar sekarang, ini bukan tempat untuk kita bertempik, saya tidak akan bertolak ansur dengan sapa-sapa selepas ini. Ini bukan tempat untuk menjerit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon untuk membawa satu usul di bawah peraturan mesyuarat 34(viii), di bawah peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, minta maaf. Saya ingin kenyataan itu diulangi sekali lagi. Abdul Halim bin apa dan nombor.....(gangguan). Keahlian dan nombor I.C. belum diulangi lagi. Saya ingin mengesahkan dan saya akan balik ke Dewan ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Boleh ambil sekejap lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

No, no. Saya minta diulangi diulangi sekali lagi supaya dicatitkan dalam hansard.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Check balik di hansard.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta diulangi. Y.B. Dato' Speaker telah mengarahkan Y.B. Telok Bahang supaya mengulangi lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang, tadi tak jawab, ulang sekali lagi senang, habis cerita.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad)

Y.B. Dato' Speaker takut.

Y.B. Dato' Speaker:

Jangan cakap saya takut di sini. Ulang balik, tadi sudah suruh ulang tetapi Telok Bahang tak ulang. Tak pa, sila duduk Seri Delima, duduk. Telok Bahang akan ulang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Nama, ini ahli PAS yang jadi pegawai dalam Pelabuhan. Abdul Halim bin Abdul Kadir, ic 580113-07-5337, nama parti PAS, keahlian 6588852. Penghuni di Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker:

Penjelasan, tadi dengan peraturan.....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon untuk membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 34 (viii), di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri 34 (viii) yang kesegeraannya perlu diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri mengenai isu kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri di dalam Dewan ini pada 7hb. Mei 2012, yang telah menyatakan kalau UMNO memerintah semua kuil akan dirobohkan.

Y.B. Dato' Speaker, ini selaras dengan 46 (xvii) (c) perkataan-perkataan yang akan harus menimbulkan niat jahat dan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum yang berasingan di dalam Negara Persekutuan. Kenyataan ini merupakan satu hasutan dan akan mengancam keharmonian dan boleh menyebabkan pertelingkahan kaum dan mengancam kestabilan negara. Y.B. Dato' Speaker, saya memohon dengan ini yang demikian mencadangkan supaya Y.A.B. Ketua Menteri dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk dipertimbangkan. Sepuluh (10) Ahli menyokong....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

10 Ahli menyokong.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

10 Ahli menyokong. Mengikut peraturan 34 (viii) 10 Ahli menyokong.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

10 orang Ahli menyokong.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Mengikut peraturan 34 (viii) dalam peraturan ini, Dalam peraturan ini 10 orang Ahli menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya telah menerima usul daripada Y.B. Sungai Dua, merujuk kepada Peraturan 34(viii), usul tanpa pemberitahu yang kesudahannya perlu diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri ini mengenai isu kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan ini pada 7hb. Mei 2012 yang telah menyatakan kalau UMNO memerintah, semua kuil akan dirobohkan. Di bawah perkara 30 usul menanggungkan mesyuarat untuk membincangkan perkara-perkara berkenaan dengan orang ramai yang berkehendak . Bila saya melihat kepada verbatim, apa yang disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah, "Saya rasa kuil Hindu akan terancam." Tidak disebutkan semua kuil akan dirobohkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, di bawah Peraturan perlu tanya adakah ada Ahli-ahli yang membantah dulu, di bawah 30(iii) (a), kena tanya sama ada Ahli-ahli yang membantah dulu usul ini. Ini adalah peruntukan dan ada yang membantah. Kita perlu tanya sebelum kita membincangkan usul ini, adakah ada Ahli-ahli yang membantah. Di bawah 30(ii) (iii) "Jika sekiranya Speaker sudah puas hati seperti dimaksudkan dan keizinan Dewan sudah pun diberi, tiada ahli yang membantah." Kami ada Ahli-ahli yang membantah, perkara ini tak perlu disegerakan.

Y.B. Dato' Speaker:

Biar saya membuat keputusan.....(gangguan). Bila saya sebut di sini apakah perkara ini perkara tertentu, adakah perkara ini kepada kepentingan orang ramai, adakah perkara ini perlu disegerakan. Pertama bila sebut tertentu dari segi sebutan usul ini sahaja tak betul. Sebutkan UMNO semua kuil ini akan dirobohkan. Disebutkan di dalam verbatim Ketua Menteri ialah "saya rasa kuil akan terancam." Itu satu. Kedua...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya rasa tidak ada kot.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, sila duduk, “ada”. Kedua, atas alasan itu dan apakah kepentingan orang ramai sepertimana yang disebutkan tadi, kenyataan Ketua Menteri itu dah jelas, kuil Hindu “Saya rasa kuil Hindu akan terancam jika UMNO Barisan Nasional memerintah, memenangi mengambil alih kuasa”. Jadi saya putuskan itu. Tak perlu (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebelum Y.B. Dato' Speaker membuat keputusan, saya nak minta supaya kita pertimbangkan dengan seadilnya, kerana semua orang dengar bahawa Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan “Kalau UMNO memerintah, semua kuil akan dirobuhkan”. Ini semua orang dengar. Y.B. Seri Delima tidak hadir pada masa itu.....(gangguan).

{Tidak boleh dicatat gangguan ramai Yang Berhormat bercakap.}

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk semua, Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Berani cabar Speaker, kalau takut keluar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tapi di sini ada menyatakan, *“If this can happen before the general election, If UMNO return to power after the next general election, I feel all Hindu shrines will be threatened, satu. Yang kedua At this point, the hall became noisy as the Barisan Nasional Assemblymen unanimously stood, pointed their fingers at Lim and demanded that he*

retracts his statement. Lim stood by his comment, saying that he was not fooling” saya tak main-main “he then changed his remark to say that, all Hindu shrines might be threatened if UMNO return to power.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

That's the truth, Y.B. Seberang Jaya. You destroyed the Hindu Temple.....(gangguan). UMNO destroyed the Hindu Temple.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya nak dia tarik balik yang UMNO akan robohkan kuil Hindu. Ini surat khabar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

UMNO dan Barisan destroyed the Hindu Temple.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Suruh dia tarik balik, dia kata.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Semua kuil itu akan diroboh. Itu tidak bagus.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu kenyataan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya hendak dia tarik balik Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu kenyataan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia kata UMNO akan roboh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu kenyataan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya mohon jasa baik Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, sila duduk, cukuplah. Saya membuat keputusan menolak usul ini. Teruskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speker, kita memang tidak rasa puas hati dan tidak adillah.

Y.B. Dato' Speaker:

Kita boleh semak dalam verbatim.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad)

Kalau Y.B. Dato' Speaker buat macam ini kira Y.B. Dato' Speaker berat sebelah....(gangguan). Ingat takut pada Seri Delima....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Bayan Lepas, saya sudah buat keputusan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Saya dengar sendiri.

Y.B. Dato' Speaker:

Bayan Lepas sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Keputusan sudah dibuat, jangan lawan Speaker.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Saya dengar sendiri.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, saya nak sebut di sini yang saya dah semak verbatim(gangguan). Dewan dah buat keputusan dan Ahli-ahli Dewan yang lain boleh juga nanti untuk membuat semakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Dato' Speaker, saya sikit pun tak dapat terima Y.B. Dato' Speaker, kalau Speaker kata semak verbatim, verbatim itu bila pun boleh di *manipulate*.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tape ada, tape ada.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tambahan Y.A.B. Ketua Menteri dia cakap bohong banyak sangat, biar saya cakap, duduk, duduk.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah Penaga, sebenarnya Penaga...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya akan buat laporan Polis dan juga SPRM okey. Dalam Dewan ini saya tak mahu tarik balik.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tarik balik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak mahu tarik balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak bohong.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

You bohong, duduk, duduk.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya akan semak verbatim, nanti akan buat semakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya, semua dengar *you* kata meroboh ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk, duduk. Itu saya sebut.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya akan bawa keluar dan buat *report* Polis dan SPRM *manipulate* verbatim ini. Kalau Y.B. Dato' Speaker kata begitu baik, terima kasih, kami lebih baik keluar.

[Semua Ahli Barisan Nasional keluar dari Dewan persidangan.]

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dulu, kini dan selamanya.

Y.B. Dato' Speaker:

Kita akan teruskan dengan penggulungan. Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Berkenaan dengan usul yang dikemukakan oleh Y.B. Sungai Dua tak betul dari segi peraturan ini walaupun tak perlu notis di bawah 30 (2) ianya perlu menghantar usul yang dimaksudkan itu kepada Y.B. Dato' Speaker dulu.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Dah dihantar ada bertulis pagi tadi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Tapi sepatutnya Y.B. Dato' Speaker yang menguruskan kalau panggil dia, kita pun dimaklumkan dia ada hantar notis tapi kami tak tahu dia ada hantar notis....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya terima notis ini pagi tadi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Itu kita belajar sama-sama sajalah...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Okey, tak apa terima kasih. Notis ini diberikan pagi tadi dan saya sepatutnya maklumkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta laluan sikit apa yang telah dibangkitkan apa nama ini Y.B. Telok Bahang kononnya Ahli PAS yang merobohkan saya nak bangkitkan di sini dia mungkin di antara pegawai yang ditugaskan di bawah Penang Port, yang saya nak persoalkan siapa yang mempengerusikan Penang Port sehingga tindakan tidak boleh diambil, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya teruskan dengan penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya nak minta itu izin Y.B. Dato' Speaker, yang disebut tadi oleh Y.B. Permatang Pasir, kerana selagi perkara ini tidak dijelaskan maka PAS akan dimangsakan dengan satu tuduhan yang saya rasa amat tidak bertanggungjawab, kerana walau macam mana pun yang pertama,

susah untuk diterima bahawa mereka akan membenarkan seorang Ahli PAS untuk menjadi pegawai tinggi kerana kita mahu dia itu tahu politik pantas yang dimainkan oleh Umno dan Barisan Nasional.

Yang kedua, seperti yang disebut oleh Y.B. Permatang Pasir bahawa mereka adalah ikut arahan, sungguhpun mereka tak rela, tapi bila arahan dikeluarkan mereka akan menjalankan tugas. Jadi di sini untuk cuba mengalihkan dan menjawab kepada PAS kerana hanya dia Ahli PAS dan menjalankan tugas mengikut arahan, saya rasa adalah sesuatu yang amat tidak bertanggungjawab, yang cuba mengalihkan kesalahan iaitu PPSB sebagai Pengerusi syarikat itu, merobohkan kuil Hindu tersebut dan seperti ini kita telah sebutkan selama ini, bahawa beliau sebagai Pengerusi PPSB mengambil bertanggungjawab dan meminta maaf itu sahaja kita tak minta dia letak jawatan tak ada, kita hanya minta maaf dan bina semula kerana dia adalah Pengerusi PPSB ini ialah *system of collective responsibility*, tanggungjawab bersama yang dipakai dalam pentadbiran.

Oleh itu, saya rasa beliau amat dia tak bertanggungjawab dan cuba mengalihkan pada parti PAS dan di sini kita memang tak ada sebarang keraguan bahawa Parti PAS dalam aspek ini memang mendukung, bukan sahaja agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia, tetapi juga membenarkan kebebasan agama untuk seluruh rakyat Malaysia, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, *sorry*, saya bertanya soalan ini kerana tiap-tiap kali berlaku kacau ganggu, kalau Y.B. Dato' Speaker masih ingat saya masih ada hansard lagi, bila ada kacau ganggu di luar Dewan dan di mana pintu pagar utama menjadi mangsa kacau ganggu tersebut juga disebutkan Ahli PAS yang mendalangi kumpulan tersebut dan sekarang ini pula Ahli PAS yang disebutkan saya akan cuba menghubungi anggota tersebut jika tidak benar *it is not the end of the story*, saya akan mengusulkan supaya Y.B. Telok Bahang dilucutkan...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Janganlah, nanti dia tak ada kerja, jangan...(ketawa).

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan penggulungan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Sedikit penjelasan tadi, keputusan untuk merobohkan kuil Hindu Muniswari, dua tiga minggu lepas, ini seperti adalah merupakan satu keputusan kolektif. Saya ada sana pada hari itu dan perbincangan pada saya ingat tengah hari menunjukkan bahawa keputusan kolektif, walaupun Abdul Hamid adalah Pengurus Besar PPSB, dan saya mahu bangkitkan soalan ini supaya Y.B. Telok Bahang ada sini, tetapi dia orang keluar. Apa yang jadi isu ini ialah kenapa dia sebagai seorang Pengerusi ataupun Chairman PPSB ini enggan mengambil tanggungjawab, itu bukan dibuat oleh seorang, sekarang dulu dia salahkan pegawai tak faham politik, pegawai tak sensitif dan sebagainya, sekarang dia alihkan tuduhan kepada Pengurus Besar kononnya dia seorang PAS, tapi isu di sini orang PAS atau DAP atau PKR atau UMNO itu bukan isu dan Y.B. Telok Bahang sendiri mesti mengambil tanggungjawab, dia Pengerusi PPSB. Saya rasa kalau dia tidak tahu, saya rasa susah mahu percayalah.

Jadi Y.B. Dato' Speaker, saya rasa *this is very smart way of carrying out of the whole thing weekly out of responsibility and then blaming on PAS officer*, jadi saya kesallah apa ni perbuatan oleh Y.B. Telok Bahang. Ini merupakan satu penipuan satu di mana kita mahu ambil tanggungjawab sebagai Pengerusi PPSB, *I think he will be decremented for that, thank you.*

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana membenarkan saya menyertai sesi penggulungan atas ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tuan Yang di-Pertua Negeri. Di kesempatan ini, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun memamatkan Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker, pelbagai cabaran masih dihadapi oleh sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang ini dan kita lihat walaupun menghadapi pelbagai cabaran sektor pertanian kita di Negeri Pulau Pinang telah pun mencapai beberapa pencapaian yang agak membanggakan ataupun menggalakkan.

Y.B. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, hasil purata padi per hektar di Negeri Pulau Pinang kita bandingkan dengan tahun 2008 dan 2011 kita lihat bahawa satu peningkatan yang begitu memuaskan iaitu di 2008 kita mencatatkan 4.69 metrik tan per hektar dan kini pada tahun lepas 2011 kita lihat pencapaian ini telah meningkat sebanyak 20% iaitu sehingga 5.65 metrik tan. Ini saya rasa adalah satu pencapaian yang begitu baik dan agak saya angkat kesempatan untuk ucap terima kasih kepada semua pegawai dan jabatan agensi yang telah pun menyumbangkan atas kejayaan ini. Kita lihat juga sektor pertanian bukan setakat menyumbang dalam isu pembekalan makanan bahkan kita lihat bahawa sektor pertanian khususnya tanaman buah-buahan ini telah pun sekali lagi menyumbang kepada peningkatan pelancongan ke Negeri Pulau Pinang. Baru-baru ini kita lihat pelbagai usaha telah pun diangkat untuk mempromosikan kita, kita lihat ada syarikat penerbangan yang buat pakej khusus untuk membawa pelancong-pelancong daripada luar negara untuk datang ke Pulau Pinang untuk makan durian sahaja. So saya rasa satu kebanggaan kita boleh begitu memuaskan dan tidak kurang bahawa ada juga syarikat-syarikat pelancongan di luar negara juga membuat pakej-pakej tertentu untuk membawa juga pelancong-pelancong daripada negara-negara mereka masing-masing ke Pulau Pinang untuk menikmati buah durian Negeri Pulau Pinang dilabelkan khususnya.

Tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat, di sektor perikanan juga kita lihat bahawa satu pencapaian yang begitu memuaskan juga di tahun 2011 kita lihat hasil akuakultur Pulau Pinang telah pun mencatat satu bilangan yang begitu besar iaitu RM454 juta telah pun mencatat pada tahun 2011 dan kita lihat bahawa hasil akuakultur di Pulau Pinang akan terus meningkat kerana kita masih dalam perancangan yang begitu giat untuk membangunkan industri akuakultur di Penaga, di mana kita lihat sebesar 205 hektar akan kita bangunkan di kawasan Penaga untuk kita membangunkan dan seterusnya menambahkan hasil akuakultur di Pulau Pinang. Di sektor penternakan juga walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran khususnya pencemaran dan juga kita lihat bahawa Kerajaan Negeri ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta laluan Y.B. berkenaan dengan cadangan yang telah dicadangkan di kawasan Penaga, bolehkah saya minta supaya perkara itu diberi publisiti sedikit kerana kawasan itu kita tahu, Yang Berhormatnya adalah Ketua Pembangkang, jadi saya minta sehingga hari inilah daripada laporan dari surat khabar, saya belum baca lagi, tetapi cuma saya minta kalau boleh diberi publisiti, supaya rakyat di kawasan itu juga sedar bahawa walaupun kawasan itu adalah kawasan Barisan Nasional, Kerajaan Pakatan Rakyat masih lagi memberi pertimbangan kepada projek-projek kemajuan yang mungkin secara langsung dan tidak langsung memberi manfaat kepada rakyat di kawasan tersebut terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Seri Delima, kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk menguar-uarkan pembangunan di kawasan tersebut dan sehingga kini mengikut laporan yang saya terima tidak kurang daripada 40 peserta memasukkan RHB secara tender terbuka, di situlah dan peringkat sekarang dalam peringkat penilaian pemarkahan oleh agensi-agensi teknikal kita dan kita tak lupa bahawa kawasan walaupun terletak di Penaga, tetapi dengan kesesuaian tempat tersebut kita terus akan membantu membangunkan kawasan-kawasan di mana walaupun mereka diketuai oleh Ahli-ahli Pembangkang, itu tiada masalah untuk kita membantu membangunkan kawasan-kawasan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, untuk sektor penternakan kita lihat juga inisiatif Kerajaan Negeri adalah kita nak membawa sektor penternakan ini ke satu tahap yang lebih bersih lebih kondusif dan kita telah pun begitu berusaha supaya penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang di mana kita lihat banyaknya masih lagi dalam lagi penternakan secara tradisional tetapi Kerajaan Negeri telah pun mengangkat usaha supaya teknologi-teknologi moden yang ternakan secara tertutup juga boleh diwujudkan di Negeri Pulau Pinang.

Kita telah pun mengenalpastikan lokasi yang kita melihat akan didirikan dengan ladang ternakan secara tertutup iaitu di TKPM Juru, iaitu kita sedang melaksanakan dan baru-baru ini juga kita telah

meluluskan kegunaan tanah di Machang Bubuk untuk kedua-dua kawasan ini membangunkan ladang ternakan ayam secara moden, secara tertutup dan tidak mengganggu apa-apa faktor alam sekitar dan jangkaan pelaburan itu jauh lebih daripada RM10 juta kita akan lihat...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Begitu cepat.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, tentang penternakan dan *versus* alam sekitar ini bagi saya peluang untuk membangkitkan satu isu di mana kawasan pencerobohan oleh pengusaha-pengusaha tanah kerajaan lama berlaku di kawasan berdekatan Taman Negara Pulau Pinang, terutama di Pantai Acheh, ada satu jawapan kepada saya ada 2.11 hektar sedang dicerobohi sejak mungkin 10 tahun dahulu, mungkin tidak diketahui oleh Exco-Exco sekarang. Ini berlaku pada masa dahulu, sekarang saya ingin nak tahu dengan adanya pencerobohan ini dan juga ada pencemaran di sekitar lautan Taman Negara ini, apa tindakan akan diadakan, kalau boleh dipuliharakan alam sekitar itu dan pengusaha-pengusaha dikumpulkan di kawasan tertentu.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga, saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Tanjong Bunga, boleh kita semak dengan Pejabat Tanah dan seterusnya adakan apa yang disebutkan oleh Y.B. Tanjong Bunga, adakah ia betul ataupun tepat dan saya lihat daripada jawapan yang diberikan oleh Y.B. Tanjong Bunga telah pun pegawai kita menjawab bahawa didapati dia tidak menceroboh Taman Negara, tetapi kalau Y.B. Tanjong Bunga masih lagi ada soalan-soalan tambahan ini saya juga sekali lagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Minta laluan, jawapan dia memang ada pencerobohan di Lot 486 dan sebahagian Lot 555 sebahagian tanah Kerajaan memang takda termasuk dalam kawasan Taman Negara, tetapi itu juga kawasan tanah Kerajaan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Saya minta pegawai Pejabat Tanah yang memberikan jawapan ini semak sekali lagi atas apa yang diujahkan oleh Y.B. Tanjong Bunga. Saya rasa tidak boleh bahawa tanpa kebenaran ataupun tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri, mereka boleh masuk ke kawasan situ, so saya rasa segala perkara ini kita rujuk kepada jawatankuasa yang bersabit dengan tanah.

Y.B. Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang juga berbangga dengan satunya penternak telur ayam yang telah berjaya mengeluarkan telur yang sifar antibiotik yang telah pun kita lihat begitu banyak penternak-penternak yang lain yang telah mengunjung ke ladang tersebut untuk belajar, dan ini dalam kawasan Y.B. Sungai Bakap kita begitu berbangga mereka boleh menghasilkan satu telur yang sifar antibiotik dan telah dibuktikan dan telah diberi persijilan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Ini sedikit sebanyak saya rasa pencapaian-pencapaian daripada pelbagai sektor pertanian yang cukup kita memuaskan, tetapi melihat cabaran-cabaran dan tekanan-tekanan masa hari ini dengan bangkitnya kesedaran pengguna, dengan bangkitnya kesedaran menjaga alam sekitar dan juga kita menghadapi tanah-tanah pertanian yang terhad, aktiviti pertanian secara amnya di Pulau Pinang perlu juga mementingkan satu hala tuju yang lebih mementingkan produktiviti, lebih mementingkan kualiti, lebih mementingkan *safety*(dengan izin) keselamatan makanan dan mementingkan tanaman dan ternakan yang lebih lestari, *sustainability*...(dengan izin), seterusnya mementingkan lebih dengan inovatif dan kreatif. Ini semua perlu untuk dipentingkan menjadi hala tuju sektor pertanian secara amnya untuk mengangkat sektor pertanian Negeri Pulau Pinang ke satu tahap yang lebih tinggi yang mampu berdaya saing dengan mereka-mereka yang berusaha.

Y.B. Dato' Speaker beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun memberi perhatian terhadap portfolio saya, khususnya Y.B. Datok Keramat yang selalu prihatin dengan Projek Tebatan Banjir di kawasan Sungai Pinang dan di sekitar Datok Keramat. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, setakat ini isu penempatan setinggi-tingginya di sepanjang jajaran Sungai Pinang yang terlibat dengan Rancangan Tebatan Banjir Fasa II, untuk maklumat sebanyak 120 binaan terlibat dalam Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa kedua.

Pada masa sekarang 48 binaan sudah pun selesai dan 41 kita selesai separuh belum lagi selesai sepenuhnya dan 25 binaan belum lagi kita dapat mencapai satu *compromise* dan 6 binaan yang tidak terlibat dengan apa-apa pampasan pun. Jadi status terkini untuk penempatan penduduk-penduduk di situ dan binaan-binaan yang terlibat dan kita akan teruskan usaha kita melalui satu jawatankuasa yang tetap iaitu Jawatankuasa Penempatan Penduduk-penduduk Sungai Pinang.

Y.B. Datok Keramat juga menanya tentang peruntukan yang kita mohon kepada Kerajaan Persekutuan, sepertimana yang ingin saya laporkan kepada dewan ini peruntukan yang dimohon oleh JPS Negeri adalah telah pun dimasukkan dalam *rolling plan* ketiga, iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, *rolling plan* ketiga maksudnya bagi tahun 2013 dan tahun 2014, so tahun ini kita perlu mengangkat inisiatif dan usaha Kerajaan Negeri untuk kita sama-sama mengekalkan satu rekod yang saya rasa juga memuaskan iaitu kekurangan atau *minimize* kan banjir di kawasan Y.B. Datok Keramat.

Y.B. Datok Keramat juga sepanjang 2008 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah pun membelanjakan sebanyak RM2.03 juta untuk kita membuat kerja-kerja yang telah pun disebutkan oleh Y.B. Datok Keramat tempoh hari dalam Dewan ini. Ini termasuk menaik taraf dan mendalamkan Sungai Jelutong dan juga sistem saliran di sekitar Sungai Jelutong ataupun di Sungai Pinang. Ini kita akan teruskan supaya kebimbangan penduduk di situ tidak terjadi dan beberapa usaha yang kita angkat.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain itu isu pencemaran sungai, saya telah pun bangkit memberi penjelasan sedikit sebanyak pada sesi Dewan yang lepas. Pada minggu yang lepas dan di sini sekali lagi, ingin saya mengangkat perhatian bahawa pengawalan

pencemaran air sungai ini akan kita teruskan dan akan kita memberi perhatian yang secukupnya. Beberapa kaedah telah pun digunakan oleh JPS ataupun Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan pencemaran air sungai. Kaedah struktur dan kaedah bukan struktur telah pun kita gunakan, dalam kaedah struktur kita telah memasang pelbagai perangkap sampah untuk kita menghalang sampah sarap daripada masuk ke sungai-sungai tertentu. Ini juga sekali gus kita lihat sumbangan daripada Program Cleaner Greener Negeri Pulau Pinang yang juga telah membantu untuk mengurangkan sampah sarap.

JPS telah pun mereka satu perangkap sampah yang kita lihat telah pun memenangi *award innovative* iaitu *doc-dec* telah pun kita pasang di kawasan-kawasan lokasi yang strategik untuk kita halangkan sampah sarap untuk masuk. Dalam kaedah bukan struktur juga, kita mempunyai satu Jawatankuasa Pengurusan sungai di Negeri Pulau Pinang. Kita ada mesyuarat yang berkala dan juga JPS dengan gabungan NGO-NGO selalunya kita ada Program River Care ini juga adalah satu gabungan NGO yang kita lihat memberi kesan yang begitu positif dan kita menggalakkan bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan yang mempunyai masalah pencemaran air sungai boleh juga kita sama-sama...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta penjelasan, Y.B. Bukit Tambun, saya nak tanya tentang River Care ini, sebab di kawasan saya di depan Kampung Jawa, ada satu sungai, air sungai yang hitam. Itu sudah lama kita cari jalan tetapi masih tidak dapat diselesaikan, mengapa dia masih hitam? Ini adalah persoalan pencemaran. Saya rasa itu bukan sahaja River Care yang NGO boleh buat, itu haruslah diselesaikan oleh DOE. Mereka harus pergi buat *enforcement*, mana kilang yang lepaskan sisa-sisa yang bertoksik, kilang itu kena diselesaikan. Jangan kita memasang perangkap sampah atau buat River Care sahaja itu tidak akan menyelesaikan masalah. Pentingnya adalah *enforcement*. Carilah jalan, carilah punca-punca mana isu ini berlaku, puncanya apa, takkan sungai itu hitam dulu kini dan selamanya. Kita mahu penyelesaian, *we want find out exactly what is the problem and solve it*, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih. Y.B. Pulau Jerejak belum sampai lagi bahagian yang Y.B. Pantai Jerejak cakap. Untuk menguruskan kualiti air sungai, kita faham bahawa bukan apa yang saya sebut tadi saja. Ia termasuk jugalah apa yang disebut oleh Y.B. Pantai Jerejak semuanya jabatan, agensi yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan syarat-syarat yang telah pun ditetapkan itu perlu untuk turun padang untuk mengawal secara berkala. Ini termasuk apa yang disebutkan oleh Y.B. Pantai Jerejak.

Saya percaya bahawa Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang sentiasa akan pantau keadaan pencemaran di situ, di mana saya pun faham bahawa, sisa penilaian indeks kualiti air sungai pun ada dalam tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang. Di sini saya juga mendapat jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang, mereka juga mengangkat beberapa usaha untuk tindakan penguat kuasa termasuk, meningkatkan penguat kuasa *end of the pipe* dekat kilang *that is* apa yang disebutkan oleh Y.B. Pantai Jerejak, kita perlu menyekat air-air yang telah pun dicemarkan *dissolve we have to* apa nama *manage dissolve* kalau *dissolve* itu tak dihentikan tak diputuskan maka sepertimana Y.B. Pantai Jerejak, sebutkan ia tetap akan mencemarkan air-air sungai ini.

Saya harap bahawa semua ini tetap akan menjadi satu kerja yang begitu penting kepada semua Jabatan yang mempunyai kuasa penguatkuasaan. Atas usaha Kerajaan Negeri juga dengan jabatan JPS dan lain-lain agensi kita lihat dua-dua sungai yang telah pun dipersoalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Sungai Pinang dan Sungai Juru. Iaitu tahap *water quality index*(dengan izin), sekarang kedua-dua sungai ini adalah dalam kelas ketiga. Kita rasa bahawa mungkin ada berapa kerap ataupun berapa bahagian sungai ini masih tidak begitu memuaskan. Saya harap bahawa usaha penguat kuasa dan usaha pengurusan akan ditetapkan dan di Negeri Pulau Pinang kita telah pun memilih Sungai Pinang sebagai sungai yang di bawah program "1 Negeri 1 Sungai" di mana juga pelbagai sumber akan kita guna untuk kita menangani isu pencemaran sungai kita lihat bahawa kualiti air sungai ini kita akan terus lihat satu peningkatan yang bagus dan di Dewan yang mulia ini juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh pencemaran oleh aktiviti ternakan yang kita lihat bahawa....(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Saya ingin bangkitkan sungai sekali lagi Sungai Kampung Jawa. Itu sungai yang cukup penting sebab semua multinasional CEO kalau mereka hendak pergi ke kilang-kilang mesti melalui tempat itu, *it has become an eyesore* dan ini menjatuhkan martabat Pulau Pinang, sebab kita pun tidak boleh menyelesaikan pencemaran sungai. Apakah kita hendak *going for the international city, so the issue is*, saya rasa kalau dengan usaha sekarang ada usaha untuk Sungai Juru, Sungai Pinang. Saya rasa Kerajaan Negeri kena ada usaha untuk menyelesaikan masalah di sungai Kampung Jawa. Kalau sudah ada mekanisme untuk memeriksa pembuangan sisa, kenapa masih ada pencemaran yang begitu serius. Ini *some one has being sleeping on the job and the Exco* kena cari siapa yang bertanggungjawab. Saya rasa Exco kena cari siapa juga, kalau mereka *sleeping on the job, we have to take action*. Kalau tidak kita ini tidak boleh selesai. Sudah lama isu ini yang saya sudah bangkitkan *on the first day in the Dewan*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Pantai Jerejak bahagian sungai Yang Berhormat sebut itu, kalau kita hendak mencari *source* nya, bukan susah sangat dan saya pasti semua pihak penguat kuasa faham *source* pencemaran itu adalah sumbangan yang begitu besar datang daripada Yang Berhormat kata tadi *the source* kilang-kilang yang di sekitar situ. Walau bagaimanapun JPS sebagai agensi untuk pengurusan sungai dan alam sekitar dan MPPP sebagai pihak yang mempunyai penguat kuasa saya rasa mereka boleh menangani isu ini dengan menambah kekerapan penguatkuasaan tersebut.

Saya juga minta Yang Berhormat Pantai Jerejak supaya *to create awareness is everything* bukan saja untuk penduduk di situ, tetapi untuk sektor-sektor perkilangan tersebut, bukan saja usaha Yang Berhormat, tetapi untuk agensi dan jabatan perlu juga kita *tackle*, kita menghadapi masalah ini bersama-sama dengan sektor-sektor ataupun sumber-sumber yang telah kita kenal pasti yang mencemarkan air di sungai di bahagian tersebut. Saya minta isu ini boleh dilihat dengan lebih berkekalan agensi kita supaya masalah Yang Berhormat Pantai Jerejak boleh kita selesai dengan baik.

Yang Berhormat dalam Dewan ini yang menyentuh pencemaran aktiviti ternakan di Negeri Pulau Pinang dan saya tidak nafi bahawa kebanyakan penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang ini masih menggunakan cara begitu tradisional dengan fasiliti yang tidak begitu baik dan telah pun menjadikan salah satu faktornya pencemaran bau ataupun gangguan lalat yang begitu tidak memuaskan. Kita juga lihat bahawa pembangunan Negeri Pulau Pinang di mana kawasan-kawasan tanah pertanian yang semakin telah pun ditukar sebagai kawasan perumahan juga antaranya satu faktor yang lain, di mananya dulu kawasan-kawasan pertanian ini tidak begitu dekat dengan skim perumahan tetapi hari ini kita lihat, semakin hari semakin kita lihat skim perumahan telah pun menghampiri kawasan-kawasan pertanian ini dan terjadilah faktornya begitu banyak aduan-aduan yang kita lihat hari ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat-Yang Berhormat, Jabatan Veterinar bersama dengan juga jabatan agensi yang mempunyai kuasa telah pun merancang mengambil pelbagai langkah untuk kita mengurangkan gangguan lalat ataupun pencemaran bau. Ini termasuk juga dengan kerjasama dengan pihak-pihak institusi pengajian tinggi seperti USM, tetapi faktor yang paling penting adalah Kerajaan Negeri akan juga berharap bahawa penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang ini boleh mempercepatkan proses mereka untuk menukarkan reban-reban mereka yang tradisional ini ke satu ladang penternak yang secara tertutup. Di mana saya tadi telah pun menyebut bahawa kita perlu menunjukkan projek-projek yang telah pun berjaya, supaya keyakinan pernternak di Negeri Pulau Pinang itu akan mengikut pembinaan ladang penternak secara tertutup.

Ini juga adalah antara cabaran yang masih lagi dihadapi oleh Jabatan Veterinar, Pihak Berkuasa Tempatan seterusnya Alam Sekitar yang telah pun kita beberapa kali memberi seminar ataupun pembentangan kepada penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang, supaya mereka faham segala yang mereka perlu faham ini termasuk akta-akta yang mereka mungkin telah pun melanggar saman-saman ataupun kompaun-kompaun yang mereka dikenakan, bila mereka didapati melanggar syarat-syarat tersebut termasuk juga tindakan yang lebih drastik iaitu mereka akan diminta ditutupkan aktiviti ternakan, sekiranya mereka enggan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan dalam perlesenan.

Teknologi-teknologi hijau telah pun diperkenalkan kepada penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang, banyak teknologi telah pun kita maklumkan kepada penternak-penternak Negeri Pulau. Kita harap bahawa dengan maklumat sedemikian penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang akan bermula dengan menggunakan teknologi-teknologi yang hijau ini supaya usaha mereka ini akan mengurangkan gangguan atau masalah-masalah yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Jawi telah membangkitkan satu projek tebatan banjir di kawasan Taman Nibong Tebal di mana Yang Berhormat Jawi ingin tahu status pelaksanaan kerja tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Jawi kerja ini telah pun kita luluskan dengan sejumlah RM1.25 juta dan ini adalah di bawah pelaksanaan MPSP. Sehingga kini dengan kerja-kerja proses tender yang telah pun kita jangka MPSP telah pun yakin, bahawa kerja menaik taraf sistem perparitan di Taman Nibong Tebal ini boleh dimulakan bulan Jun tahun ini iaitu satu bulan lagi. So Jawi mungkin boleh menyakinkan penduduk di situ projek tersebut akan dilaksanakan bulan akan datang supaya mereka tidak lagi dibeban dengan banjir. Ini adalah soalan yang dibangkitkan oleh Jawi.

Yang Berhormat Padang Lalang tidak ada di sini, saya rasa soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Padang Lalang kita akan lihat dan masuk kepada....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat tolong bagi laluan. Selain daripada Taman Nibong Tebal masalah limpahan air bukit. Bolehkah Yang Berhormat Bukit Tambun tolong jelaskan sedikit sebanyak mengenai apakah projek yang telah pun dibuat oleh JPS untuk mengatasi masalah limpahan air bukit, kerana air bukit merupakan punca menyebabkan kawasan di sekitar bawah kaki bukit kawasan Jawi banjir selalu. Jadi saya rasa perkara ini juga perlu diberikan penjelasan yang sebaik mungkin. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Jawi kerana memberi perhatian isu banjir di kawasan Yang Berhormat. Air limpahan daripada kawasan bukit yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat kita sedar bahawa ini adalah antara punca yang menyumbang masalah banjir di kawasan Jawi.

Dengan fahamnya faktor ini JPS Kerajaan Negeri telah pun mengadakan mesyuarat bersama dengan daerah-daerah yang bersempadan dengan Pulau Pinang iaitu Daerah Kulim dan Bandar Bharu telah pun mengadakan mesyuarat bersama untuk kita melihat apakah usaha yang kita boleh buat, untuk kita mengawal hakisan ataupun mengawal air daripada bahagian atasan iaitu daripada sempadan Daerah Kulim, Bandar Bharu untuk masuk ke sempadan Negeri Pulau Pinang yang secara terkawal.

Susulan mesyuarat tersebut juga telah kita membuat lawatan ke tapak-tapak bahagian hulu sungai untuk kita lihat secara langsung dan juga beberapa perkara yang kita minta pihak Kerajaan Negeri Kedah untuk mereka membantu, untuk mengurangkan hakisan-hakisan tertentu yang kita lihat telah pun menyumbang masalah banjir. Selain daripada itu juga JPS Negeri, Daerah SPS kita telah pun mengangkat beberapa langkah untuk kita meninggikan ban-ban di kawasan-kawasan yang kita lihat yang selalunya mempunyai masalah limpahan air sungai. Di mana bahagian Kampung Sintok, Kampung Sintok telah pun kita mempertingkatkan ban di bahagian tersebut dan kita lihat itu juga satu langkah yang berkesan, di mana selepas mempertingkatkan ban sungai di bahagian tersebut, sekarang saya tidak terima aduan banjir di kawasan tersebut. Ini perlu kita lihat daripada pelbagai cara, pelbagai faktor supaya masalah banjir ini boleh diatasi dan Yang Berhormat Jawi telah pun membangkitkan soalan tadi saya telah pun jawab untuk Yang Berhormat Padang Lalang kerana Padang Lalang tiada di Dewan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat, ada sikit lagi persoalan, pasal limpahan air bukit sangat hebat dan selalu menyebabkan banjir di kawasan rendah di sekitar kawasan Sungai Jawi dan Sungai Tengah. Boleh dikatakan setiap kali hujan lebat yang mendatangkan banyak masalah mengenai soal kerja-kerja banjir di sekitar kawasan rendah. Yang Berhormat, adakah JPS bercadang untuk membuat kolam tadahan bagi menguraikan kuasa air limpahan bukit berkenaan? Itu saja. Tolong bagi jawapan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Pembetulan sedikit kepada Yang Berhormat bukan setiap kali hujan lebat banjir, bukan setiap kali hujan banjir.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Selalu.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Mana selalu. Selalunya kita kata setiap kali banjir tidak betul di Pulau Pinang bukan setiap kali. Pengurusan masalah banjir di Negeri Pulau Pinang dengan usaha daripada pelbagai jabatan dan agensi kita lihat satu pencapaian yang juga saya rasa memuaskan, walaupun kita masih lihat ada bahagian-bahagian yang begitu rendah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, masih lagi ada masalah banjir tetapi secara keseluruhannya perkembangannya positif pengurusan banjir ini.

Saya setuju bahawa kolam takungan boleh dicadangkan ataupun di bahagian hulu sungai supaya air-air daripada hulu ini boleh dikawal atau disimpan sementara sebelum ia disalurkan ke sungai-sungai tertentu. JPS, SPS sedang mengenal pasti kawasan-kawasan yang boleh kita membina kolam-kolam takungan tetapi kalau kolam takungan ini diperlukan, maka isu-isu pengambilan tanah pula kita perlu hadapi dan peruntukan-peruntukan tertentu perlu hadapi. Ini juga kita harap peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan boleh disalurkan lebih banyak untuk kita sama-sama menangani isu masalah banjir di Negeri Pulau Pinang, bukan maksud saja untuk kawasan Jawi, tetapi juga kawasan-kawasan yang lain, termasuk juga apa yang saya sebut tadi rancangan tebatan banjir Sungai Pinang, Sungai Juru dan sungai-sungai lain yang masih kita lihat perlu peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk mengatasi masalah banjir.

Saya rasa untuk mereka yang tidak sempat untuk bertanya soalan-soalan yang bersabit dengan portfolio saya, saya tiada jawapan untuk mereka dengan itu, saya sekali lagi angkat...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat Bukit Tambun, sebelum Yang Berhormat Bukit Tambun berundur, tolong bagi saya *chance* sikit tanya pasal apa. Projek RTB di Sungai Kerian saya difahamkan Projek RTB tidak menjalankan kerja-kerja pengindahan tebing sungai di dalam projek tersebut. Adakah Kerajaan kita bercadang untuk mengadakan pelbagai projek bagi projek pengindahan dan rekreasi di tebing Sungai Kerian. Jika pihak Kerajaan Persekutuan tidak mampu untuk melaksanakannya, saya rasa ini amat penting bagi memberi ruang kepada orang-orang tua kita, supaya mempunyai tempat-tempat rekreasi tertentu.

Seperkara lagi yang saya rasa macam jawapan daripada Yang Berhormat mengenai soalan saya, iaitu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup kaum nelayan pantai yang dikatakan kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang. Saya rasa macam buat pada masa kini, memang semakin hari semakin ramai nelayan dengan nelayan selalu bersaing di antara satu sama lain, kerana masalah hidup dan penangkapan ikan. Saya rasa apa yang saya nampak dari jawapan Yang Berhormat cuma dikatakan pihak kerajaan telah pun membuat tukun tiruan sebanyak 180 unit dan mengadakan ternakan dan sedikit jawapan mengenai projek ekonomi.

Saya rasa demi kebajikan dan kehidupan nelayan kita, kerajaan kita juga harus mencari langkah mencari jalan untuk keluar bagi mengatasi kepadatan penduduk kaum nelayan kita kerana longgokan mereka pada satu tempat mungkin menjejaskan taraf hidup mereka. Bolehkah kerajaan kita merancang untuk memindahkan nelayan kita keluar daripada kelompok yang berkenaan, sama ada kita menggalakkan nelayan pantai ke laut dalam, buat tangkapan laut dalam ataupun ke lingkungan yang lebih jauh daripada pantai, saya rasa ini akan memberikan satu situasi yang lebih baik kepada nelayan kita. Bolehkah Yang Berhormat tolong jelaskan?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Jawi suka sangat...(ketawa). Yang Berhormat Jawi, Dato' Speaker terima kasih soalan yang telah ditanyakan. Rancangan Tebatan Sungai Kerian satu-satunya projek yang agak baru di Negeri Pulau Pinang. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian yang telah pun

diluluskan sebanyak RM70 juta oleh Kerajaan Persekutuan dan dijangka projek tebatan banjir ini akan mengambil masa tiga tahun untuk menyiapkan pelaksanaan semua komponen, skop-skop kerja di bawah RTB Sungai Kerian, tetapi buat masa sekarang dengan peruntukan yang sediakan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi untuk kita menambah skop kerja pengindahan di sepanjang Sungai Kerian.

Untuk Yang Berhormat Sungai Jawi kita tetap akan mencari sumber-sumber yang lain ataupun mencari kaedah-kaedah yang lain untuk kita lihat juga aspek pengindahan sungai-sungai bukannya Sungai Kerian saja tetapi sungai-sungai yang lain dan telah pun kita minta beberapa sungai yang kita rasa berpontensi untuk kita menambah nilai pengurusan sungai. Saya telah pun meminta JPS untuk mengkaji projek pengindahan misalannya di bahagian Sungai Pinang yang telah pun siap fasa pertama. Kita lihat ada ruang yang besar untuk kita membuat sedikit projek pengindahan sungai dan buat masa sekarang sumber-sumber yang terhad ini kita masih akan menumpukan atas masalah-masalah banjir terlebih dahulu daripada membuat pengindahan tetapi bukan maknanya kita tidak faham bahawa projek pengindahan itu juga diperlukan.

Saya harap Yang Berhormat Jawi juga faham bahawa RTB Sungai Kerian buat masa sekarang tiada peruntukan yang cukup untuk projek pengindahan. Untuk kebajikan nelayan sepertimana yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Jawi, usaha-usaha yang telah pun kita angkat, untuk kita menjaga pendapatan ataupun kebajikan nelayan-nelayan termasuk nelayan pantai ataupun nelayan laut. Ini telah pun dimaklumkan dalam jawapan.

Untuk soalan tambahan Yang Berhormat Jawi, saya rasa tiada apa-apa halangan pun daripada Jabatan Perikanan ataupun LKIM untuk nelayan-nelayan yang berhasrat untuk menangkap ikan di laut, yang lebih jauh daripada persisiran pantai. Ini tiada apa-apa halangan, cuma selalunya saya difaham bahawa nelayan-nelayan bukannya berminat sangat ke bahagian laut yang lebih jauh, yang mereka boleh pulang balik dalam tempoh masa yang singkat. Perbandingan itu ada beza, walaupun pelbagai subsidi dan bantuan yang disediakan, misalannya saya pernah berbincang dengan Penang International Tuna Port, bahawa tiada nelayan ataupun tiada nelayan di Negeri Pulau Pinang ingin masuk ke penangkapan ikan tuna, walaupun lesen-lesen ini ada kuota-kuota yang secukupnya untuk nelayan kita, tetapi mungkin

nelayan kita masih lagi tidak bersesuaian ke laut dan sekali lagi pergi sebulan, dua bulan di laut mereka tidak begitu sesuai keadaan ini. Kita lihat banyak peluang untuk mereka pergi ke bahagian-bahagian laut yang lebih mendalam untuk menangkap ikan, saya rasa ia boleh sentiasa membuat rujukan kepada LKIM ataupun Jabatan Perikanan. Saya lihat kalau mereka memang berkeupayaan peluang ini sentiasa terbuka di jabatan-jabatan yang saya sebut tadi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat, seperkara lagi pasal Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia digunakan sebagai membantu pembangunan nelayan-nelayan kita, tetapi apa yang saya nampak memang baru-baru ini di Changkat, pihak LKIM ada membuat satu jeti pendaratan ikan bagi nelayan kawasan Changkat. Itu memang ada satu cadangan saya, tetapi apa yang saya nampak di sana segala kemudahan lain macam tiang elektrik untuk kemudahan nelayan keluar laut pada waktu malam langsung tidak disediakan.

Yang Berhormat Bukit Tambun, mengenai perkara ini, saya harap pihak Y.B. Bukit Tambun akan mengarahkan ataupun memohon kepada pihak LKIM supaya memasang tiang lampu untuk kemudahan nelayan sekali gus. Walaupun perkara ini telah dirasmikan oleh bekas Ahli Parlimen kawasan Nibong Tebal memang kerja ini bukan kerja dia tapi itu adalah kerja saya, tapi dia tidak tahu rasa malu dia pergi rasmi, itu satu cerita lain, tapi kita buat kerja kita hendak sempurnakan.

Seperkara lagi mempunyai jeti yang telah kita cadang hendak buat di Kampung Sanglang, saya rasa perkara ini Yang Berhormat Bukit Tambun tolong ambil perhatian sikit, pasal kita punya *paper* pun telah keluar tetapi kerja itu tidak terlaksana lagi. Itu satu perkara yang saya rasa penting juga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Jawi tanya sehingga Dato' Speaker pun sudah tukar. Y.B. Jawi, soalan-soalan yang ditanya akan saya angkat perhatian iaitu lampu di jeti Changkat, Yang Berhormat minta adakah LKIM selesai masalah lampu di situ. Saya minta masalah ini dicatatkan dan saya minta LKIM untuk membantu dan jeti yang telah pun tempoh hari kita membuat lawatan ke Kampung Sanglang saya

akan minta JPS beri jawapan mengapa tidak boleh melaksanakan. Masalah-masalah tertentu dan kita boleh juga membuat minit di jawatankuasa tebatan banjir dan saya membuat. Sudah lebih daripada tigalah.

(Y.B. Timbalan Speaker masuk menggantikan Y.B. Dato' Speaker)

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Bukit Tambun, seperkara lagi mengenai masalah sistem saliran di Taman Sempadan. Adakah projek ini telah pun diluluskan oleh pihak JPS kita dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan, kalau sudah diluluskan kenapa tidak nampak bayang langsung. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Nasib baik Exco selalu turun padang, kalau tidak, tidak ada jawapan. Y.B. Jawi projek menaik taraf sistem perparitan di Taman Sempadan iaitu taman yang betul-betul sempadan dengan Negeri Perak. Kita telah meluluskan peruntukan dan projek ini akan dilaksanakan oleh MPSP. MPSP telah memaklumkan kerja ini akan dijalankan tidak lewat daripada bulan Julai. Harap ini juga sedikit maklumat tambahan kepada Y.B. Jawi walaupun ini bukan kawasan Y.B. Jawi tetapi kawasan Sungai Acheh. Maka dengan menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita yang telah pun membantu dalam portfolio saya. Sekian, saya menyokong usul.

Y.B. Timbalan Speaker:

Dipersilakan Y.B. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih Y.B. Timbalan Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembahasan dalam ucapan perasmian Dewan oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang melibatkan semua portfolio Exco-Exco Kerajaan Negeri. Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk berkhidmat dengan Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang. Perhatian Kerajaan Negeri dapat

dilihat melalui peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan di bawah MMK Alam Sekitar, Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan peruntukan diberikan dari tahun ke tahun membolehkan program-program Alam Sekitar, Kesihatan, Kebajikan, dan Masyarakat Penyayang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kelebihan dari komuniti juga menunjukkan bahawa masyarakat memahami dan turut bersama mengeratkan dengan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan impian yang dihasratkan.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah begitu perhatian dengan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya, sejak pemerintahan Pakatan Rakyat telah menjalankan berbagai-bagai program kebajikan untuk mengambil peluang dan ruang kepada rakyat untuk sama-sama merasai kemakmuran daripada hasil penjimatan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri sejak 30hb Mac 2009. Negeri Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama di Malaysia membasmi kemiskinan tegar melalui program pemberian bantuan kewangan. Sehingga akhir tahun 2011 sejumlah RM6.3 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah menaikkan pendapatan minimum keluarga Negeri Pulau Pinang daripada RM500.00 sebulan kepada RM600.00 sebulan. Jauh lebih daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Semenanjung Malaysia iaitu hadnya RM430.00. Kenaikan PGK yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk memastikan kualiti hidup rakyat Negeri Pulau Pinang sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Hasrat Kerajaan jadi Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebas daripada miskin sebelum tahun 2015, adalah tidak mustahil untuk mencapai melalui catatan kejayaan yang ditunjukkan sepanjang pemerintahan Pakatan Rakyat. Kerajaan yang berjiwa rakyat yang dibuktikan oleh Kerajaan Negeri bukan sekadar indah khabar dari rupanya, tidak ada janji yang telah dibuktikan Kerajaan Negeri mampu untuk terus mentadbir negeri ini dengan lebih efektif. Jika dilihat daripada sambutan rakyat terhadap Program Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program OKU menyaksikan peringkat di mana menunjuk komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap rakyat mendapat faedah. Hasrat Kerajaan Negeri difahami dan hayati oleh rakyat.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker, di sini saya ada beberapa soalan daripada Y.B. Sungai Bakap. Y.B. Sungai Bakap telah bertanya berkenaan dengan Program Pelajar Emas. Pada hujung tahun 2011, Program Pelajar Emas telah diumumkan setelah diluluskan di Dewan yang mulia ini dan peruntukan kewangan telah disediakan. Borang telah disediakan pada bulan November 2011. Perundingan cara pendaftaran yang tidak akan membebankan dan mendesak ibu bapa telah diambil kira. Untuk mengelakkan kesulitan, kacau bilau kepada ibu bapa untuk ambil borang, isu penuh borang, untuk jumpa wakil rakyat untuk disahkan. Jawatankuasa telah memutuskan untuk pendaftaran melalui pentadbiran sekolah. Ada beberapa perundingan telah dibuat pada 26 Mac 2011.

Saya sendiri ada satu mesyuarat dengan Pengarah Pelajaran Negeri Pulau Pinang, Tuan Haji Ahmad Tarmizi bin Kamaruddin. Kami telah berbincang dan amat berfaedah dan satu kefahaman telah didapati. Borang yang mencukupi telah dimasukkan dalam satu sampul surat untuk diserahkan kepada sekolah. Dan telah diperiksa akan tetapi kami menghadapi satu kesulitan iaitu kata ada orang tertentu telah buat aduan kepada Kementerian. Yang Amat Berhormat Kementerian Pendidikan bila mereka membuat, Pengarah Pelajaran Pulau Pinang telah menerima arahan bahawanya nasihat mereka mohon izin dahulu daripada Kementerian sebelum boleh menjalankan tugas.

Pada 23 April semua sekolah diharapkan tidak melaksanakan program ini sehingga kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia diperolehi. Pendek kata kami sudah jalankan dan di Pulau Pinang kami sudah dapatkan satu kefahaman dan semua sudah jalan tugas. Daripada sana bila kami jalankan tugas, ada orang-orang tertentu, mereka buat laporan kepada dia punya Menteri. Dia punya Menteri telah beri arahan kepada Ketua Pengarah bahawa minta Pengarah Pejabat Pelajaran di Negeri Pulau Pinang minta beku dulu. Minta kami minta izin daripada mereka. Kami telah pada 25hb memohon izin tetapi sekarang belum dapat apa-apa keputusan daripada sana....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Sebelum itu Ahli Yang Berhormat Perai, saya sendiri juga ada menulis untuk memohon. Pendek kata di Negeri Pulau Pinang kami dapat kerjasama penuh daripada Pejabat Pelajaran, akan tetapi kemungkinan atas kepentingan politik mereka ada orang tertentu telah melapor dan membuat aduan kepada dia punya Menteri supaya beri arahan suruh beku dulu. Oleh yang demikian sekolah-sekolah telah dapat satu surat daripada Pengarah Pelajaran Negeri Pulau Pinang untuk tidak melaksanakan dulu. Oleh yang demikian kini memang program pelajar emas belum boleh dijalankan dengan lancar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya masuk Dewan tertarik dengan *subject* ini. Saya ingin bertanya Program Pelajar Emas ini, kita sedar memberi banyak manfaat kepada pelajar-pelajar di Pulau Pinang. Kedua kita tahu bahawa program ini dicadangkan, dimulai dipelopori oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu. Saya ingin tanya satu dua perkara. Kalau kita lihat adakah Yang Berhormat sekarang menyatakan, sebelum itu berbalik kepada TV3, kita lihat dalam laporan-laporan ataupun segmen-segmen berita kelmarin, kita lihat ada satu rencana yang menunjukkan seorang pekebun yang pergi menggunakan RM100.00 untuk membeli pakaian, bekalan untuk anak-anaknya bagi tujuan sekolah, seperti pakaian seragam dan juga beg dan sebagainya.

Selepas itu ada kenyataan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia ataupun Kerajaan Persekutuan. *Now* saya ingin bertanya soalan pertama saya. Adakah kenyataan Y.B. Sungai Puyu ini menunjukkan bahawa ada satu tindakan yang berniat Kerajaan Persekutuan untuk menghalang Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan sengaja dan tidak membenarkan Kerajaan Pulau Pinang masuk ke sekolah-sekolah untuk menyampaikan bantuan ini dan jika benar bolehkah kita meuar-uarkan perkataan pengkhianatan Kerajaan Persekutuan dengan sengaja tidak membenarkan kita menyampaikan bantuan yang diperlukan murid-murid di sekolah-sekolah di Pulau Pinang kerana perkara ini tersebar luas Yang Berhormat? Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang bertungkus lumus menjalankan kerja ini sehingga kita berjaya, tapi masalahnya itu diketahui oleh rakyat jelata bahawa Kerajaan Persekutuan dengan

sengaja menghalang Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada memasuki perkarangan sekolah atau memasuki sekolah untuk menyerahkan bantuan ini. Boleh Yang Berhormat menjelaskan perkara ini? Jika ada halangan itu dibuat dengan sengaja dan kedua bolehkah perkara ini diuar-uarkan melalui sama ada surat khabar tempatan Negeri Pulau Pinang, Buletin Mutiara dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Memang saya tidak menyalahkan pentadbiran Kerajaan Pusat. Ahli-ahli pentadbiran tidak terlibat. Apabila saya berbincang dengan Pengarah, apa yang bagi ikhlas kepada orang dia nak bagi akan tetapi orang-orang *interested party, politician*, Ahli-ahli UMNO kemungkinannya membuat aduan pada Kementerian, Kementerian siapa, Kementerian Pelajaran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Oleh demikian, kemungkinannya kepentingan mereka telah dicabar. Apabila kita sampai kepada rakyat, mereka merasa amat bimbang, kami telah bagi kepada warga emas, kami telah bagi kepada ibu tunggal, OKU, kami telah bagi anak emas, bila nak bagi kepada pelajar emas, dia rasa amat bimbang. Oleh demikian ada orang-orang tertentu dia bukan berhubung dengan Pengarah Pelajaran Negeri Pulau Pinang tetapi terus ke Kementerian. Kementerian apabila Pengarah Pelajaran menerima arahan, saya percaya dan ini adalah unsur-unsur politik yang menghalang kami sampai keikhlasan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker, Y.B. Pantai Jerejak ada mempersoalkan berkenaan *EM Mud Ball*. Untuk makluman Yang Berhormat, teknologi *EM Mud Ball* telah pun diperkenalkan sejak 25 tahun dahulu oleh seorang saintis Jepun Dr. Higer dan teknologi ini telah pun digunakan secara meluas, lebih daripada 140 negara seluruh dunia dan keberkesanannya diiktiraf oleh lebih daripada 125 universiti seluruh dunia. Teknologi ini juga telah disahkan selamat untuk kegunaan manusia dan alam sekitar kerana tidak mengandungi *pathogenic bacteria*.

Di Pulau Pinang aplikasi '*EM Mudball*' telah dimulakan secara giat dalam merawat air sungai sejak program *A Million Apologies To Mother Earth* dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 8 Ogos 2009.

Penggunaan "*EM Mudball*" terbukti berkesan dalam membantu memulihkan kualiti air beberapa sungai di Negeri Pulau Pinang, khususnya Sungai Kelian, Tanjong Bungah, Sungai Emas Batu Feringghi, Sungai Pinang dan Sungai Juru.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPS) telah menjalankan pemantauan di Gurney Drive setelah 400 ribu biji *EM Mudball* dilontar pada 8 Ogos 2009. Keputusan yang diperolehi melalui penggunaan *Stick Gauge* (sejenis alat pengukur) yang telah dipasangkan mendapati penurunan selut, telah dapat dikesan sebanyak 0.1m selepas 7 hari yang pertama dan setelah 3 bulan, penurunan lebih kurang 0.2m telah ditunjukkan di sepanjang 100m perairan pantai Gurney Drive dengan tindakan tersebut, penurunan selut telah didapati amat berkesan.

Oleh kerana *EM Mudball* amat berkesan dalam merawat air sungai maka penghasilan dan penggunaan *mudball* akan dijalankan secara berterusan dengan kerjasama semua Pejabat Daerah, JPS, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak NGO dan swasta. Program ini akan difokuskan kepada pemulihan kualiti air di semua sungai di Negeri Pulau Pinang. Program *A Million Apologies To Mother Earth* juga telah dijadikan sebagai aktiviti tahunan sempena menyambut *World Mudball Day* pada setiap 8 Ogos.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker, bila kami membuang *EM Mudball*, kami ada jalankan beberapa program. Program yang telah bagi kesedaran kepada rakyat dan terlibat komuniti. Di sana dipanggil komuniti *engagement*. Pada kini Y.B. Dato' Speaker, telah membuktikan menggunakan *EM* dan melontarkan *EM mudball* di mana Y.B. Padang Kota dengan kerjasama dengan Y.B. Bukit Tambun, ketiga-tiga Exco telah berusaha bersama-sama kami telah menjayakan membuang menghapuskan bau-bau di Tol Perai, di Jambatan Pulau Pinang. Masa dahulu bau di situ tidak boleh tahan. Pada satu di seluruh kawasan Perindustrian Perai begitu busuk. Kini melawat kawasan sana, kita telah membuktikan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Pada dulu saya dengar pada rawatan itu, kos bilion tetapi saya umum di sini tidak digunakan apa-apa peruntukan atau *financial implication* kepada Kerajaan. Kenapa kerana ini melalui kesedaran. Ini melalui perhubungan *community work* dan mereka menggunakan *EM at source* dan kami telah berjaya di sana. Inilah kegunaan dan saya akan terus menggunakan.

Y.B. Pulau Jerejak ada sentuh berkenaan jalan di Sungai Kampung Jawa di mana sungai ini di bawah Daerah Barat Daya dan Ahli Yang Berhormat adalah seorang Pengerusi Pemantauan Alam Sekitar Daerah Barat Daya. Saya rela bekerjasama kerana apa yang dibuat di Sungai Juru dan Sungai Pinang dan kami ada satu projek perintis dan kami berjaya dan akan dipanjangkan kepada Ahli Yang Berhormat di sana. Kami akan minta bahawanya kami usaha sama guna apa yang diguna pakai di Sungai Pinang dan Sungai Juru untuk bagi kesedaran kepada semua *stakeholder* di sana supaya mereka di sana dapat berusaha bersama-sama seperti di Perai untuk menghapuskan dia punya bau dan air akan jadi jernih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Pohon penjelasan. Saya terima kasih kepada Y.B. Sungai Puyu kerana nak cadangkan satu program seperti Sungai Juru di Kampung Jawa, saya amat mengalu-alukan. Isu sekarang saya rasa secara *objectively* itu masalah adalah pencemaran daripada kilang dan itu perlu dijalankan melalui *enforcement* disebabkan *chemical* yang keluar dari kilang-kilang itu mencemarkan sungai itu jadi hitam. Benda ini sudah lama berlaku dan *I think the problem is pollution* daripada kilang-kilang dan saya sarankan di sini *enforcement* pergi *check* betul-betul. Mana satu kilang yang mengeluarkan sisa-sisa, saya tak pasti sama ada toksid atau tidak tapi memang sisa-sisa yang menyebabkan air berwarna hitam. Tak masuk akal kalau sungai di sebelah iaitu Sungai Kluang berwarna biasa, tetapi Sungai Kampung Jawa berwarna hitam. Itu tak masuk akal. *I think the problem is we have to* kena cari *at source*, dan kita *tackle* melalui *enforcement*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, memang JAS sedang melaksanakan berbagai tindakan bagi menangani masalah pencemaran sungai khususnya bagi memelihara dan memulihara sungai iaitu kadar pengurusan, pencegahan dan pemulihan telah dijalankan. Kami juga terdapat aktiviti-aktiviti yang berbentuk pencegahan seperti *river care* dan *river ranger*. Latihan program kesedaran kepada golongan komuniti dan juga pelajar sekolah.

Di sini pihak Jabatan Alam Sekitar juga melaksanakan pelan-pelan tindakan untuk penguatkuasaan. Peningkatan penguatkuasaan *End of Pipe* terhadap kilang. Kajian penambahbaikan kualiti air sungai terutama Sungai Pinang, papan tanda larangan buangan minyak hitam. promosi *performance monitoring* dari segi pelepasan *effluent* ke alur air untuk pihak kilang dan meningkatkan pemeriksaan pelupusan minyak pelincir terpakai dari worksyop. (Pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005). Di sini Y.B. Dato' Speaker saya lebih percaya kepada kesedaran. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bukan tidak mahu buat penguatkuasaan. Buat penguatkuasaan itu adalah ..(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker, *Fear of Law is not going to solve the problem, respect for law is going to solve the problem*. Oleh yang demikian, Y.B. Dato' Speaker kami menjalankan ada lima langkah.

Langkah pertama adalah bagi kesedaran.

Kedua, adalah bagi pendidikan.

Ketiga adalah *change of attitude*. Kalau sudah bagi kesedaran, pendidikan tidak *change of attitude* tidak bermakna.

Selepas *change of attitude* mereka tidak tunjuk hormat kepada diri sendiri *as stakeholder, love for the earth*, sungai, kami akan beri amaran. Selepas amaran juga tidak ada hasil baru tindakan akan diambil. Tindakan *will be at the end, last resort why we believe in creation of respect. Not fear, this is a government of respect. I respect you, you respect me and not fear. Fear should not be the way but however* Y.B. Dato' Speaker saya mengakui kalau ada sedikit yang tidak menggunakan penguatkuasaan tidak akan, jika ianya terpaksa menggunakan penguatkuasaan *sorry to say it will be a heavy penalty*.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker. Saya fikir kelima-lima ini tidak akan berkesan ke atas pencemaran dan pencerobohan kawasan bakau Balik Pulau oleh pengusaha-pengusaha di mana terutamanya *aquaculture* juga dan juga penternakan yang berkemungkinan menyebabkan lebih kurang 10,000 pokok bakau mati di Kuala Jalan Baru. Saya minta siasatan dengan teliti dan segera diadakan, sebab pokok-pokok bakau mati. Antara satu pencemaran

yang memberi akibat kepada laut telah menjejaskan sumber pencarian nelayan seluruh kawasan Balik Pulau. Dalam 20 tahun lalu, walaupun kita faham *aquaculture* itu satu ekonomi baru di mana boleh bawa kepada negeri, tetapi saya fikir dia lebih kapitalis tertentu atau kos kepentingan orang ramai dan alam sekitar dan pihak pencerobohan alam sekitar saya fikir patut didakwa dan kes kerana ada bukti-bukti sudah lama membuat pencerobohan dan pencemaran ini. Saya bukan *simply pluck something from the air* ...(dengan izin). Tapi ini boleh dibuktikan melalui *goggle* dari langit, dan kawasan-kawasan lot 486 dan sebahagian lot 155 tanah Kerajaan itu kalau boleh diambil balik boleh dijadikan satu tapak *camp site* atau satu taman rekreasi atau satu pintu masuk ke Taman Negara Pulau Pinang lebih baik kepada rakyat tempatan. Di samping itu, ancaman berkemungkinan berlakunya kencing tikus kerana alam sekitar telah dicemari. Inilah saya fikir harus diberi perhatian dan diambil serius. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, saya fikir ini memang ada satu fail siasatan telah dibuka, di mana saya sedang menunggu laporan daripada Pejabat Daerah DBD dan juga daripada Pejabat Perhutanan. Mereka sedang mengumpul dan melapor kepada saya dan apabila kami siasat laporan itu jikanya mereka tersabit, mereka akan didakwa kerana memang kami tidak mahu di hutan-hutan bakau mati, kerana itu adalah satu sistem untuk melindungi Negeri Pulau Pinang daripada apa-apa tsunami yang akan terjadi. Ini adalah satu perkara yang amat diberi perhatian Kerajaan Negeri khas dan saya akan maklum balas kepada Ahli Yang Berhormat kerana saya tahu Yang Berhormat sendiri amat prihatin pada kes ini dan siasatan sedang dijalankan. Saya tidak boleh umumkan apa-apa di sini kerana siasatan sedang dijalankan. Kalau saya umum di sini ianya akan menjejaskan kes ini jika mereka yang tersabit didakwa di mahkamah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Yang Berhormat saya minta maaf kerana nak tanya tadi Yang Berhormat telah sebutkan tentang warga emas dan semasa berdebat pada hari itu telah membuat beberapa tuduhan terhadap BRM1 Malaysia. Saya cuma hendak tanya sama ada Yang Berhormat boleh menjelaskan dua perkara.

Pertama, berbanding dengan Program Warga Emas yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diberikan kepada semua rakyat jelata semua seperti yang kita katakan tiada fahaman politik, agama dan sebagainya kita berikan kepada semua berbanding dengan BR1M.

Di kawasan saya sendiri, jemputan telah dibuat adalah kepada 75 orang warga emas oleh penyelaras Kawasan Seri Delima. Encik Loh Nam Hui dan Encik Koay Kar Huah. Mereka dengan senyap-senyap mengadakan satu majlis di Rukun Tetangga dan menyerahkan bayaran sebanyak RM500.00 kepada 75 orang penerima. Soalan saya pertama, adakah Yang Berhormat boleh menjelaskan kerisauan saya ataupun persoalan saya. Apakah dasar di atas mana bayaran ini dibuat?, kerana tuduhan telah dibuat ataupun aduan dibuat kepada saya bahawa pertamanya mereka ini adalah golongan daripada parti-parti politik tertentu.

Kedua, kemungkinan besar daftar pemilik dan undi-undi yang telah dibuat oleh mereka juga disemak sebelum bayaran ini dibuat, jika mereka menyokong Barisan Nasional sekiranya dalam pilihan raya lalu mereka mengundi untuk Barisan Nasional, bayaran itu dibuat. Jika tidak, bayaran itu tidak dibuat, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan perkara ini kerana saya risau dan saya ingin tahu mengapakan mereka hanya memilih dalam kawasan saya 75 orang sahaja dipilih. Senarai nama diedarkan dengan senyap-senyap oleh Cawangan MCA Bukit Gelugor dan mereka dipanggil senyap-senyap bayaran itu dibuat dan selepas itu mereka adakan beberapa ceramah politik diberikan dan mereka disarankan untuk undi semula Barisan Nasional jika ingin menerima ganjaran yang sama pada masa akan datang. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan perkara ini kepada saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, ini satu soalan yang begitu susah untuk saya jawab. Saya mewakili Kerajaan PR dan bukan Barisan Nasional betul tidak dan SOP untuk Kerajaan PR saya boleh sebut semua iaitu keikhlasan daripada hati, tidak ambil kira di bangsa, agama atau kepentingan politik. Akan tetapi ada daripada BR1M itu saya memang tidak dapat jawab kerana yang kena jawab adalah daripada Barisan Nasional. Kalau hendak beri satu gambaran, satu siang, satu malam.

Macam masakan satu siang, satu malam. Satu yang begitu cerah, ketelusan semua orang tahu ada hak untuk dapat atau tidak dapat dia sudah tahu, bahawa dia seorang warga umur 60 ke atas dan dia juga adalah seorang pengundi di Negeri Pulau Pinang, tidak kira *you* undi siapa, *you* juga ada hak boleh ambil. Baik pun *you* ada Pengerusi UMNO, MCA, Gerakan pun boleh diambil. Tidak ada halangan, tetapi yang gelap itu waktu malam itu siapa Barisan Nasional orang tidak nampak. Dapat tidak dapat dia buat keputusan. Hitam semua tidak nampak dan saya tidak nampak jelaskan di sana. Saya berharap ahli daripada Seri Delima, saya minta maaf yang boleh jawab, saya jawab dan yang tidak boleh jawab. Saya tidak boleh jawab bagi Barisan Nasional kerana saya daripada PR, telus, ikhlas untuk rakyat dan berjiwa rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang kita ketahui Yang Berhormat selalu ikhlas dan suci hati dalam melaksanakan tugas. Saya berterima kasih di atas jawapan ikhlas yang diberikan. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya membuat bayaran RM500.00 sekarang menjelang bahang pilihan raya yang akan berlaku bila-bila, merupakan satu jenis rasuah khususnya bila pengundi-pengundi itu dipanggil untuk menyerahkan bayaran itu dengan senyap-senyap, bukan seperti yang kita lakukan. Kita melakukannya dengan terbuka seperti kita mengadakan bayaran itu di bank di mana kita berkhidmat dan bayaran-bayaran itu dibuat secara terbuka berbanding dengan majlis-majlis penyerahan BR1M dibuat dengan senyap-senyap.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya cara perlakuan pembayaran wang itu menunjukkan seolah-olah ia merupakan satu suapan kepada pengundi-pengundi, sebelum pilihan raya meminta mereka secara tidak langsung mengundi Barisan Nasional. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Jawapan dia senang sahaja TST. TST adalah "Tahu Sama Tahu". Dalam Program Warga Emas sesiapa pun boleh masuk pergi *website* lihat dia punya nama di sana. Itu suara satu hati ketulusan. Akan tetapi untuk BR1M di mana hendak semak *you* punya nama. Itulah kalau saya

beri satu contoh telah jelaskan semua. BR1M diberi kerana Kerajaan Negeri PR Negeri Pulau Pinang bagi RM100.00. Kalau kami tidak beri RM100.00 dan bila masa hendak beri. 50 tahun lebih tidak bagi, tetapi apabila dia kata hasil untuk berjiwa rakyat memang sudah dekat dengan pilihan raya dia beri satu kali. Jika dia Barisan Nasional, kehendak membuktikan ini bukanlah adalah untuk kerana pilihan raya.

Umumlah bahawasanya akan diberi tiap-tiap tahun seperti Kerajaan PR Negeri Pulau Pinang. Itu sahaja dan saya ada kata bahawa saya rela untuk tunjuk ajar, bukan saya pandai tetapi kami sudah ada satu sistem. Kami tidak *copy right* ini, tidak ada *disk in to lecture property right*. Saya ada kata, kalau hendak *copy, copy it right*. Hendak ikut-ikut betul apa kami jalan sahaja. *So, the difference between copy right and copy it right is there*. Harap Ahli Yang Berhormat boleh terima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat sedikit sahaja Yang Berhormat, saya hendak tambah. Adakah Yang Berhormat juga setuju dengan saya bahawa pemberian ini sebenarnya tidak mencapai matlamat BR1M, di mana di kawasan saya sendiri banyak orang yang telah membuat permohonan yang betul-betul memerlukan bantuan itu dan tidak menerimanya. Nombor satu.

Kedua, saya difahamkan bahawa sebelum mereka diberi bayaran RM500.00 itu sepatutnya mereka dibekalkan bukti-bukti dan maklumat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya pertamanya bahawa matlamat BR1M ini sebenarnya adalah untuk mengaburi mata rakyat seolah-olah kalau Pakatan Rakyat dapat memberikan RM100.00 kita dapat memberikan RM500.00, tetapi sebenarnya RM500.00 itu tidak mencapai matlamat kerana rakyat jelata yang sebenarnya memerlukan bantuan tidak diberikan.

Ada juga kejadian insiden-insiden di mana bila orang itu memohon, Lembaga Hasil Dalam Negeri ada menghantar surat supaya pemohon itu membekalkan maklumat-maklumat berkenaan dengan gaji dan penyata gaji yang telah diterima sama ada pengisytiharan telah dibuat kepada Lembaga Hasil dalam Negeri berkenaan dengan *Income*

Tax Return(dengan izin), Y.B. Timbalan Speaker untuk 5 tahun, 6 tahun. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sebenarnya BR1M ini merupakan satu tipu muslihat Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ahli Yang Berhormat daripada Seri Delima saya bukan seorang hakim, saya bukan Tuhan, saya tidak berani kata begitu. *I do not pass judgment* akan tetapi daripada pendapat saya, ini memang ada udang di sebalik batu. Udag di sebalik batu iaitu kata sesiapa yang sia-sia pergi memohon telah masuk pergi bubuh di perangkap di sana, kerana mengapa kehendak rujuk kepada di *income tax*. Rayuan kehendak pada kerajaan, mengapa kehendak *income tax*. Oleh yang demikian, saya ada kata dan pendapat saya ini memang ada tujuan kemungkinan ada niat, pendek kata ada udang di sebalik batu.

Y.B. Timbalan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Seri Delima juga soalkan keselamatan rumah bertingkat semasa gempa bumi. Memang pada bulan 11 April memang ada satu gempa bumi *longitude* dan terasa di banyak tempat rumah-rumah bertingkat dan ada satu soalan adakah mereka selamat. Saya percaya bahawanya dalam pentadbiran rumah bertingkat, ada dia punya spesifik iaitu kata semua dikehendaki mengikut spesifikasi-spesifikasi yang disyaratkan mengikut garis panduan, memang ada. Tetapi apa yang saya takut kerana dalam pentadbiran Barisan Nasional di mana telah membuktikan bahawa ada begitu orang kata *so conducive for corruption*. Itu yang saya sangat bimbang. Jikanya, kalau mengikut syarat-syarat spesifikasi yang dikenal pasti dan telah tertakluk oleh teknikal *committee* memang mereka selamat. *The only thing which I want to displacement cost corruption*, itu sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit lagi Yang Berhormat, soalan saya kita tahu Yang Berhormat dan kita lihat bahawa kejadian-kejadian gempa bumi ini. Walaupun telah berlaku beberapa tahun. Sejak kebelakangan ini Pulau Pinang mula merasai kesan-kesan sampingan ini dengan lebih ketara lagi, di mana baru-baru ini gegaran yang berlaku itu telah berlaku untuk beberapa saat.

Soalan yang ingin saya tanya adakah cadangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau kerana di Pulau Pinang di persisiran pantai dan sebagainya banyak bangunan-bangunan pencakar langit yang sedang baru-baru dibina kondo dan sebagainya. *Luxury condo*(dengan izin) Y.B. Timbalan Speaker, adakah ada apa-apa cadangan bagi kerajaan untuk kita memasuki ciri-ciri keselamatan kerana ciri-ciri ini telah pun digunakan di tempat-tempat seperti South Korea, Jepun, Taiwan di mana kejadian-kejadian gempa bumi ini lebih banyak berlaku. Jadi adakah apa-apa cadangan yang kita boleh adakah cadangan oleh Kerajaan Negeri untuk memasuki ciri-ciri ini dalam pembinaan bangunan-bangunan pencakar langit yang akan bermula daripada sekarang, kerana daripada keratan-keratan akhbar dan siaran-siaran akhbar difahamkan bahawa ada satu lagi gempa bumi yang akan berlaku pada bila-bila masa. Jadi saya ingin cuma ingin mengetahui perkara in kerana ini adalah sesuatu yang penting saya rasa.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Sungai Puyu dan Y.B. Timbalan Speaker, saya kebetulan ada sedikit *experience* tentang *design on size fix retrofitting*. Dia sebenarnya di negara-negara maju terutamanya di kawasan-kawasan yang mengalami gempa bumi. Dia dalam *design* bangunan mereka yang bertingkat-tingkat atau walaupun bangunan rendah pun mereka ada caranya yang *special* dalam *design* mereka okey. Saya tidak pasti bahawa di Malaysia *size fix design* ini ada dimasukkan ke dalam *design specification*. Itu saya rasa Kerajaan Tempatan terutamanya MPPP dan juga MPSP harus jawab tentang isu ini. Okey, Malaysia secara umumnya dia sebenarnya di luar kawasan gempa bumi. Jadi *we don't have to have major size fix design* atau *retrofitting*, tetapi saya rasa kebetulan kebelakang ini ada banyak gempa bumi di Indonesia, dia menimbulkan kerisauan tetapi Kerajaan Negeri perlu berbincang dengan JKR dan juga IEM (Institute of Engineer's Malaysia) dan dua analisis adakah perlunya *size fix design incorporate* dalam *design in future*. Sebab *size fix design* ini dia bukan sahaja bangunan tetapi dia juga termasuk jambatan *our high way*. Kita punya *what we call public infrastructure* yang mungkin akan jatuh sebab oleh gempa bumi.

I think it is very big area dan perlu *aspect* untuk membuat keputusan. Berapa *skala richter scale* yang perlu kita *start retrofitting*. Kalau kurang daripada enam (6) dan bangunan Malaysia *at this point* kalau *design* boleh tahan sampai berapa *richter scale*. Kalau katakan bangunan di Malaysia sekarang boleh tahan sampai lima (5) *richter scale*. Okey, lepas daripada lima (5) macam mana. Bangunan tinggi berapa yang kita kena tanggung sampai tujuh (7) ke, lapan (8) ke, itulah isu yang saya rasa perlu didalami secara mendalam, bukan sahaja di Pulau Pinang malah di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Pejelasan, terima kasih Y.B. Timbalan Speaker, saya fikir terutamanya perumahan bertingkat *high rise* bukan sahaja di lereng bukit tetapi di atas tanah-tanah bukit ketinggian melebihi 250 kaki ke atas. Satu soalan saya diberikan jawapannya terdapat satu projek di Batu Ferringhi dan empat (4) projek di Tanjung Bunga di mana melibatkan pembangunan melebihi 250 kaki dan pelannya diluluskan kepadanya sebelum Mac 2008. Ini maksudnya ini adalah satu kekhawatiran kita di mana *special project* sahaja hanya diberikan kepada tanah-tanah sebegitu dan saya harap dasar-dasar kursus tiga (3) langkah empat (4) iaitu DK 4 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dengan ketetapannya boleh dipegang kuat bahawa pembangunan secara terhad bagi projek istima di kawasan aras tanah, ketinggian 250 kaki atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan dan mendapatkan kelulusan EIA serta mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Saya fikir Kerajaan Negeri harus pegang kuatlah prinsip CAT supaya tidak luluskan pembangunan melibatkan sebegini kerana kita akan hadapi banyak-banyak malapetaka yang kita akan hadapi masa depan dengan adanya gempa bumi yang selalu berlaku di Banda Aceh. Saya harap inilah satu minta di mana Jawatankuasa Perancang Negeri boleh menolak sama sekali permohonan tersebut seperti satu lagi kes yang baru di Changkat Kenari, di mana ia memangnya satu permohonan yang tidak betul. Janganlah guna kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 4 Tahun 2009 dengan taksiran kategori 1 dan kategori 2, pakailah kategori 1 juga sahaja. Janganlah kategori itu diluluskan dengan senang. Itu adalah untuk kepentingan alam sekitar dan juga kepentingan generasi masa depan kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat jawab itu bukan sahaja isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang bangunan-bangunan di lereng bukit. Saya khuatir saya minta Yang Berhormat saya sendiri prihatin tentang Yang Berhormat, tentang pejabat Yang Berhormat dan juga semua pejabat kerajaan di Pulau Pinang yang ada di KOMTAR yang dibina beberapa tahun lalu. Jadi setiap kali ada sahaja kejadian mujurlah hari itu kejadian pada hari Ahad. Bayangkan kalau kejadian itu berlaku pada hari bekerja, semua kakitangan nanti akan berkeliaran lari lintang pukang lari, lif pun adalah tetapi saya risau cuma saya minta memberi perhatian. Adakah apa-apa ciri yang akan dimasukkan dalam bangunan tersebut untuk kita mengambil langkah-langkah *preventive*(dengan izin), Y.B. Timbalan Speaker, supaya sebelum perkara itu berlaku boleh kita meninggalkan bangunan itu kerana *the capital of administration* bagi Pulau Pinang bukan macam Putrajaya. Kita ada di KOMTAR, bangunan yang begitu tinggi. Jadi saya minta supaya bolehkah Yang Berhormat memberi perhatian akan perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, nasi sudah menjadi bubur. Apa yang telah bina sudah dibina. Memang rumah bertingkat di Pulau Pinang di Negeri Pulau Pinang di Pulau Pinang sekarang ada dikategori itu. Juga mereka ambil kira daripada jumlah berapa jauh daripada *The EPIC Centre* di mana selalunya dikira, 300 kilometer daripada *the EPIC Centre* untuk diambil kira. *The 300 kilometer the EPIC Centre* dan memang kerajaan ada *specification-specification* yang tertentu akan tetapi ini bukan dalam bidang kuasa saya, but *I practice no wrong policy that the reason I apply to you*. Apa yang tugas saya adalah bukan fizikal, *but mental* urusan saya.

Adakah *are we resilient, our city resilient to disaster*. Ini adalah satu tajuk pada tahun 2000 kami telah mulai. Ada satu program *United Nation our Cities Resilient to this disaster. Are we ready to disaster*. Memang di sini bahawa pada tahun 2004, 26 Disember, kami telah ada salah satu tsunami *at north* di mana *52 people in Penang died, due to the tsunami*. Selepas itu kami tidak ada apa-apa dan tahun 2009 kami

telah mulai *reveal* dia punya *emergency contingency planning* dan *emergency contingency planning* kami bila revem kami mengikut MK arahan 20 di mana Negeri Pulau Pinang ada 6 jawatankuasa. (1) satu jawatankuasa di seluruh negeri dan lima (5) lagi jawatankuasa di semua daerah-daerah seluruh Negeri Pulau Pinang.

Memang untuk pentadbiran di bawah Dato' SUK dan untuk operasi adalah di bawah PDRM dan untuk implimentasi adalah daripada Bomba dan Keselamatan dan lain-lain jawatankuasa baik pun negeri dan Pusat adalah Ahli-ahli Jawatankuasa di sana dan ini juga untuk daerah adalah di pentadbiran adalah tuan DO, untuk operasi OCPD, untuk implimentasi adalah oleh Bomba dan Keselamatan dan memang ada SOP-SOP yang ada, kami ada. Apa yang Negeri Pulau Pinang buat pada kini adalah bukan daripada *public sector* sahaja tetapi kami telah panjangkan kepada *private sector* di mana kami telah kutip maklumat-maklumat, *logistic and data control* seperti untuk *stock pile*. Kerajaan Negeri tidak mencadangkan untuk bina satu gudang *stock pile*. Kami gunakan infrastruktur yang sedia ada seperti *supermarket, hypermarket* di mana perbincangan dan satu MOU satu kefahaman telah dapat daripada mereka. Jika telah umum ada apa bencana, apakah harus buat. *Surrender the stock* dia punya *stock pile list* untuk kami, kami berkawal. Untuk menggunakan *multi ratio* yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. *This is how we control.*

Kalau saya hendak jelaskan Y.B. Timbalan Speaker, *I take another three (3), four (4) hours* Y.B. Timbalan Speaker....(gangguan) kerana masa yang tidak izin, singkat. Di sini saya beri satu kenyataan, ya kami sedang siap sediakan menghadapi apa-apa bencana khasnya gempa bumi. Kalau terjadi di Sumatera Utara, kami hanya ada empat (4) jam untuk menguruskan. Jika gempa bumi terjadi di Adamancy Equal Island, kami ada lapan (8) jam. *These are he things which we have got to understand and the only can* kerjasama daripada semua pihak, semua lapisan masyarakat daripada pihak kerajaan, daripada pihak swasta dikehendakkan.

Satu isi kefahaman mesti ada, *they must be understanding with all strata of the society. We have to prepare* dan saya juga begitu gembira bahawa apabila Kerajaan Negeri dijemput menghadiri United Nations Environment Programme. Negeri Pulau Pinang telah diminta untuk membentangkan satu kertas kerja berkenaan dengan persiapan untuk menghadapi bencana. Di Negara Jepun, Osaka dan selepas itu di

Australia dan hari Sabtu ini saya akan mewakili Kerajaan Negeri untuk bentang di pergi sana untuk Penang Regional Government Malaysia hadapi di bencana. *We got to present the paper. Why? Because the people have seen the Penang emergency contingency which established by the Government of Penang ...*(dengan izin), dan mereka rela untuk mendengar dan faham apa Pulau Pinang buat, *because* kami ada *one of those area* di mana empat (4) jam dan lapan (8) jam sahaja dan satu *workshop* untuk menghadapi bencana yang akan dianjurkan oleh The United Nation di Negeri Pulau Pinang pada bulan November. *They want the Penang State Government to hold a workshop for Asean Country to attend the workshop.* Profesor-profesor dan Universiti-Universiti UMEP akan turun padang untuk beri kesedaran dan Negeri Pulau Pinang akan jadi tuan rumah. *That is the type of status which Penang have achieve in the International arena.*

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma hendak komen sedikit tentang Ahli Y.B. Sungai Puyu kata 'nasi sudah jadi bubur'. *I think actually* bangunan-bangunan yang sedia ada masih boleh di apa itu, *size fix retrofitting* maksudnya kukuhkan strukturnya untuk menahan gempa bumi. Ini memang ada dalam *engineering*. Sekarang bukan sahaja bangunan yang sedia ada. Kalau rasa kita perlu dan *engineer* atau JKR atau mana-mana rasa perlu dan *we have to resizing retrofitting*. Saya pun juga juga agak khuatir dengan pembangunan masa depan. Walaupun ini bukan portfolio EXCO Y.B. Sungai Puyu tetapi bangunan-bangunan masa depan di Pulau Pinang, dia agak tinggi dan dia lebih daripada 30 tingkat dan ini menjadikan satu *concern* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini sebab Pulau Pinang dia *concentration of high rise building is very high*(dengan izin). Jadi kita haruslah ada sesuatu polisi untuk menangani gempa bumi itu terutamanya kita agak dekat dengan Aceh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Sungai Puyu, mungkin kalau adakah baik kalau satu syarat mungkin disyaratkan bahawa pemaju-pemaju atau pengusaha di seluruh sepanjang pantai harus diwajibkan menampung juga berlakunya bencana seperti tsunami atau tanah runtuh disebabkan pembangunan di lereng bukit. Misalnya kemudahan Pusat Khidmat Kecemasan dan lain-lainnya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya akan diambil maklumkan. Bila saya kata 'nasi sudah jadi bubur' di sini saya kata pada zaman Barisan Nasional apa terjadi sana, saya tidak berani kata apa-apa kerana kemungkinan apabila ada rasuah memang ada apa kenapa terjadi tetapi saya memberi jaminan bahwa dalam pentadbiran ini tidak ada rasuah dan semua akan mengikut syarat-syarat dan spesifikasi teknikal memang akan jadi selamat.

Y.B. Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Tikus ada sentuh dengan *illegal dumping*. Memang *illegal dumping* khususnya di Chin Farm ada satu perkara yang begitu daripada zaman Barisan Nasional hingga sekarang tetapi di sini Kerajaan PR Negeri Pulau Pinang menggunakan kesedaran pendidikan dan perbincangan dengan semua pihak di sana telah berjaya dan menghapuskan *illegal dumping at Chin Farm*. Saya percaya Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Bungah boleh saksikan bahawanya macam mana Ahli Yang Berhormat daripada Padang Kota, saya dan Ahli Yang Berhormat daripada ini kami duduk, pelan dan strategi macam mana hendak atasikan masalah ini.

Oleh yang demikian, kami akan ada satu Jawatankuasa *Solid Wasted Management* yang akan diumumkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Padang Kota a *holistic approach to the solid waste management* kerana *solid waste management* telah ada satu ruang lebih kurang 18 tahun di mana sejak 90-an Kerajaan Pusat telah bekukan peralatan dan ambil tenaga manusia untuk pentadbiran ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah tetapkan tidak mahu dalam penswastan melainkan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Kota dia akan beri satu struktur. Saya percaya struktur dia, polisi dia. akan disokong sepenuh-penuhnya oleh semua kerana kami telah benarkan satu konsep *match making* dipendek kata *your thrash is my cash, your waste is my resources*.

Y.B. Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Tikus juga ada sentuh gunakan *polystyrene container*, memang Kerajaan Negeri tidak menggalakkan penggunaan poliform kerana pembuangannya menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti pembiakan nyamuk Aedes serta memudaratkan kesihatan manusia. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan larangan penggunaan bekas makanan polistirena dalam setiap majlis-majlis rasmi kerajaan.

Polistirena dan poliform adalah satu jenis bahan pembungkusan yang tidak *biodegradable*. Bahagian Keselamatan Kualiti dan Makanan (BKMM) Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan analisa terhadap bekas makanan yang diperbuat dari polifom dan didapati kajian bahawa migrasi *monomer styrene* wujud iaitu secara amnya dan sejenis bahan kimia yang kemungkinannya dan akan menyebabkan kanser.

Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan program-program kitar semula dan menggalakkan pihak peniaga tidak membenarkan bekas makanan polisterin sebagai langkah mengurangkan implikasi kesihatan dan terus melindungi alam sekitar. Kerajaan Negeri telah dan sentiasa memberi nasihat dan sokongan kepada golongan penjaja menggunakan bekas makanan mesra alam. Sewaktu penggulungan itu turut serta menganjurkan program jualan dan bukan komersial iaitu kata dalam semua aspek iaitu program *food fair* dianjurkan oleh NGO-NGO tertentu.

Kerajaan Negeri beri sokongan penuh di mana minta orang tertentu buat *advertisement* dalam kotak-kotak, cetak dan bagi percuma pada mereka. Ini adalah satu program. Ini adalah program dilancarkan pada tahun 2009 Julai oleh Ketua Menteri sendiri yang jadi *leadership by example* ...(dengan izin) Dato' Speaker, di mana semua Exco-Exco, Wakil Rakyat PR Negeri Pulau Pinang tidak akan dilayan di mana majlis-majlis menggunakan polistirena, dan di semua *food court* MPPP mahupun MPSP telah dilarang.

Ini adalah satu Program Penang Cleaner, Greener. Satu program untuk kesihatan akan tetapi amat dukacita ini tidak disokong oleh Kerajaan Pusat, tidak disokong oleh Kerajaan Pusat. Lagi masih ada jawatan agensi-agensi Kerajaan Pusat di mana direka dalam majlis sedang menggunakan itu apabila saya soal dia kata saya agensi *federal, I am federal officer* itulah sebabnya.

Alasan tidak munasabah. Bukan saya nak simpan hati saya kesian kepada dia. Bukan dia seorang kalau saya kata buruk sikit bukan seorang yang berbudaya, orang budaya adalah budaya masuk kampung yang ikut adat. Ini tiada buktikan bahawa kalau saya kata pegawai-pegawai kerajaan agensi-agensi kerajaan kemungkinannya mereka adalah katak di bawah tempurung, tetapi Perdana Menteri, tetapi Timbalan Perdana Menteri bila dia datang, dia buat majlis penuh-

penuh satu dua lori polistirena. Orang kata orang yang berbudaya, masuk kampung ikut adat. Mengapa begitu jelas adakah orang berbudaya? Adakah?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan. Dan saya tertarik dengan perkara ini. Yang Berhormat sebab itu saya menyatakan dalam masa berdebat bahawa tindakan-tindakan penguatkuasaan perlu diambil. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya? Pertamanya kita lihat penganjur-penganjur yang menganjurkan itu nombor satu, tidak memperolehi permit Polis mengadakan khemah dan sebagainya, sekarang ada aduan mereka menggunakan polistirena. Adakah setuju Yang Berhormat Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan pihak-pihak tersebut? Keluarkan saman, supaya kita tak membenarkan mereka menunjukkan sikap kurang ajar kepada undang-undang masyarakat tempatan. Sebab itu mereka selalu buat tak endah, masakan mereka Kerajaan Persekutuan. Tidak menghormati adat-adat di sini, saya mencadangkan Yang Berhormat boleh pertimbangkan penguatkuasaan yang lebih agresif terutamanya bila majlis-majlis ini dianjurkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang menunjukkan sikap kurang ajar. Tidak menghormati undang-undang kita. Saya cadangkan penguatkuasaan yang lebih agresif dikeluarkan saman terhadap penganjur-penganjur tersebut jangan takut. Ini Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya kami tak takutlah. Kami tak takut, kalau betul kami tak takutlah. Bila saya kata orang berbudaya, orang yang berbudaya masuk kampung ikut adat. Tetapi kadang-kadang saya rasa, adakah mereka rusa masuk kampung? Rusa itu bukan manusia, saya kata apa, saya kata masuk kampung ikut adat. Orang ada budaya memang anda hormati betul tak? Dan saya kata kemungkinannya rusa masuk kampung yang tak tahu apa-apa. Rusa itu bukan manusia.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Siapa itu rusa Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya tak tahulah saya kata. Saya kata rusa masuk kampung.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Tahu sama tahu, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, T.S.T. lah. Y.B. Dato' Speaker, bila saya kata Kerajaan PR, Kerajaan PR ini memang berjiwa rakyat, tidak ambil kira bangsa, agama, kefahaman politik atau di mana-mana kawasan pun. Semua kawasan seperti apa yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri, tidak ada sesiapa yang akan dipinggirkan. Saya tunjuk satu isu sahaja bahawa di Kampung Benggali di Padang Benggali di sana ada satu Masjid Kampung Benggali, di sana ada satu kubur, kubur itu 30 tahun, di sana apabila hujan, banjir. Banjir bila nak simpan mayat kena panggil bomba untuk tarik air keluar. Bila sudah dikebumikan tutup, lagi masuk lagi air. 30 tahun Dato' Speaker, 30 tahun Dato' Speaker, orang yang telah meninggal pun tidak bagi kehormatan oleh Barisan Nasional. Dalam kawasan mana KADUN Bertam, KADUN Bertam di mana? Kawasan Perdana Menteri Abdullah Badawi bekasnya. Kerajaan PR bila saya dapat laporan daripada penyelaras KADUN, saya berbincang dengan Ketua Menteri bagi arahan macam mana pun selesaikan masalah ini. JKR, JPS semua ditarik masuk dan telah selesaikan masalah ini belanja berapa banyak RM43,000 sahaja, RM43,000 sahaja pun tidak mahu keluarkan untuk tunjuk hormat orang yang kembali. Itulah Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, memang saya bersetuju mereka tidak menghormati orang yang telah meninggal. Kalau orang yang hidup pun mereka tak hormat, orang yang meninggal memang lagi tak hormat kerana mereka guna pengundi hantu sebab itu mereka tak hormat. Dan saya fikir ini adalah satu masalah memang mereka tak akan beri perhatian. Sebab itu saya katakan, saya buat tuduhan UMNO dan BN nak berkuasa tidak mementingkan masyarakat negara ini. Orang India

kah, orang Cina, Melayu, Punjabi kah, warga Malaysia tak penting sama ada yang hidup atau meninggal kerana mereka menggunakan warga asing untuk memenangi pilihan raya, orang Indonesia, Filipina, Bangla bagi IC tak penting la orang Malaysia sama ada meninggal atau mati itu tak penting. Mereka mementingkan pengundi hantu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Oleh demikian, Y.B. Dato' Speaker, kami bagi jaminan semasa Kerajaan PR ikut perintah Negeri Pulau Pinang semua pihak, semua lapisan baik pun hidup baik pun telah meninggal kembali akan diberi perhatian di sini. Program-program kebajikan, program-program yang mesra rakyat akan diperkasakan lagi Dato' Speaker. Oleh yang demikian saya ingin sokongan sepenuh lagi untuk Kerajaan PR Negeri Pulau Pinang dan ingin saya memohon menyokong usul ucapan terima kasih kepada T.Y.T. telah melafazkan dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita mengalu-alukan kehadiran satu rombongan seramai 30 orang dari jauh iaitu Ahli-ahli DAP dari Sabak Bernam, Selangor. Ahli Batu Lancang dipersilakan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dihormati sekalian, Negeri Pulau Pinang telah dilihat perubahan positif sejak empat (4) tahun lalu lebih-lebih lagi industri pelancongan. Perubahan dan pembangunan positif ini berasaskan Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Keistimewaan Pulau Pinang bukan sahaja terletak kepada produk-produk sedia ada, ataupun pengiktirafan bandar warisan sedunia ke atas bandar George Town daripada badan UNESCO. Pulau Pinang juga amat unik kerana unsur-unsur kebudayaan yang berbilang kaum dan pelbagai jenis kepercayaan hidup dengan harmoni. Y.B. Dato' Speaker, sejak beberapa tahun Negeri Pulau Pinang mendapat perhatian media tempatan dan juga antarabangsa, antaranya sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini, syarikat media tempatan ASTRO telah memilih Pulau Pinang salah satu lokasi Program Tahun Baru Cina ASTRO Chinese New Year *count down* yang telah disiarkan secara langsung melalui ASTRO.

Yang kedua Festival Filem Malaysia yang ke-24 telah memilih Pulau Pinang salah satu destinasi untuk mempromosikan Malam Anugerah Festival Filem Malaysia bersama-sama pelakon-pelakon popular.

Ketiga, baru-baru ini Chef dan pengacara terkenal Anthony Bourdain dari New York telah melawat Pulau Pinang beliau amat terkenal dengan rancangan beliau *No Reservation*(dengan izinnya), yang disiarkan di saluran *travel* yang akan mempromosikan makanan di Pulau Pinang pada akhir tahun ini.

Keempat CNN.com telah menamakan penang laksa salah satu laksa dari 50 makanan terlazat di dunia. *Last*, penang laksa telah meriahkan tempat telah mendapat tempat ketujuh dan merupakan salah satu-satunya makanan Malaysia termasuk tempat di dalam senarai tersebut.

Pada masa yang sama Pulau pinang telah termasuk senarai Asia 10 *latest street food city*(dengan izin), Pulau Pinang juga termasuk dalam senarai kesepuluh bandar yang terbaik di Asia bagi makanan penjaja bersama-sama bandar-bandar lain Taipei, Bangkok.

Kelima Pulau Pinang telah dipaparkan majalah antarabangsa dari UK iaitu *Monaco Magazine*, dalam laman web majalah tersebut mereka telah memaparkan *video* mengenai Pulau Pinang dan warisan George Town. Seterusnya permainan tradisional iaitu Chingay telah digazet sebagai warisan negara oleh Perdana Menteri Malaysia.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, sikit saja. Adakah apa-apa tindakan diambil untuk promosikan Pulau Pinang media-media tempatan TV3, kerana baru-baru ini saya lihat ada promosi tentang 'Terengganu Kita' ada promosi tentang Perak bagaimana pula dengan Pulau Pinang inisiatif untuk mempromosikan ini bukan sahaja antarabangsa di kalangan penduduk tempatan dengan izin.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Memang dalam tiga (3) tahun kebelakangan ini banyak TV1, TV2, *nite* TV9, TV8 semua datang ke Pulau Pinang termasuk tv makanan dan persiaran telah masuk ke dalam TV di dalam negara kita memang ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

TV3 ada Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Ada, tetapi mereka ambil seperti acara chingay dan makanan untuk spesifiklah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya lihat, mengapa tidak mungkin Yang Berhormat telah mengambil tindakan, tetapi slot amat penting umpamanya kita ada itu adalah di antara slot pukul 8.00 hingga 9.00 malam TV3 menjadi tumpuan, saya rasalah mungkin kita boleh buat permintaan supaya slot itu digunakan kerana banyak orang yang menonton tv ketika itu saya percaya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Untuk dalam *prime time*(dengan izinnya). Kita tak mampu untuk membayar untuk dalam promosi ini kerana Pulau Pinang telah terkenal di dalam negara kita, so semua acara-acara yang diambil oleh TV3 atau TV1, TV9, ASTRO TV7, TV9 semua ini percuma. Kita hanya memberikan tempat atau memberi kerjasama dengan mereka sahaja. Tidak perlu memberi bayaran, kalau kita nak pilih memang kita pernah tanya kalau *prime time*, kita perlukan bayaran RM50,000 atau RM100,000 kita memang tak mampu buat itu dan kita dengan ada risalah-risalah saya rasa semua kenal dengan Pulau Pinang ada makanan yang enak ada tempat peranginan yang bagus dan dari segi pelancongan dalam domestik atau dalaman, memang separuh daripada pelancong yang datang ke Pulau Pinang adalah pelancong dalaman.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Bayaran ini dikenakan oleh TV3 iaitu dikenakan RM50,000 hingga RM100,000 ialah *prime time* adakah ini dikenakan kepada semua pelanggan atau Pulau Pinang sahaja. Adakah Yang Berhormat boleh menjawab perkara ini?

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya rasa semua kena bayar. Seterusnya dalam tahun lepas juga ada *lonely planet*(dengan izinnya), telah mengiktiraf Cheong Fatt Tze Mansion di tangga kedua sebagai *greatest mansion* dan *grand houses*(dengan izinnya). Pengiktirafan ini membuktikan Pulau Pinang telah berjaya meletakkan namanya di atas pentas dunia, kejayaan hasil daripada inisiatif Kerajaan Negeri yang tidak penat telah untuk mempromosikan Pulau Pinang dengan kerjasama pengusaha-pengusaha pelancongan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, saya nak tanya sebelum Yang Berhormat mengakhiri, tentang beberapa insiden Yang Berhormat mengulas perkara itu, khususnya yang berlaku di kawasan pantai di mana dalam enam (6) bulan yang sejak kebelakangan banyak sangat insiden yang diberikan publisiti dalam surat khabar tempatan, pertamanya yang melibatkan *water scooter*(dengan izin), Timbalan Speaker, di mana banyak berlaku kemalangan-kemalangan di laut oleh pelancong-pelancong yang menggunakan *water scooter*, ada satu kejadian di mana satu kejadian warga British yang hampir-hampir patah tengkuk, keduanya kejadian di mana melibatkan penunggang-penunggang kuda dipersisiran pantai dan juga anjing-anjing yang berkeliaran di persisiran pantai. Ini merupakan insiden-insiden saya rasa tidak kurang disenangi kerana pertamanya bagi pihak saya sebagai *backbenchers* banyak rungutan tentang keselamatan tentang *water scooter*, tentang orang-orang yang mandi di laut.

Adakah apa-apa tindakan yang diambil bagi memastikan bahawa insiden-insiden itu tidak berlaku semula, kerana kita tahu bahawa sekarang Pulau Pinang sedang bertanding Langkawi dan juga Pulau

Pangkor sebagai destinasi pelancongan pulau dan ditambah pula dengan masalah-masalah ini kita rasa ia akan menyebabkan jatuhnya populariti Pulau Pinang dan secara tidak langsung mengurangkan pendapatan rakyat Pulau Pinang juga yang mencari pendapatan daripada kedatangan pelancong-pelancong.

Jadi saya cuma ingin tanya adakah apa-apa tindakan bukan sahaja tindakan kompaun ataupun penguatkuasaan yang agresif dan mungkin kita boleh cuba memanggil pihak-pihak yang mengoperasikan penggunaan *scooter*, kuda dan orang lain ke tempat tersebut dan berbincang dan menjalankan perbincangan untuk kita pastikan kejadian-kejadian ini tak berlaku lagi terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Memang banyak insiden-insiden ini yang berlakunya, kita telah ada cara-cara untuk langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini, semua ini telah dibincang dan dilaksanakan, sehingga kini telah menambah baik dan semua ini saya rasa lebih teliti Ahli Exco Kerajaan Tempatan menjawablah jika semua ini. Memang sudah ada langkah-langkah yang dilaksanakan, seperti kawasan yang tertentu hanya untuk jet ski atau kuda pun telah tidak dibenarkan. So, semua ini saya rasa Ahli Exco akan menjawab lebih teliti.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengan izin Yang Berhormat, saya juga dalam penggal yang lalu, telah membangkitkan tentang Pulau Jerejak kerana Pulau Jerejak merupakan tempat pelancongan yang begitu menarik banyak sangat tarikan semula jadi aktiviti-aktiviti lasak yang boleh dipromosikan sejak kebelakangan ini. Saya difahamkan pengusaha di situ tidak memberi tumpuan kepada kualiti, seperti makanannya difahamkan kurang enak nombor satu, kedua bilik-bilik digunakan tidak begitu selesa. Ada juga aduan bilik-bilik di situ tidak dijaga kebersihannya.

Saya lihat sewaktu kita juga melakukan *retreat* di sana masih ingat lagi pantai tersebut masih penuh dengan sampah kita lihat banyak plastik-plastik, tin-tin, kain lampin dan sebagainya semuanya masih lagi dalam laut. Adakah apa-apa tindakan yang diambil kerana ini perkara kita perlu beri perhatian. Pulau Jerejak merupakan satu pulau menjadi

tarikan kepada pelancong juga. Disebabkan oleh aktiviti naik bot itu menjadi tarikan, aktiviti naik bot itu dalam perjalanan 20 hingga 30 minit itu begitu indah sekali. Saya minta Yang Berhormat harap perkara itu diberi perhatian kerana baru-baru ini juga saya pergi ke Pulau Jerejak, saya lihat persisiran itu tidak terjaga dan terbiar dan ini juga mungkin disebabkan oleh aktiviti membuang sampah yang tidak dikawal di tempat tersebut. Boleh Yang Berhormat mengulas tentang perkara ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Untuk perkara Pulau Jerejak, saya telah jawab banyak kali dalam Dewan ini seperti dimaklumkan, Pulau Jerejak saham yang terbesar iaitu 50% adalah dipegang oleh UDA, PDC 49%, so walaupun kita nak beli lebih banyak syer daripada UDA tetapi mereka tak mahu jual. So kita tidak ada *control power*(dengan izinnya). Mengenai masalah-masalah sampah memang wujud di sekeliling pulau, kebanyakan sampah-sampah dihanyut di negeri-negeri jiran kita, dan memang Kerajaan Tempatan juga telah merancang untuk memberi penswastan kepada untuk syarikat yang mengutip sampah di laut, kerana ini saya rasa Ahli Exco Kerajaan Tempatan akan menjawab lebih lanjutlah. Adakah penswastan itu telah habis telah tamat atau syarikat baru diambil alih?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengan izin Yang Berhormat, berkenaan dengan peratusan pecahan syer dengan pihak UDA. Saya nak tanya sama ada ini juga mengawal berkenaan pengambilan pekerja-pekerja di situ, kerana saya difahamkan sekarang yang diambil di situ adalah warga negara asing. Ada warga asing bekerja di situ. Sehingga di mana dalam beberapa kerja-kerja tertentu tidak ada dapat rakyat Pulau Pinang yang memohon jawatan. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan kerana begitulah pihak UDA menjalankan pentadbiran resort di Pulau Jerejak ia merupakan satu diskriminasi penduduk di Pulau Pinang.

Banyak yang saya difahamkan ada yang menceburi bidang hotel, *catering and management*. Yang sedang belajar hotel, *catering and management* yang cuma ingin mendapat pengalaman bekerja dan belajar, tiada dapat membuat permohonan atau selepas pergi untuk

interview...(dengan izin), Y.B. Timbalan Speaker, tidak dapat diambil kerana diberitahu pekerja-pekerja asing dengan bayaran gaji yang lebih murah. Bolehkah Yang Berhormat memberi perhatian terhadap perkara ini. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerna menjelaskan pecahan saham dan sebagainya tetapi rakyat jelata mengetahui dan mereka mengatakan Pulau Jerejak mengapa terbiar? Mudah sahaja, mengapa kerajaan Negeri Pulau Pinang membiarkannya jadi minta Yang Berhormat sekurang-kurangnya inisiatif dari masa ke semasa mengeluarkan kenyataan akhbar mungkin sekali sekala menyelar pihak UDA kerana mengamalkan sikap begini, tak guna cuma hanya mencari keuntungan sahaja kalau tak beri perhatian kepada publisiti dan juga kualiti *tourism* di Pulau Jerejak(dengan izin).

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Memang soalan ini banyak ditanya oleh orang-orang awam atau syarikat atau siapa-siapa yang berkenaan dengan bersangkutan dengan pelancongan, tetapi semua ini kenyataan akhbar telah disiarkan oleh Ketua Menteri banyak kali so, kita tak mampu buat apa-apa. Jadi berkenaan dengan pekerja asing, saya rasa mereka ambil pekerja asing ada juga banyak pekerja tempatan, mereka ini penganjur hotel ini memang mereka menghadiri mesyuarat Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan dan kita selalu tegur dengan mereka mengapa tambangnya mahal atau pakejnya semua kita tegur.

Tetapi semua terpulang *management* merekalah(dengan izin). So kita tak boleh buat apa-apa dalam menguasai *management* mereka, walau kita tahu makanannya tak berapa sedap, adakah boleh mereka sedar tambah mendapat lebih ramai pelancong tetapi mereka rasa terima teguran tak buat apa-apa pun. Seperti saya kata mengapa tak bagi pelancong-pelancong yang pergi sahaja dan balik dengan tambang itu sahaja, tak masuk pakej kerana sekarang ini mereka mahu kalau sesiapa yang ingin pergi ke Pulau Jerejak kena ada pakej, seperti RM15 atau RM20 tambang atau kapal dan juga termasuk makanan. So kadang-kadang mereka ada orang sahaja nak pergi nak melawat, tetapi tak mahu makan so, ini telah menghalang ramai yang ingin pergi melawat. Itupun kita tegur, mereka tak mahu ubah dalam cara ini. Dan mungkin mereka ada alasan mereka ada kata kerana tambang sahaja tak mencukupi untuk mendapat pendapatannya yang lebih, jadi mereka menghadapi kerugian yang banyak, itu di sini itulah *management* susah nak kata nak tambah pendapatan ke atau nak tambah pelancong.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, terima kasih Ahli Seri Delima dan juga Ahli Batu Lancang kerana menjelaskan isu Pulau Jerejak kawasan saya, saya terpaksa nak bangkitkan beberapa isu. Selain dari itu, saya nak tanya Ahli Batu Lancang di luar daripada kawasan *resort* di mana ada beberapa pembangunan *historical building* adakah itu di bawah jagaan UDA ke atau di bawah *state*? Sebab baru-baru ini ada beberapa isu tentang sampah sarap yang bertimbunan di sana. Masalah kebersihan dibangkitkan adakah ini isu *state* atau UDA. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Ini kebanyakan tanah di sana dimiliki oleh *Tropical Island Resort*, hanya sedikit sahaja kawasan yang diuruskan oleh PDC. Mengenai sampah sarap ini, memang ini *Tropical Island Resort* mereka ada pergi membersihkan sampah sarap ini juga, tetapi seperti saya kata, ini sampah sarap bukan sahaja bukan terdapat di sana, di sebelah Pulau pun ada kerana ini hanyut dari Kedah, Perak dalam musim ini adalah masalah. Seperti saya kata, mereka tak mahu pelancong hanya bayar tambang sahaja dan melawat di Pulau Jerejak seperti Yang Berhormat Pantai Jerejak kata tempat selain daripada *resort* adakah mereka boleh pergi ke tempat lain melawat? Tetapi tambangnya telah menghalang orang pergi melawat di sekeliling Pulau itu.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih. Saya nak tanya kalau ada permasalahan kebersihan atau masalah Denggi, masalah kebersihan di kawasan Pulau Jerejak, Kerajaan Negeri pun boleh masuk campur tangan sama ada atau memberi saman yang serius kepada mereka kalau mereka tak akur, hari-hari pun boleh bagi saman.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Mereka ada uruskan sampah, bukan tak ada, tapi mungkin bukan tiap-tiap hari, mungkin bukan tiap-tiap minggu, kadang-kadang jadi masalah, sampah sarap masih ada. Mengikut Kerajaan Tempatan, MPPP ada memberi amaran dan saman, kita haraplah melalui Dewan ini mereka dapat mengetahui bahawa masalah sampah di sekeliling Pulau Jerejak itu memang penting dan juga masih belum diselesaikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Minta laluan, sikit saja. Bila Yang Berhormat mengatakan bahawa pecahan saham itu adalah 49% dikawal oleh PDC dan 51% oleh pihak UDA. Adakah ini juga bermaksud bahawa susunan dalam Lembaga Pengarah yang menguruskan perkara-perkara harian pihak *resort* tersebut, seperti penjagaan kualiti alam sekitar, penjagaan bilik-bilik seperti penyelenggaraan pekerja-pekerja di situ, adalah susunan yang sama, maksudnya pihak UDA mempunyai lebih kawalan di atas urusan *resort* di situ, berbanding dengan pihak PDC yang merupakan cawangan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Adakah begitu?

Soalan yang kedua saya bukannya Yang Berhormat terfikir, kemungkinan pihak UDA tidak memberi perhatian yang sebenarnya, yang diwajibkan, yang dikehendaki, bagi menjamin Pulau itu sebagai satu destinasi pelancongan yang utama di Pulau Pinang? Mengapakah tidak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil inisiatif untuk mengambil 100% kawalan ke atas Pulau Jerejak, kerana ini adalah satu perkara yang lebih baik, saya rasa kalau tidak besar kemungkinan dalam masa akan datang Pulau Jerejak tidak akan menjadi destinasi pelancongan langsung. Saya risau kerana perkara ini telah berlarutan dan mungkin kita perlu lebih agresif lagi. Yang Berhormat sendiri lebih mungkin mengetuai tindakan-tindakan agresif diambil untuk kita mengambil alih pecahan peratusan syer ataupun kawalan ke atas Pulau *resort* dan ini adalah harta Pulau Pinang banyak pekerja-pekerja di situ warga Pulau Pinang saya tahu kerana pernah menerima rungutan daripada mereka dan kadang kala gaji yang tidak dibayar, elaun tidak dibayar, ada juga yang merungut mengatakan bahawa kalau tak mahu kerja, tak apa tak ada masalah, kita boleh melantik warga asing untuk bekerja untuk bayaran yang lebih rendah lagi. Ini merupakan perkara-perkara serius Yang Berhormat yang saya rasa perlu diberi perhatian. Kalau kita tak dapat menjamin masa depan pekerja-pekerja di situ, yang adalah kalangan penduduk di Pulau Pinang, bayangkan apa yang akan kita boleh buat. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Seri Delima memang seperti saya kata *Island resort* ini yang banyak tahun mengalami kerugian yang banyak, mereka mahu menambahkan saham-saham lagi, kita tidak mahu, kerana kalau kita menambahkan saham lagi kemungkinan akan rugi lagi. Jadi dalam dua tahun lalu Ketua Menteri pun telah menulis surat kepada UDA supaya saham mereka dijual kepada kita atau sebaliknya 49% saham dari PDC jual kepada mereka, tetapi mereka tak mahu beli pun, tak mahu jual juga. Itulah masalah sehingga sekarang ini dan juga memang dalam *management* semua ini adalah dikuasai oleh UDA, siapa yang memegang lebih peratus saham memang mereka mempunyai kuasalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Yang Berhormat saya kurang bersetuju dengan pendirian Yang Berhormat, kerana begini saya bersetuju kalau daripada sejarah semua perkara-perkara yang dilakukan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya Yang Berhormat setuju kerana kita mengamalkan prinsip CAT, saya percaya UDA dan *resort* mengalami kerugian kerana mereka tidak mengalami amalan CAT dalam menguruskan Pulau tersebut. Saya percaya dan sejarah menunjukkan bahawa UDA ini agensi Kerajaan Persekutuan tak pernah mengamalkan CAT, memang semua perkara-perkara yang diuruskan mereka itu mengalami kerugian. Jadi saya mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat yang berjaya melaksanakan beberapa projek dengan jayanya, perlu mungkin mengambil tindakan yang lebih agresif, kalau kita mengambil alih, saya yakin seperti kejayaan kita dalam semua projek yang dipelopori Kerajaan Pulau Pinang, memang kita akan berjaya untuk *total around* Pulau Jerejak itu kepada satu resort yang terkemuka dikenali oleh dunia. Jadi abaikan UDA saya rasa kita abaikan UDA jangan lagi kita terima lebih agresif lagi untuk kita, mungkin mendapatkan nasihat daripada Penasihat Undang-undang saya sendiri memberi nasihat dan sebagainya mungkin kita kalau boleh pergi ke mahkamah untuk mengambil alih pengurusan pihak UDA ini, supaya kita dapat menjamin masa depan pekerja-pekerja di situ, yang merupakan penduduk-penduduk di Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Seri Delima memang semua kita berusaha untuk mengambil alih pusat Persekutuan barulah semua masalah ini akan selesai. Y.B. Dato' Timbalan Speaker dalam usaha mempromosikan industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah menyertai pelbagai expo pameran pelancongan di dalam dan juga di luar negeri.

Antaranya Hoo Chin Meng International Travel Mark pada September 2011, yang kedua di Hoang Thong International Tourism Expo pada September tahun lepas dan telah mendapat anugerah *best book decoration*(dengan izin), dan *excellent organization award* yang ketiga ASEAN Tourism Manado Indonesia pada Januari tahun ini dan juga yang keempat IDP Berlin dalam bulan Mac di Berlin, Jerman dan memang bukan semua saya yang hadir ada, sahabat kita yang lain hadir yang.

Kelima Penang Festival sempena Fiesta Malaysian, Melbourne dalam bulan Mac untuk mempromosikan makanan Pulau Pinang seperti roti canai, char koey teow, satay, hokkien mee dan sebagainya, kita buat makanan ini untuk mempromosikan Pulau Pinang di sana, memang mendapat sambutan yang meriah.

Selain daripada peruntukan yang telah dibelanjakan untuk promosi di luar negara, Kerajaan Negeri juga mencetak dan menghasilkan pelbagai bahan-bahan promosi bagi pelancongan, pelancong-pelancong termasuklah hotel Pulau Pinang yang diisi dengan maklumat-maklumat berguna, *food trail*(dengan izin), makanan bagi makanan yang popular di Pulau Pinang dan ketiga *calender event* bagi acara-acara sepanjang tahun dan juga Penang Halal Guide Book untuk pasaran negara Arab dan Timur Tengah dan juga yang kelima Booklet bagi MICE "Meetings, Incentives, Conventions and Exhibition".... (dengan izinnnya), dan video-video untuk mempromosikan tempat-tempat menarik di Pulau Pinang dan juga acara-acara kebudayaan dan sukan risalah-risalah dan video-video ini juga dibawa ke luar negara ketika menyertai pameran dan pelancongan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga menggunakan tiga jenis *platform visual* untuk mempromosikan Pulau Pinang iaitu laman web yang *visit Penang* yang mengandungi pelbagai maklumat termasuklah hotel, risalah dan lain-lain lagi unit digital pada tahun lepas adalah

seramai 2 juta dalam satu tahun dan yang kedua *tourism newsletter*, buletin mingguan iaitu tiap-tiap minggu kita hantarkan emel kepada 50 ribu orang yang terdiri daripada pelancong asing. Pengusaha-pengusaha pelancongan di dalam dan juga di luar negeri bagi pengetahuan Ahli Dewan yang dihormati hanyalah Negeri Pulau Pinang yang menghantar *newsletter* selama tiga tahun berturut-turut. Kementerian Pelancongan Malaysia dan juga pun tidak buat begitu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat berkenaan dengan Pulau Pinang yang menghantar *newsletter* pada sidang yang lalu, saya telah mencadangkan mungkin Yang Berhormat boleh menjawab atau Ahli-ahli Exco yang lain supaya Vaisakhi yang merupakan hari kebesaran di kalangan orang-orang Punjabi dijadikan satu hari cuti am. Hari ini saya lihat Perdana Menteri telah mengumumkan perkara itu dalam surat khabar, jadi saya tak mahu Pakatan Rakyat ketinggalan meraih undi daripada rakyat Pulau Pinang yang berbangsa Punjabi. Jadi saya rasa mungkin Yang Berhormat sendiri juga mempromosikan apa hari Vaisakhi yang baru-baru ini disambut secara besar-besaran di Pulau Pinang, di mana kita ada upacara pentas, tarian dan makanan sebagainya dihidangkan boleh diberi perhatian supaya semasa mesyuarat Exco, perkara ini diberi perhatian supaya Vaisakhi jadikan satu hari cuti am atau umum seperti Deepavali, Hari Raya Cina, Hari Raya Haji, Hari Raya dan sebagainya. Saya mohon perkara ini diberi perhatian kerana ini adalah perkara begitu penting, tak taulah saya bukan nak angkat bakul sendiri, Perdana Menteri ada baca saya punya ulasan dalam surat khabar itu. Jadi hari ini dia dah umumkan, saya khuatir kalau kita mengumumkan cuti nanti BARISAN kata kita ciplak diorang punya idea, tolonglah memberi perhatian kerana ia disambut secara besar-besaran di seluruh Malaysia cuma kita ada banyak penganut-penganut Punjabi warga Malaysia Y.B. Datok Keramat pun seorang Ahli Yang Berhormat menganut merupakan seorang Punjabi juga jadi bolehkah perkara ini diberi perhatian dengan serius kita umumkan kalau boleh sebelum sidang ini berakhir bahawa Vaisakhi itu juga merupakan satu hari cuti am bagi semua warga Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya akan bangkitkan perkara ini dalam mesyuarat Exco mungkin ini boleh dilaksanakan kita terpulanglah kepada perkara ini dan yang ketiga...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker yang saya hormati ADUN Batu Lancang tadi yang Seri Delima kata itu Punjabi sebenarnya untuk orang awam atau khas kakitangan Kerajaan saja dan yang kedua soalan saya adalah adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada ambil tindakan inisiatif untuk mengalakkan pelancongan di Seberang Perai Tengah, sebab tadi saya dengar *you* kata banyak aktiviti dan program adakah termasuk di BM dan mana-mana yang boleh bawa pelancongan ke Bukit Mertajam untuk mengalakkan kita punya ekonomi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Mungkin soalan itu saya boleh jawab, kepada saya nak tanya perkara pertama saya ingin menegaskan menurut akhbar The Star hari ini, banyak jika, banyak jika, jika Barisan menang dalam pilihan raya akan datang mereka akan mengumumkan cuti untuk pekerja atau kakitangan awam sahaja. Bukan cuti umum, menurut sidang akhbar itu adalah apa yang dilaporkan mungkin saya tersilap tapi, apa permintaan saya supaya umumkan cuti umum itu untuk semua Vaisakhi itu dijadikan satu *official public holiday* bagi rakyat Pulau Pinang atau Pulau Pinang sahaja.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Minta penjelasan. Dari apa yang saya baca The Star ia merujuk kepada kakitangan Punjabi sahaja, bukan untuk semua *and that is only unrecorded leave* bukan cuti apa-apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jadi mendapat jawapan daripada Ahli Padang Kota yang merupakan juga Pengerusi Pulau Pinang untuk DAP saya yakin bahawa permintaan saya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya, supaya kita mendapat mengatakan bahawa, saya nak dapat pendapat Datok Keramat tentang perkara ini saya yakin, jadi perkara ini harus diberi perhatian dan bila mendapat jawapan daripada Exco, sila minta Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker saya terharu dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya berkenaan dengan pengumuman Perdana Menteri pada pagi ini semalam yang dilaporkan dalam STAR untuk rekod saya dapati ialah adalah berkenaan dengan pengumuman cuti umum, bukan cuti umum tetapi sepertimana Padang Kota kata tadi *unrecorded leave government servant*. Saya berpendapat ini adalah tidak begitu wajar dan *discriminatory*, kerana sekiranya hendak memberi satu cuti kepada kaum tersebut maka kita sebagai satu Malaysia, semua mesti kongsi dengan cuti itu dan saya merayu kepada Ketua Menteri kita supaya kita buat apa yang betul iaitu *true Malaysian Malaysia and give Vaisakhi the prominent its deserved it is become public holiday*. Itu saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dan saya yakin sekarang mendapat jawapan daripada Y.B. Datok Keramat yang mana Ahli Parlimen Bukit Gelugor juga merupakan ayahnya dan Pengerusi Kebangsaan bahawa permohonan saya akan diberi perhatian, mungkin Y.B. Datok Keramat boleh sampaikan kepada Pengerusi Kebangsaan untuk menasihatkan pemimpin-pemimpin Negeri Pulau Pinang supaya kita dapat mengumumkan, hari Vaisakhi ini sebagai satu hari kebesaran am, cuti umum bagi semua warga Malaysia yang menganut warga Punjabi yang menganut hari Vaisakhi, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker saya teruskan dengan yang ketiga *face book*, laman *face book*.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Soalan saya belum dijawab.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya akan jawab lepas.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Batu Lintang, panjang lagikah?

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya rasa kalau tak ada orang tanya, lima (5) sudah habis.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya banyak soalan lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Bolehkah sambung.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Tanya di luar, masa makan kita boleh tanya. Dalam laman *face book* George Town Penang telah menjadi sebuah komuniti yang rancak. Pada masa ini laman web ini mempunyai sebanyak 1,424 orang ahli. Kita telah menggunakan *face book* ini sejak tahun 2009 dengan percuma dan tak sama dengan Tourism Malaysia yang membayar 1.8 juta untuk laman *face book* mereka.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker untuk menjawab jawapan Y.B. Padang Lalang memang kita risalah-risalah ini kita mempunyai banyak acara seperti di dalam kawasan Pulau dan juga di dalam kawasan Seberang Perai, tempat peranginan pun letak di dalam risalah ini semua ini tidak terpinggir di kawasan Seberang Perai dan acara-acara, saya rasa tak payah sebut lagi kerana memang kita tahu banyak acara telah dilaksanakan dan seperti baru-baru ini Penang World Music Festival telah mendapat sambutan yang baik.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong beri laluan. Saya amat bangga dengan usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Pelancongan Negeri Pulau Pinang kita, kerana apa yang saya nampak kita telah pun mengembangkan sayap ke peringkat antarabangsa ke Asia dan sebagainya. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, apa yang saya rasa sedihlah pasal semua penyampaian yang telah diberikan oleh Exco Pelancongan kita adalah mengenai bahagian Pulau saja. Saya rasa macam Seberang Perai memang telah diperanaktirikan oleh Jabatan Pelancongan kita, bagi lah saya cakap. Saya rasa pembangunan juga perlu dilakukan oleh kerajaan kita kerana di SPS kita mempunyai banyak tempat yang dikatakan berpontensi untuk dimajukan sebagai pelancongan semula jadi. Saya rasa macam di Kawasan Byram kita mempunyai satu pemandangan yang serba indah, yang boleh dikatakan orang kalau pergi ke sana, pasti dia akan tertarik dengan situasi pemandangan di sana pada waktu senja, iaitu waktu senja cahaya matahari sedang terbenam di sebelah sana. Ini adalah satu keadaan yang sesuai untuk dimajukan tapi apa yang saya nampak macam pembangunan tak ada langsung saya tak tahu apa kegunaan peruntukan yang telah buat oleh Exco Pelancongan kita. Saya harap Exco Pelancongan kita kalau tak buat pembangunan pun kalau kita tumpukan perhatian kepada bahagian Pulau saja tak berikan peruntukan untuk memajukan SPS itu adalah satu tak seragam pasal Negeri Pulau Pinang sedang ke sebuah Bandar Raya Antarabangsa. Ini amat penting pasal kita mempelbagaikan selera kepada pelancongan, itu juga boleh mengembangkan lagi kita punya pelancongan. Saya harap Exco Pelancongan kita akan memberikan perhatian yang serius tentang perkara ini. Itu saja terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Kita akan perhatian. Memang dari Y.B. Timbalan Dato' Speaker dari segi geografi kita nampak banyak acara-acara atau pembangunan yang rancak di Pulau berbanding dengan seberang perai tetapi kebanyakan ini mungkin adalah penswastaan, kita ingat Kerajaan Negeri tak memberi peruntukan kepada Seberang Perai memang ada, seperti makan laut di Batu Kawan, PDC telah memperuntukkan sebanyak lebih RM10 juta untuk membangunkan tempat di sana. Lagi satu ada projek di Kepala Batas di sana pun ada yang akan datang, acara-acara lain memang kurang berbanding dengan sini, tetapi macam San Eng Festival pertandingan Moon Cake Festival pun telah diberikan kepada kawasan BM untuk diuruskan bukan di Pulau memang ada dan Nibong Tebal pun ada banyak acara pesta Tanglong dilaksanakan dalam dua tiga tahun lalu.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Penjelasan. Terima kasih. Y.B. Jawi Y.B. Batu Lancang di Pulau Pinang penggunaan basikal untuk aktiviti harian dan bersenam memang telah menjadi semakin popular dan juga ada polisi dan garis panduan pelan induk asas diluluskan Jawatankuasa Perancang Negeri di mana penyediaan rangkaian lalu basikal di seluruh Pulau Pinang akan diadakan, mesyuarat pemaju disyaratkan menyediakan laluan dan piawai yang laluan itu juga diluluskan dan juga banyak lagi program-program diadakan di Pulau Pinang, untuk promosi basikal ini. Basikal bukan satu saja transportasi tapi dia juga untuk senam dan juga untuk keluarga.

Sekarang satu trend baru ada basikal itu adalah basikal *tourism* di mana banyak negara atau bandar raya besar sudah promosikannya. Adakah saya faham pelancongan adalah satu pilih ekonomi Pulau Pinang dan basikal *tourism* ini mungkin boleh jadi satu produk baru supaya pelancongan kita ini bertambah baik dari segi ekonomi? Bagaimanakah pihak Yang Berhormat untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah pusat berbasikal untuk *International* aktiviti di bidang baik *tourism*.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya rasa acara basikal di Pulau Pinang bukan saja di pulau saja, MPPP telah merancang untuk membuat jarak dan jalan untuk berbasikal telah dilaksanakan dan MPSP sekarang juga telah merancang untuk tempat-tempat berbasikal di Seberang Perai itu pun juga ada di Seberang Perai. Yang Berhormat kita selalu mempromosikan acara-acara ini termasuk acara berbasikal, dengan ini kita harapkan satu hari kita acara basikal ini boleh mendapat sambutan antarabangsa. Memang setiap bulan Disember kita ada banyak berbasikal dan ramai dari bukan sahaja dari negeri lain, tetapi juga dari negara lain juga menyertai acara berbasikal dalam pesta Pulau Pinang iaitu *around island*(dengan izinnya), atau *half island*, memang ada dua acara yang besar, yang tidak boleh dinafi bahawa acara-acara di negeri lain, kurang lebih besar daripada acara yang kita anjurkan di dalam bulan Disember ini.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Batu Lancang seolah-olah sudah mengabaikan SPS dan pergi ke Pulau Pinang balik. Ini adalah satu perkara yang sedih, saya masih lagi tak puas hati dengan apa yang telah, tadi apa saya memang sedap dengar Yang Berhormat cakap kita ada membuat pembangunan untuk *seafood* di Batu Kawan, tetapi pembangunan *seafood* saya rasa tak berapa banyak sangat pasal itu *private* punya, saya tahu sebelum ini kita ada buat satu pusat makanan dekat Batu Musang, di Batu Kawan saya rasa itu memang baik untuk pelancongan ke Pulau Aman. Apa yang saya mahu saya rasa pembangunan untuk pelancongan semula jadi perlu dibangunkan dalam kawasan SPS, sebab SPS memang mempunyai potensi yang tinggi memang potensi yang tinggi untuk memajukan bidang ini sebab keadaa semula jadi di kawasan SPS masih lagi, terutama di kawasan Jawi masih lagi banyak dan memerlukan usaha kita untuk membuka dan memperkenalkan kepada dunia luar, dia macam tak mahu dengar ini. Saya harap kalau boleh Bahagian Pelancongan kita Exco Pelancongan, kita kena ambil inisiatif untuk memajukan dan memperkenalkan dunia pelancongan semula jadi dari Jawi kita atau khasnya ataupun di kawasan lain amnya untuk memperkenalkan kepada dunia mengenai tentang kecantikan yang wujud di kawasan SPS ini.

Saya rasa ia akan mendatangkan banyak faedah kepada penduduk SPS, khususnya penduduk di Nibong Tebal kerana sebagaimana yang kita telah sedia maklum. pelancong kawasan kita dia bukan saja belanja, dia akan menginap di sana dan sebagainya. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup penduduk yang kita di sana. Saya harap jangan kita pesong soal pembangunan ke tempat lain, saya rasa soal pembangunan itu sangat penting, sebab saya tak nampak apa-apa yang telah dibangunkan oleh Yang Berhormat kesayangan, ADUN Batu Lencang. Saya harap ADUN Y.B. Batu Lencang akan berusaha lebih daripada cakap ataupun lebih daripada memberikan jawapan yang saya tidak boleh diterima langsung. Itu saja.

Ahli Kawasan Batu Lencang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya jawab ini saya terpaksa mengumumkan tempat-tempat peranginan di Seberang Perai yang pertama Penang Bird Park, Night Emperor Cord Temple, Mengkuang Dam dan San Eng Church, Taman Rimba Bukit Mertajam, Auto City, Pulau Aman, di Nibong Tebal Higher Perai Century memang ini tempat ramai orang Jepun orang Eropah pun pergi bukan tak pergi ada dan juga Taman Rimba Bukit Panchor ini tempat semula jadi memang dapat menarik pelancong asing dan juga kita boleh nampak sekarang kalau tak bangun hotel-hotel tak didirikan Seberang Perai tapi banyak hotel-hotel didirikan memang ada dan kadang-kadang seperti Sunway Hotel mereka penginapannya lebih ramai daripada Sunway di Pulau memang nampaknya di Seberang Perai memang sudah bertambah baik dari segi sektor pelancongan dan kita akan umumkan satu lagi projek yang besar iaitu kawasan Kepala Batas ada lagi dalam rancangan kita dan juga mungkin kesuntukan peruntukan kita hanya mempunyai RM7 juta sahaja, berapakah juta yang akan boleh diberikan kepada Nibong Tebal selepas menolak perbelanjaan pengurusan, saya rasa akhirkkan satu *paragraph* lagi, *last....*(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan *last* saya

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang hari ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula untuk sesi penggulungan untuk ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama. Silakan.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker saya sambung dengan penggulungan saya. Pada tahun 2010 purata pengunjung yang menginap di hotel-hotel Pulau Pinang adalah 60.2% dan pada tahun lepas iaitu 2011 adalah sebanyak 63.5%, ini bermaksud peningkatan sebanyak 3.5%. Oleh sebab pelancong domestik dan antarabangsa yang agak ramai di Pulau Pinang, banyak hotel-hotel dan hotel bajet telah didirikan seperti sebuah hotel 5 bintang yang akan didirikan di Jalan Sultan Ahmad Shah dan satu lagi di Telok Kumbar. Sebanyak dua (2) buah hotel bertaraf 4 bintang akan dibina di Tanjung Bungah dan sebuah lagi di Bayan Baru. Banyak lagi hotel-hotel bertaraf 2 dan 3 bintang juga akan didirikan. Juga kita boleh lihat di kawasan George Town banyak rumah lama telah diubahsuaikan dan dijadikan Hotel Boutique, contohnya Hotel Penaga, Hotel Yang Kheng, Hotel Chong Theang dan juga Hotel 23 Love Lane. Manakala hotel-hotel lama juga telah dibeli oleh pengusaha tempatan dan juga pelabur asing.

Y.B. Dato' Speaker, secara keseluruhannya sektor pelancongan di Pulau Pinang adalah dalam keadaan ceria dan positif. Berasaskan produk pelancongan sedia ada, Pulau Pinang sememangnya mempunyai daya saingan yang tinggi. Dengan itu saya memohon untuk menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya beri kepada Y.B. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker: Tadi saya ada tanya apa produk untuk SPT untuk diperkenalkan kepada pelancong luar dan tadi Y.B. Batu Lanchang kata ada program di BM. Itu program, bukan produk, kita mahu produk dan bukan aktiviti, aktiviti sebulan sekali sahaja bukan hari-hari. Kalau kita harap kepada aktiviti setahun baru sekali matilah ekonomi untuk pelancongan di BM. Jadi saya mahu produk di sana di mana kita boleh beritahu kepada orang luar di mana tempat orang boleh pergi melancong di BM.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Biar saya jawab ini dahulu. Produk di Pulau Pinang memang agak berkurangan dan kita hanya akan adakan di Telok Bahang iaitu *theme park* yang akan diadakan pada hujung tahun ini, satu lagi SPICE iaitu mesyuarat insentif dan meeting dan di Auto City sedang dirancang iaitu Water Theme Park, Sungai Juru. Ada beberapa produk yang juga akan dilaksanakan dan untuk Seberang Perai dan kawasan BM tadi saya akan ulang lagi seperti di dalam risalah-risalah di Seberang Perai kita mempunyai Bird Park, Mengkuang Dam, Night Emperor God Temple. Ini semua memang menarik tumpuan pelancong untuk ke sana dan juga St. Anne's Church, Taman Rimba Bukit Mertajam, Auto City, Juru, Pulau Aman, Firefly Sanctuary di Nibong Tebal dan Pertama Rimba di Bukit Panchor. Ini adalah antara beberapa produk yang ada potensi. Tarikan pelancong di Pulau Pinang bukan sahaja kerana produk-produk tetapi kita berjaya menarik pelancong asing ataupun dalaman kerana kita mempunyai kebudayaan dan warisan dan juga tidak lupa kerana makanan yang enak. Sungguhpun pelancong dari tempatan seperti dari negeri-negeri lain iaitu Johor, Melaka, Kuala Lumpur, mereka datang ke Pulau Pinang bukan sahaja untuk makan di bahagian Pulau sahaja tetapi juga makan di sebelah Seberang Perai seperti di Bukit Tambun, Batu Kawan dan juga di Nibong Tebal. Nibong Tebal juga termasyhur dengan makanan laut dan ini menarik orang ramai.

Y.B. Dato' Speaker:

Silakan Y.B. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Terima kasih. Saya ingin tanya kerana bila saya dengar penggulungan Yang Berhormat tadi tidak menyentuh tentang pelancongan perubatan ataupun *medical tourism*. *Medical tourism* atau pelancongan perubatan merupakan satu tarikan yang tersendiri kerana sejak kebelakangan ini ada banyak pelawat-pelawat dari Indonesia khususnya datang ke Pulau Pinang untuk mendapatkan rawatan bagi macam-macam penyakit.

Dua aspek yang saya pohon untuk diberi perhatian. Pertamanya ada rungutan dari kalangan pelawat-pelawat ini bahawa kadangkala pemandu teksi dan juga hospital-hospital cenderung untuk mengenakan bayaran berlebihan. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat untuk menasihati mereka supaya tidak keterlaluan mengenakan bayaran?

Kedua, adakah langkah-langkah yang kita ambil untuk lebih perhebatkan lagi promosi pelancongan perubatan seperti di Sumatera, Jawa, Indonesia kerana jika kita tidak mengambil langkah-langkah sebegini saya khawatir seperti yang dikatakan oleh Y.B. Penaga kemungkinan besar Melaka boleh menandingi kita sebagai destinasi pelancongan perubatan yang lebih baik dari Pulau Pinang.

Jangan lupa, saya sarankan pelancongan perubatan ini membawa banyak dana ke Pulau Pinang kerana banyak penduduk di Pulau Pinang bekerja dalam sektor perubatan sama ada sebagai jururawat biasa, pemandu teksi mahupun orang-orang yang mengendalikan warung-warung di mana pelawat-pelawat ini singgah untuk makan ketika menerima rawatan. Saya minta perkara ini diberi perhatian. Ada dua persoalan saya, pertama ialah sama ada apa-apa langkah diambil untuk mempromosikan dengan lebih hebat lagi, pelancongan perubatan dan kedua adakah apa-apa rundingan atau perbincangan diadakan dari semasa ke semasa untuk menggesa pihak-pihak yang terlibat untuk tidak mengenakan bayaran berlebihan... (dengan izin). Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Jawi, saya jawab soalan Y.B. Seri Delima dahulu. Untuk maklumat Y.B. Seri Delima, pelancong ke Melaka tidak akan melebihi Pulau Pinang kerana Pulau Pinang mempunyai 6 juta pelancong domestik dan pelancong asing dan Melaka tidak sampai 3 juta. Pulau Pinang berada dalam tempat ketiga dan Melaka dalam tempat keenam, masih jauh lagi. Untuk *medical tourism*,...(dengan izin), memang kita mempunyai banyak potensi dalam bidang ini. Kita merupakan salah sebuah negeri yang memberikan 2/3 daripada *revenue*, iaitu daripada pendapatan dari *medical tourism* yang di *contribute* kepada negara kita. *2/3 of our revenue contributed to our* negara,(dengan izin).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Yang Berhormat masih belum menjawab soalan asal saya.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Ya masih belum lagi, belum habis lagi. Jadi kita memang mempunyai banyak peluang untuk menarik pelancong. Kapal terbang seperti MAS, Air Asia, Firefly dan juga kapal terbang dari Indonesia juga telah membantu membawa banyak penumpang dari Indonesia ke Pulau Pinang. Tahun lepas kita mempunyai penerbangan terus dari Surabaya iaitu bandar raya yang kedua besar di Indonesia dan telah mendapat sambutan yang baik. Kebanyakan pelancong ini datang ke Pulau Pinang untuk *medical tourism*.

Pada akhir tahun ini Air Asia pula akan membuat penerbangan ke Bandung, bandar raya yang ketiga besar dan adalah diharapkan seperti tahun lepas Surabaya boleh membawa pengunjung yang ramai dan kita harap perkara yang sama juga dengan pengunjung dari Bandung boleh datang ke Pulau Pinang dengan jumlah yang ramai. Kita boleh lihat sekarang di Pulau Pinang ini kita mempunyai tujuh (7) hospital yang bertaraf antarabangsa.

Kalau kita pergi ke sana kita boleh lihat hospital-hospital ini macam mini market, penuh sesak dengan orang dan pesakit. Penang Health Association dengan ada mempunyai visi yang baru iaitu menumpukan perhatian bukan sahaja Indonesia sahaja, tetapi sekarang

juga menumpukan kepada Indochina seperti Vietnam, Laos di mana berpotensi besar untuk menarik pelancong ke Pulau Pinang. Paling banyak pesakit ke Pulau Pinang ini selain dari Indonesia juga ialah pesakit dari India dan Cina juga datang untuk menerima rawatan.

Dari segi tambang teksi yang mahal dan tinggi, kita memang mengadakan mesyuarat setiap bulan dengan semua sektor pelancongan termasuk *Limousin, Airport, Penang Health Association*. Dalam mesyuarat-mesyuarat sebegini kita selalu berbincang masalah-masalah yang dihadapi dalam bidang pelancongan tetapi amat dikesali dalam perkara teksi bermeter ianya dikawal oleh Kementerian dan bukan di bawah kuasa kita. Kita tidak boleh memaksa mereka menurunkan harga atau walaupun kita telah bersetuju dengan pemasangan meter atau bersetuju dengan kadar harga yang sewajarnya. Saya rasa banyak negara di sekeliling kita semua telah mengamalkan teksi bermeter seperti di Thailand, China, Hong Kong, Taiwan, Japan, Korea, Australia dan Singapore, semua menggunakan teksi meter tetapi negara kita tidak menggunakannya. Memang ramai pelancong yang mengutuk dalam laman web kenapa mereka boleh dikenakan harga yang tinggi. Kita tahu masalah ini dan kita berharap kita boleh mengawal harga tambang teksi ini juga. Ada apa lagi soalan?

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya rasa sepanjang beberapa tahun ini saya berterima kasih kepada Exco Pelancongan yang telah berusaha gigih dan banyak bekerja. Tetapi saya rasa dalam fokus pelancongan, saya bersetuju dengan Y.B. Padang Lalang, bukan aktiviti tetapi produk yang paling penting. Saya nampak dalam usaha kita buat banyak aktiviti seperti Chap Goh Meh, Hari Raya, *open house* dan sebagainya, betul aktiviti itu sekali sahaja. Saya rasa fokus kita kepada pelancongan adalah produk yang boleh menarik lebih ramai pelancong.

Contohnya apabila kita pergi ke luar negara kita lihat *market* nya seperti Australia dengan Queen Victoria Market. Walaupun ia sebuah *market* ia boleh menarik orang tempatan pergi, dia juga boleh menarik pelancong luar untuk membeli ke sana. Saya rasa kita perlu *create*

market sebegini. Kedua pasar malam, kita mempunyai keunikan pasar malam, selalunya bila kita pergi ke luar negara seperti Taiwan kita boleh lihat Taiwan mempunyai *street market* yang kekal dan menarik orang ramai pergi ke sana. Pasar malam kita sebenarnya mempunyai potensi untuk menarik pelancong-pelancong, tetapi masalahnya pasar malam kita satu hari di sini, satu hari di sana, ianya tidak cukup besar untuk menarik pelancong dan orang tidak tahu dia di mana.

Dalam isu ini Kerajaan Negeri perlu tetapkan satu tempat dan bawa semua peniaga-peniaga kecil untuk *create* satu pasar malam. Dengan itu ia dapat *serve the local community*, tambahan pula ia boleh menarik pelancong. Saya pernah pergi ke Macau dan makanannya cukup sedap. Penang, makanannya pun cukup sedap tetapi apabila kita hendak pergi makan di *street hawker* ianya pun berselerak. Satu tempat di sini, satu tempat di sana, jadi ia tidak ada satu tempat yang mengumpulkan semua di mana bila kita pergi semua makanan boleh didapati.

Saya rasa usaha telah *create product* sebegini untuk menarik satu tempat yang besar supaya *hawker food* kita dapat menarik pelancong dan makanan-makanan seperti buah pala, Tambun biskut dan sebagainya boleh dipakejkan sebagai produk. Saya pernah pergi ke Macau dan saya pernah berjalan di satu jalan *heritage* dan kita lihat di sana orang berpusu-pusu untuk membeli *their local products* seperti biskut dan sebagainya. Ramai orang pergi membeli sebab dia punya publisiti dan promosi mereka cukup baik dan orang tidak perlu pergi jauh-jauh untuk membeli produk itu.

Saya nampak kita mempunyai potensi di sini, kita punya biskut lagi sedap daripada Macau, buah pala dan ciku, *sesame oil* kita cukup baik berkualiti, maka kita perlu *create* satu jalan seperti *street mall* untuk orang ramai datang membeli. Saya rasa ini boleh dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan ini boleh menarik pelancong dan menjadi satu produk yang baru untuk Kerajaan Negeri. Saya ada tanya soalan, berapa PGT *stand* setiap tahun, RM4 juta, RM5 dan RM6 juta dan itu untuk promosi, betul, betul promosi tetapi *fundamental* adalah produk kita. Kalau produk kita kuat promosi senang, kalau produk kita tidak kuat buat promosi macam mana pun, orang boleh *spread by face book*. Inilah yang saya harapkan daripada Kerajaan Negeri supaya fokuskan kepada produk dan bukan aktiviti. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, memang saya bersetuju dengan Y.B. Pantai Jerejak bahawa kita kekurangan produk. Memang kita akui perkara ini. Juga yang pertamanya kita kekurangan peruntukan. Satu (1) tahun kita menggunakan peruntukan RM5 juta, RM1 juta untuk operasi dan banyak lagi untuk promosi dalaman dan luar serta risalah-risalah telah menelan banyak belanja.

Saya nampak kita dalam satu Pulau, tetapi kita tidak ada produk untuk naik kapal mengelilingi pulau, kenapa? Banyak negara telah ada seperti Bangkok, Cina, Jepun, Hong Kong dan Australia, semua ada *cruise tour* tetapi kita tidak ada. Bukan kita tidak mahu tetapi kita kekurangan *demand, the load,*(dengan izin). Jadi kita perlu buat lebih banyak aktiviti dan menarik lebih ramai pelancong datang ke Pulau Pinang barulah pihak swasta atau Kerajaan Negeri akan melabur untuk produk-produk yang begitu besar. Seperti waktu dulu memang ada *cruise tour* tetapi mereka alami kerugian dan tutup kedai. Jadi bukan senang buat perkara itu dan kita perlu ada pelancong yang cukup, untuk ramai untuk mewujudkan produk ini. Banyak tempat yang mempunyai auditorium supaya dapat mengadakan pameran kebudayaan tiap-tiap malam atau kesenian.

Kita baru-baru ini ada Penang Pack yang boleh menampung 300 orang sahaja, kita kekurangan dari segi itu. Misi kita memang mahu semua perkara ini tetapi asasnya kita perlu cukup pelancong yang boleh melawat semua tempat-tempat ini, supaya pelabur tidak akan mengalami kerugian baru mereka dapat melaksanakan semua produk ini. Walau bagaimanapun kita bersyukur kerana terdapat satu pelabur tempatan yang berkongsi dengan pelabur asing dan mereka akan mengadakan satu escape iaitu melabur RM150 juta di Telok Bahang *Theme Park* yang akan dilaksanakan pada akhir tahun ini. Itu akan menjadi satu produk yang baru. Kita memang mempunyai kebaikan dari segi kebudayaan, warisan dan ini yang dapat menarik pelancong seperti Monaco iaitu satu majalah yang begitu popular di United Kingdom telah memberikan satu peluang kepada kita untuk menceritakan kebaikan dan keunikan pelbagai kebudayaan dan warisan di George Town. Dengan ini dapat menarik lebih ramai pelancong untuk datang. Kita berharap kita akan mendapat lebih banyak peruntukan untuk membuat lebih banyak lagi produk-produk di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya memang tertarik dengan segala kebaikan penjelasan yang disampaikan oleh Y.B. ADUN Batu Lancang. Saya juga amat setuju dengan pendapat daripada ADUN Pantai Jerejak, yang mana dia merayu, dia menyeru kepada ADUN supaya memperbanyakkan produk baru. Saya rasa keterangan yang disampaikan oleh Y.B. Batu Lancang, apa sebentar tadi, iaitu mempunyai kelip-kelip di Nibong Tebal, itu apa, itu Taman Bukit Panchor, itu sudah basi. Kalau kita makan nasi pun, kita pun mungkin, hari-hari kita makan itu rasa macam mana dengan selera.

Y.B. Batu Lancang saya rasa produk baru sangat penting bukan produk lama yang sedia ada. Lagi pun apa saya nampak cara pelaksanaan ataupun cara pekerjaan Y.B. Batu Lancang cuma di sekitar Pulau sahaja. Pulau itu apa, orang sudah kenal sama Pulau Pinang, tapi kita nak tingkatkan kita punya perniagaan, mempelbagaikan kita punya produk sampailah Seberang Perai, (janganlah nanti-nanti saya sampaikan saya punya pendapat). Itu sangat penting, supaya penduduk kita mendapat faedah, semua mendapat faedah, bukan sahaja kebaikan sosial ekonomi dan sebagainya. Tetapi saya harap saya memang faham yang Bahagian Pelancongan kita cuma dapat peruntukan kurang tetapi Yang Berhormat sebagai apa, Yang Berhormat yang bertanggungjawab tentang soal pelancongan ini, seharusnya mempergandakan pembangunan. Kalau tak ada duit, bagilah cadangan kepada siapa, sama Exco kah, ini tak akan kita biarkan Pulau sahaja tetapi yang Seberang sama orang tak tahu, tak kenal seberang, orang anggap pada masa ini orang memang anggap Pulau Pinang sebagai sebuah Pulau yang amat menarik dalam dunia dan hala tuju.

Kita juga ingin menuju ke sebuah Bandar Raya Antarabangsa. Ini yang kita banggakan. Bukan kita sebelah pulau sahaja tetapi sebelah seberang pun kita ambil perhatian juga. Saya harap macam beberapa tempat berpotensi di kawasan SPS perlu dibangunkan apa, janganlah kita macam apa, kita buat program ini, itu, memang bagus. Memang tertarik tetapi kita kena seimbangkan pembangunan bagi bidang-bidang ini supaya sama-sama kita rakyat Pulau Pinang akan memperolehi faedah yang, faedah hasil dari pembangunan itu. Itu yang kita mahu.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup Jawi, tunggu gulung dah ini. Y.B. Jawi pula menggulung.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker. Saya rasa produk tidak terhad kepada *hardware* yang sebagaimana dikatakan bina ini, bina itu, dia juga termasuk *software* iaitu kita Pulau Pinang, saya setuju dengan Y.B. Exco supaya adakan lebih banyak aktiviti-aktiviti *cultural*. Ini kirakan satu *software* di mana kita boleh cantumkan jadikan satu produk baru. *Software* di mana ini adalah satu *living culture*, di mana ramai orang ke Pulau Pinang ini, apa mereka nak lihat, bukan *concrete jungle* yang mereka nak lihat, itulah yang harus kita timbangkan juga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, tadi saya lupa menjawab soalan Y.B. Pantai Jerejak iaitu kita juga mempunyai produk-produk, *local product* seperti *Tambun Biscuits*, itu *nutmeg*, memang kita ada dan kita pun cetak dalam risalah 12 produk yang kita ada so, memang ini kita dah mencetak risalah dan juga kita letak dalam *web site* kita. Setiap pelancong kalau pergi ke *web site* kita boleh nampak apa yang itu 12 produk yang kita boleh membeli di Pulau Pinang, memang ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, Y.B. Batu Lintang. *Point* saya adalah tempat berkumpul mereka untuk membeli senang dia jadi macam satu *street mall*, pelancong datang dia beli. Sebenarnya ini bukan susah sangat sebab *you just have to* di *market* satu tempat untuk produk-produk, penjual-penjual, *traders-traders* datang untuk menjual produk itu. *So that* dia akan menjadi satu penarikan.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Tempat ini sudah sedia ada, akan dirasmikan pembukaannya dalam bulan Jun atau Julai, iaitu di Tingkat 2, KOMTAR, semua *best food* akan dibuka di sana dan produk-produk boleh didapati di sana. Ini bukan kerajaan kita yang buat. Ini adalah pelabur asing yang akan melabur untuk buka kedai-kedai jualan makanan dan juga jualan produk-produk dan *souvenir* di tempat tingkat dua (2) dan tiga (3). Kerana di *ICT* ini memang ada ruang lagi boleh dibuka macam ini. So kita boleh membawa pelancong asing ke satu tempat di mana mereka boleh membeli semua barang-barang mereka yang mahu.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Dapat penjelasan boleh. Saya bukan produk, saya nak minta penjelasan dari Ahli Batu Lancang berkenaan dengan Chingay kita. Chingay kita diumumkan oleh Perdana Menteri mendapat Warisan Kebudayaan Kebangsaan, saya nak tahu adakah sijil ini mereka dibagi kepada Kerajaan Negeri atau mana-mana persatuan-persatuan. Adakah persatuan itu berhak untuk mewakili mendapat sijil berkenaan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, untuk menjawab soalan, saya rasa sijil untuk bagi pasukan kah atau pertubuhan bukan penting sangat kerana ini adalah kebudayaan negeri di mana-mana telah diiktirafkan Chingay sebagai Warisan Kebudayaan Negara. Jadi kita amat banggalah, kerana kita dalam tiga (3) tahun ini kita bertungkus lumus untuk memupuk kebudayaan Chingay ini. Dulu hanya satu perarakan Chingay di Pulau sahaja. Sejak tahun 2009, kita pun telah ada perarakan Chingay di Butterworth dan bukan di Nibong Tebal lah. Mungkin di satu hari nanti di Nibong Tebal. Yang ini 2009, 2010, 2011, pun sudah ada kita perarakan Chingay di Butterworth. Inilah kita membuat promosi untuk kebudayaan Chingay ini, so jadi sijil ini bagi kepada sesuatu persatuan kah, ke lain kah, itu tak penting lah untuk kita. Kita sudah dapat pengiktirafan, yang ini kita boleh Kerajaan Negeri mempromosikan Chingay kebudayaan Chingay ini. Dengan itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker, terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan berkaitan isu-isu Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan yang dibangkitkan semasa Perbahasan Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, semasa sesi soal jawab soalan Lisan, ada tiga (3) Ahli Yang Berhormat bertanya mengenai konsesi Jambatan Pulau Pinang. Saya merasa aneh mengapakah penjelasan pendedahan skandal kerugian pelaburan sejumlah RM132 juta yang dilaporkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Jambatan Pulau Pinang. Ini tidak dinafikan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Pulau Pinang selalunya konco-konco Barisan Nasional khususnya dari Parti GERAKAN mereka akan melompat keluar untuk membuat kenyataan akhbar menyangkalkan tuduhan skandal ini. Tetapi hal ini mereka sunyi, senyap dan sepi. Ini membuktikan(dengan izin) *silent means confess*. Rakyat Pulau Pinang tidak akan memaafkan mereka yang menghampakan kepentingan rakyat. Sejarah telah mencatatkan pengkhianatan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini terhadap rakyat Pulau Pinang. Bukan sahaja Kerajaan Pulau Pinang rugi dalam pelaburan Jambatan Pulau Pinang, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang pun turut dikhianati. Yayasan Bumiputera Pulau Pinang miliki 5% ekuiti dalam Mekar Idaman Sdn. Bhd. Dengan penjualan RM880 juta, kepada Interiors Berhad. 5% ekuiti adalah berjumlah RM44 juta, tetapi ini RM44 juta telah menjadi abu. Harapkan pagar, pagar makan padi.

Di sini, seperti yang didesak oleh Y.B. Pantai Jerejak saya memberi nama-nama *Board Of Director* pada tahun 1995:-

- (1) Y.A.B. Tan Sri Koh Tsu Koon
- (2) Y.B. Dato' Haji Mohamad Sharif bin Haji Omar
- (3) Dr. Hilmi Yahaya
- (4) Puan Kee Phaik Cheen
- (5) Encik Abdul Latiff Mirasa
- (6) Ex-officio Dato' Mohamad Nor bin Abdul Rahim
- (7) Dr. Arshad Hashim dan tiga (3) orang lagi iaitu:
Encik Abdul Rahman bin Mohd Nor
Puan Khatijah binti Abdul Samad
Cik Hajar Latifah binti Khalid,

Yang ini ketiga-tiga orang datang dari Kuala Lumpur. Saya agak ini kronilah, dan juga ada lagi Exco iaitu Dr. Kang Chin Seng dan Dr. Sak Cheng Lum. Jadi kedua belas orang ini, adalah pada masa itu, memegang Ahli Lembaga Pengurus PDC di mana kerugian pelaburan Kerajaan Negeri dalam Jambatan Pulau Pinang ini. Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Komtar...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan daripada Ahli Bagan Jermal. Kalau pada zaman Barisan Nasional, mereka hanya kutip tol niaga pun boleh tutup, pun boleh tutup kedai, ini *company* boleh tutup, boleh rugi, ada apa barang mereka boleh buat. Hanya duduk sana kutip tol sahaja. Mereka boleh rugi. *This is what* Jambatan bina siap, mereka hanya tubuh satu *company* kutip tol saja boleh rugi begitu banyak. Kalau nasib baik rakyat Pulau Pinang 2008 bagi peluang kepada Pakatan Rakyat, kalau tak undi Pakatan Rakyat untuk menggantikan jadi Kerajaan Negeri mungkin lagi ada banyak barang akan bankrap, bankrap semua, semua dibankrap. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Sebab itulah, pada tahun 2008, Tsunami politik telah menolak mereka ke lautan. Y.B. Komtar menyambut baik sistem tender terbuka untuk projek-projek pembangunan di mana beliau menyatakan ia boleh menjimatkan perbelanjaan. Saya ingin menambah selain daripada penjimatan wang, mutu kerja juga adalah penting. Sejak lagi Pakatan Rakyat memerintah, kita telah mensyaratkan semua projek-projek perlu menjalani pelbagai ujian, seperti *Quaryn Test*, CBR atau *California Bearing Ratio* dan juga *physical Inject Inspection*. Tempoh kecacatan juga dipanjangkan sehingga tiga (3) tahun yang dahulu satu (1) tahun sahaja. Lepas 1 tahun, itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, tetapi kita panjangkan masa kecacatan itu sehingga tiga (3) tahun. Dan sekiranya mutu kerja mereka tidak baik, maka ia akan ternampak dalam tempoh tiga (3) tahun ini. Dengan kawalan yang lebih ketat kini jalan-jalan, parit-parit dan bangunan-bangunan mutunya adalah lebih baik dan lebih tahan lasak.

Y.B. Dato' Speaker, sukacita juga saya menjawab soalan tambahan dari Y.B. Sungai Bakap berkaitan dengan projek menaik taraf Jambatan Tanjung Berembang di Nibong Tebal yang belum dilaksanakan. Sebagai makluman, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk menaik taraf jambatan tersebut dengan kadar segera kerana ianya memberi impak besar ke atas pembangunan di Kampung Telok Ipil dan Pekan Tanjung Berembang. Memandangkan kos projek tersebut adalah terlalu tinggi, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh di bawah Projek

Jalan Luar Bandar yang berjumlah RM14.565 juta. Projek ini sememangnya diberikan keutamaan oleh Kerajaan Negeri tetapi setakat ini, kelulusan bagi projek tersebut masih belum diketahui. Di kesempatan ini, saya juga ingin menjawab soalan tambahan daripada Y.B. Pulau Betong berkaitan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyuraikan kesesakan lalu lintas di simpang tiga Jalan Tun Sardon, Jalan Relau dan Jalan Paya Terubong. Sebagai makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedang merancang dan akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran persimpangan tersebut sebelum akhir tahun ini. Dalam masa yang sama, terdapat juga cadangan pembinaan sebuah jejambat di persimpangan Jalan Tun Sardon ke Jalan Paya Terubong dan cadangan tersebut masih diteliti.

Selain itu, bagi menyelesaikan kesesakan lalu lintas di kawasan Farlim, Air Itam dan Relau, pihak JKR telah mencadangkan projek menaik taraf jalan dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong dari Jalan Air Itam / Bandar Baru Air Itam ke Jalan Paya Terubong / Jalan Relau melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi masih belum diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Memahami akan kesulitan yang dihadapi bagi kenderaan yang melalui jalan-jalan tersebut, tanpa menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif terlebih dahulu ke atas Jalan Paya Terubong dan Jalan Dato' Ismail Hashim dengan mengenakan syarat kepada pemaju projek pembangunan iaitu Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad supaya menaik taraf jalan yang terletak di bahagian hadapan dengan tapak projek mereka supaya menjadi jalan empat (4) lorong. Pemaju juga disyaratkan untuk menaik taraf persimpangan Jalan Paya Terubong dan Jalan Dato' Ismail Hashim.

Berkaitan isu kesesakan lalu lintas di Pekan Balik Pulau yang juga dibangkitkan oleh Y.B. Pulau Betong, ianya dijangka dapat diselesaikan apabila siapnya projek baik pulih jalan sepanjang 3 km dari Telok Kumbar ke Pekan Genting yang sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 5hb. Julai tahun ini. Projek menaik taraf jalan sepanjang 5 km dari Bayan Lepas ke Teluk Kumbar dan Jalan Pekan Genting ke Balik Pulau sepanjang 1.5 km juga mampu menyelesaikan masalah trafik di Balik Pulau dan kini ianya dalam proses kerja-kerja pengukuran. Selain itu, Kerajaan Negeri telah mencadangkan projek pembinaan jalan pintas dari Jalan Tun Sardon ke Jalan Titi Serong.

Pembinaan jalan pintas ini akan menyediakan alternatif kepada pemandu kenderaan untuk menggunakan jalan-jalan berkenaan tanpa melalui Pekan Balik Pulau. Kerajaan Negeri juga turut mencadangkan projek pembinaan jalan baru dari persimpangan Jalan Titi Serong berdekatan Sekolah Menengah St. George ke persimpangan Jalan Titi Teras berdekatan stesen minyak Petronas. Cadangan pembinaan jalan sepanjang 1.5 km ini merupakan satu jalan alternatif untuk menangani kesesakan lalu lintas di Pekan Balik Pulau dan berupaya mewujudkan satu lingkaran laluan penghubung ke tempat-tempat tumpuan seperti pasar, bank, kedai, mahkamah dan pejabat-pejabat lain di Daerah Barat Daya. Seterusnya(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan Y.B. Bagan Jermal. Saya nak tahu sejak kerajaan Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri, berapakah jalan yang kita buat di Balik Pulau berbanding dengan zaman jajahan Barisan Nasional. Bandingan, *I just want to know*. Adakah mereka, lebih 50 tahun, berapa jalan, atau mereka lebarkan jalankah, apa-apa bandingan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih. Jalan-jalan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan buat masa ini adalah dari Telok Kumbar ke Pekan Genting dan itu telah menukar tangan dua buah kontraktor dan masa ini masih belum siap, dan tadi saya dah kata ia akan disiapkan pada bulan Julai tahun ini. Tetapi dari tapak itu, saya ingat mungkin dia kena *bagi extension of time* lagi, kerana tidak dapat disiapkan. Manakala tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah *routine maintenance* dan juga kerja-kerja pelebaran, naik taraf dan lain-lain, dan juga kita telah syaratkan pemaju-pemaju swasta supaya mereka perlu membina jalan-jalan baru dan melebarkan jalan-jalan sedia ada supaya ia lebih selesa diguna dan diatasi pertumbuhan bilangan kenderaan-kenderaan.

Y.B. Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Y.B. ADUN Padang Lalang berkenaan dengan pertimbangan ke atas *synchronise traffic light system dan no right turn system* di Jalan Song Ban Kheng, Daerah Seberang Perai Tengah. Sebagai makluman Yang Berhormat, jajaran projek pelebaran jalan dan menaik taraf jambatan di Jalan Song Ban

Kheng yang berjumlah RM20 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bermula daripada persimpangan jalan ke Kota Permai. Pembahagi jalan atau *median* akan dibina di sepanjang jajaran tersebut untuk tujuan keselamatan pengguna jalan raya dan hanya beberapa persimpangan utama dibenarkan untuk kenderaan membelok ke kanan, aliran lalu lintas di persimpangan ini akan dikawal dengan lampu isyarat.

Masalah kesesakan jalan akan menjadi lebih serius sekiranya kenderaan tidak dibenarkan membelok ke kanan di simpang-simpang yang memiliki isipadu aliran lalu lintas yang tinggi setiap hari. Bagi cadangan *synchronise traffic light system* di sepanjang jajaran projek pula, ianya akan dikaji dengan lebih teliti oleh Kerajaan Negeri kerana ianya melibatkan tambahan kos yang besar.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan. Y.B. rakan Bagan Jermal terima kasih atas penjelasan. Tapi nampaknya jikalau tidak *synchronise system*, memang menunjukkan satu kelemahan yang besar. Kita tengok daripada *inner land*, kita terus sampai Batu Lancang kalau tak ada masalah, sebab memang ini pengalaman yang baik, saya melalui situ, memang bagus. Kalau kita dah sepanjang 3.5 km di semakin itu, saya rasa kita boleh buat kalau kita ada *synchronise system*. Dia akan lebih rancak untuk pengguna lalu lintas di situ, dan satu lagi saya ingin nak tambah, kita nampak...(gangguan), saya pernah mencadang di Taman Sri Rambai dekat Lebu, kalau tak silap Lebu Pintal Satu, buat satu jambatan dan boleh terus sambung ke Kota Permai di sana, dan dia akan boleh tolong, ramai pengguna ini dia berpusing, tidak perlu masuk ke Jalan Song Ban Kheng pergi ke Auto City. Di situ ada jalan pintas dan dia akan sambung dengan lorong Bayu Mutiara dan satu maklumat saya ingin, kalau boleh menarik, Y.B. Bagan Jermal, Jalan Bayu Mutiara itu selalu rosak, walaupun kita *repair* macam mana pun, dia rosak juga. Itu jalan pintas sambung melalui Sekolah Jit Sin. Kita telah belanja RM600 ribu untuk buat satu jalan pintas sambung sudah siap, tetapi malangnya keadaan di situ suasana dan strukturnya memang sudah rosak, boleh membaik pulih secepat mungkin, sebab itu adalah jalan pintas. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih. Mengenai Jalan Song Ban Kheng sekarang ada enam (6) buah *traffic light* dan selepas pembinaan dan naik taraf jalan ini, ia akan dikurangkan kepada mungkin dua (2) atau tiga (3) sahaja, dan itu tempatlah kita akan membenarkan trafik membelok ke kanan. Sebab jalan itu selepas diperlebarkan dan mampu menampung *volume traffic* yang disebutkan itu, dan jalan pintas dari Pintal 1 melalui Jalan Limau Manis dan juga Bayu Mutiara ke Auto City, itu memang sudah wujud dan kita akan menaik taraf seperingkat itu sahaja. Ada satu peringkat yang masih sempit kita akan buat pelebaran di sana. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Tambahan sikit, di Jalan Soon Ban Kheng juga, di depan PETRONAS, SHELL, itu petrol pam itu, saya ingat di sana memang ada kelemahan satu, *bottle neck*, di situ hanya satu *line* sahaja, dan jalan nak masuk ke Bukit Kecil, dia kena masuk ke SHELL, PETRONAS, ah petrol pam itu, di situ akan jadi *bottle neck*, saya faham memang di situ ada(gangguan), punya *fly over*, dia punya jalan tamat sampai situ dan kita pernah berunding dengan MMS IPMUDA, maksudnya dia punya reka bentuk sudah tentu dan banyak penggunaan jalan yang bagi tahu saya, mengapa kita sepanjang jalan itu nampak sudah elok selepas kita melebarkan itu Jalan Soon Ban Kheng. Situ adalah satu *bottle neck* akan jadi satu masalah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Ya, memang skop kerja pelebaran Jalan Soon Ban Kheng ini daripada Kebun Sireh suruh sambung ke projek MMC IPMUDA, jalan terus sempurna, tidak akan di depan SHELL. *Petrol station* SHELL pun kita akan membuat demikian. Dalam skop kerja melebarkan jambatan sedia ada dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong. Lepas itu, sambung ke stesen minyak SHELL dan sambung MMC Ipmuda di sana. Memang jangan susah ada.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Padang Lalang juga ada membangkitkan tentang isu pembinaan ROB, *road over bridge* yang menghubungkan Jalan Nangka ke Jalan Perda Timur yang belum dilaksanakan dan apakah

tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengelak kesesakan lalu lintas semasa kerja-kerja pembinaan ROB tersebut dijalankan. Sebagai makluman Yang Berhormat, pemilikan tapak projek tersebut telah diserahkan kepada pihak kontraktor iaitu Syarikat Gold Bridge Engineering & Construction Berhad pada 30 Januari tahun ini. Dalam masa yang sama pengambilan balik tanah tambahan untuk projek ini sudah selesai.

Adalah dijangkakan projek ini disiapkan pada 29 Julai 2014 dengan kos sebanyak RM89.5 juta. Bagi memastikan kerja-kerja pembinaan ROB ini tidak menimbulkan kesesakan lalu lintas yang teruk, Kerajaan Negeri telah meneliti dan menambah baik Pelan Pengurusan Lalu Lintas yang disediakan oleh pihak kontraktor. Kerajaan Negeri juga telah menasihati pihak pemaju untuk membina papan tanda arah di tempat-tempat strategik dan mudah difahami oleh pengguna jalan raya. Selain itu, jalan susur sementara juga telah dibina di Jalan Permatang Batu untuk mengalihkan aliran trafik dari tapak projek.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat Bagan Jermal yang saya faham, tiga (3) minggu lebih kurang kita ada satu lawatan tapak dan ketika masa itu kontraktor ada juga bawa pelan sedia ada untuk datang bagi kita faham dan saya nampak di pelan yang sedia ada tu memang ada kelemahan sebab dia selepas *fly over* melalui pasar awam untuk sambung ke Jalan Permatang Rawa, dia tidak ada jalan untuk kita keluar, sebelah kiri terus pergi ke Jalan Permatang Rawa. Dia kena masuk terus ke Bandar PERDA dan situ ada satu *round about* yang bukan besar sangat maksudnya semua kereta dan pengguna jalan raya dia kena terus masuk Bandar PERDA dan baru pusing luar, dia nak pergi kiri kah, kanan kah itu, memang ada satu kecacatan sepatutnya dia kena terus dari situ, sebelah kiri, nanti nak pergi Butterworth boleh terus pergi, tak perlu pergi pusing satu *round about* dan sebelah kanannya dia mesti ada satu sayap jalan, saya ingat jalan biar orang dari Permatang Rawa boleh terus masuk ke jalan *fly over* sini pergi ke Jalan Tangkak, saya tak tahu adakah kita punya kontraktor ada ubah suai itu pelan, untuk minggu depan atau minggu ini adalah MPSP punya lalu lintas untuk bentang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Syarikat Gold Bridge Engineering & Construction Sdn. Bhd., adalah satu syarikat dari keluarga Syeikh Kadir dan syarikat ini adalah sebuah syarikat yang *turnkey*. Bermakna dia dapat kerja itu, dia yang buat reka bentuk, dia yang buat pembinaan, dia yang menyelenggara jambatan ini untuk satu tempoh yang ditetapkan, iaitu mungkin tiga (3) tahun dan ini adalah *turnkey project* dan kita akan meneliti reka bentuk mereka ini dan sekiranya ada apa-apa kekurangan kita akan mengingatkan mereka supaya mereka perlu memenuhi kehendak dan piawaian reka bentuk standard JKR. Itu adalah jawapan saya.

Yang Berhormat Pengkalan Kota pula telah memohon agar Kerajaan Negeri mengkaji semula cadangan pembinaan jejantas pejalan kaki yang menghubungkan Gat Lebuh Cecil dengan Gat Lebuh Macallum, yang kini telah dibina lintasan pejalan kaki atau *zebra crossing*. Sebagai makluman Yang Berhormat, pembinaan jejantas pejalan kaki di persimpangan-persimpangan tersebut tidak termasuk di dalam pelan asal pembangunan Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu atau dahulunya dikenali sebagai JEWay....(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Biar saya habiskan dulu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Saya bukan minta untuk pejalan kaki. Untuk kereta punya *fly over*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Nanti saya habiskan dulu jawapan saya Yang Berhormat boleh tanya. Bagi tujuan keselamatan pejalan kaki, pemasangan *fence barrier* di tengah medium antara simpang Gat Lebuh Cecil dan Gat Lebuh

Macallum telah dibuat dan ianya telah berjaya mengurangkan kadar kemalangan kerana penduduk terpaksa menggunakan *zebra crossing* yang disediakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Y.B. Bagan Jermal, sapa yang saya minta ialah jejantas yang dulu dalam pelannya, bukan jejantas pejalan kaki, kerana saya sudah tahu *pedestrian road* yang sedia adalah lebih baik daripada jejantas pejalan kaki, sebab itu apa yang saya minta ialah untuk jalan kereta yang bukan untuk orang yang jalan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Biar saya habiskan ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Lebih kurang serupa. Saya semenjak sebelum pilihan raya bekas ADUN Pengkalan Kota *that mean* Lee Hack Teik ada bangkit dan ada tunjuk satu peta kata IJM sepatutnya kena buat ada satu jejambat *to cross over* itu Macallum dan Lebuh Cecil *that mean the plan* memang ada dan *suddenly* mengapa mereka sudah tukar pelan tidak ada jejambat *fly over*, *that mean* hanya jalan sahaja dia punya *highway* saja dan ini adakah IJM dia ada kuasa untuk mahu apa-apa mereka suka, untuk buat *highway* macam mana mereka suka *after the plan or something*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Mengenai pembinaan jejantas atau *fly over* melintasi Lebuh Cecil dan Lebuh Macallum saya secara lisan ada berbincang dengan kontraktor atau IJM dan mereka ada mengatakan memang pada suatu masa dahulu mereka mencadangkan untuk membina *fly over* melintasi Gat Lebuh Cecil dan juga Gat Lebuh Macallum tetapi atas dua sebab, cadangan mereka tidak dapat diadakan. Yang pertama kos pembinaan, semua kos pembinaan yang dibiayai belum dibalas dengan tanah atau

dengan wang tunai. Jadi pada masa itu mungkin Kerajaan Barisan Nasional tidak ada sumber kewangan atau tidak ada tanah-tanah yang lebih, maka mereka tidak mengesyorkan atau tidak menyokong cadangan ini.

Alasan yang kedua, sekiranya Gat Lebuh Cecil dan Gat Lebuh Macallum dibina jejantas, bayangkan *traffic volume* dari TESCO atau UDINI dari jambatan pertama datang lepas dengan licinnya mereka melintasi Gat Lebuh Cecil dan Gat Lebuh Macallum sampai ke Gat Lebuh Magazine tiada jambatan lagi, tiada *fly over* lagi dan mereka perlu bersusun di atas jejambat, atas jejantas itu juga, sebab di dalam George Town atau Jalan Weld Quay tidak dibenarkan membina jejantas kerana *heritage zone* dan mustahil juga boleh membina jejantas di Jalan Magazine *so you're very smooth flying, very smooth moving but to the end we have to land on the ground also* kena turun ke darat juga ... (dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi atas pertimbangan kedua-dua sebab ini mereka tidak menyokong pembinaan jejantas buat masa itu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Sekarang adakah Kerajaan Negeri mendapat cari satu jalan untuk mengatasi masalah kesesakan jalan tersebut kerana saya tak boleh bayangkan kerana masalah telah wujud di kawasan sana bahawa saya pun merasa hairan mengapa sebuah lebuh raya sepatutnya tiada *traffic light*, tapi saya rasa *in whole Malaysia the only one* lebuh raya yang boleh bagi had laju, yang laju ada banyak *traffic light*, yang di kawasan antara Lebuh Cecil dan Lebuh Macallum dan juga lebuh raya mana boleh berlaku dibina di tepi kawasan perumahan. Di dalam Lebuh Macallum terdapat lebih daripada 20,000 penduduk di kawasan sana dan sekarang lagi tambah Seri Saujana ada terdapat 2,000 unit buah rumah di sana dan semua hanya guna satu jalan yang sama, iaitu Gat Lebuh Macallum untuk keluar dari kawasan tersebut untuk pergi kerja atau pergi ke mana-mana, so saya berharap pihak kerajaan dapat mencari satu jalan mengkaji semula dan atau membinakan lagi satu jalan untuk mengatasi masalah tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh daripada Yang Berhormat Bagan Jermal, pada Dewan yang lepas Yang Berhormat Padang Kota gulung, ucapannya dan dia ada bangkit kata IJM hanya RM300 juta dia bina *highway* dan dia punya pulangan faedah nilai konsesi RM5 billion *that mean* dia punya pulangan RM5 billion dia untung banyak bikin satu jejambat untuk rakyat dia kata dia tak cukup duit, tak boleh bina ini keselamatan rakyat di sekeliling Macallum dia untung banyak hanya RM300 juta dia bikin ini *highway* banyak untung RM5 billion, *more than* RM5 billion.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Baik tadi saya ada mengatakan, bukan IJM tak ada duit untuk membinanya, saya kata segala-gala perbelanjaan perlu dibalas dengan wang atau tanah dan buat masa itu Kerajaan Barisan Nasional, mereka memutuskan tidak menyokong cadangan ini. Kalau masa itu Barisan Nasional mereka bersetuju dengan pembinaan ini maka jejantas itu dapat dibina pada masa itu yang bukan IJM tak mampu. IJM mampu membina apa-apa pun tapi balasannya daripada Kerajaan Negeri yang salah Barisan Nasional, mereka tiada pandangan yang jauh pada masa itu. Itu dia punya satu kelemahan dan buat masa ini dan kita semua memang tahu bahawa jalan keluar masuk memang hanya satu dan saya pasti JPBD, Jabatan Perancang Bandar dan Desa mereka sedang memikirkan sesuatu untuk meneliti sama ada boleh dapat lagi satu jalan keluar masuk atau tidak untuk satu taman yang begitu besar lebih kurang 2,000 lebih unit rumah-rumah di sana.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima Kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Bagan Jermal masih belum jawab lagi soalan saya. Saya kata minta kerajaan timbang mengadakan satu jambatan sambung Lebuh Binjai 1 dan masuk ke Taman Kota Permai 13 kongsi sana untuk mengurangi terumata untuk terus guna situ ada satu jalan pintas boleh pergi terus ke Auto City melalui Sekolah Menengah Jit Sin depan sana. Saya harap Kerajaan Negeri boleh timbang dan mengadakan peruntukan siap sedia untuk pembinaan ini jambatan, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Cadangan daripada Yang Berhormat Padang Lalang kita akan meminta pihak JKR untuk meneliti cadangan tersebut dan sekiranya ia tidak melibatkan perbelanjaan yang sangat tinggi dan mampu oleh Kerajaan Negeri maka kita akan meninjau dengan sedalamnya perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Padang Kota juga ada menyeru supaya sistem saluran najis untuk semua rumah-rumah di Clan Jetty, Weld Quay disambung dan kita berharap Kerajaan Pusat boleh melaksanakan projek ini kerana pmbetungan ini adalah di bawah Kerajaan Pusat dan buat masa ini semua najis terus hantar ke laut sahaja.

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Penaga berkaitan bagaimana Kerajaan Negeri mendapatkan dana untuk membiayai empat projek mega di Pulau Pinang termasuk Projek Link Ketiga. Beliau turut mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperbaiki sistem pengangkutan awam tanpa perlu melaksanakan projek mega tersebut. Sebagai makluman Yang Berhormat, sumber pembiayaan bagi projek-projek mega ini belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri dan ianya tertakluk kepada cadangan daripada syarikat-syarikat yang layak menyertai *proses request for proposal* (RFP). Syarikat-syarikat bukan sahaja perlu mengemukakan cadangan reka bentuk yang terbaik dan menjimatkan, malah perlu mengemukakan kaedah pembiayaan projek yang realistik dan tidak membebankan Kerajaan Negeri.

Bagi cadangan memperbaiki sistem pengangkutan awam pula, Kerajaan Negeri masih menunggu Kajian Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang disiapkan oleh perunding pada pertengahan bulan Jun 2012. Segala cadangan penambahbaikan akan diambil kira oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan utiliti, izinkan saya menjawab soalan-soalan tambahan berkaitan dengan sektor utiliti. Suka saya merujuk kepada soalan tambahan Yang Berhormat Pinang Tunggal mengenai status semasa Syarikat PDC Telecommunication Sdn. Bhd. (PDC Telco) dan Syarikat PDC Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC). Aktiviti utama PDC Telco adalah pembangunan dan penyediaan menara dan

juga struktur pemancar telekomunikasi. Sehingga kini sejumlah 28 struktur menara sementara Portable Base Transceiver Station (PBTS) di bawah kawal selia syarikat tersebut sedang beroperasi. PDC Telco juga turut terlibat dalam melaksanakan Projek WiFi Percuma (Penang Free WiFi), di mana sejumlah 1,500 *hotspot* disediakan secara percuma di seluruh Negeri Pulau Pinang.

PDC Telco kini telah memperkembangkan fungsi syarikat dengan penglibatan dalam penyediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi. Ini selaras dengan kuasa yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui CMI sebagai *one stop agency* dan PDC Telco sebagai kontraktor bagi menguruskan konsep perparitan bersepadu iaitu *common trenching* di Pulau Pinang bermula dari bulan April 2011. Pada masa ini, PDC Telco sedang dalam proses perancangan dan di peringkat akhir bagi penyediaan jajaran perparitan bersepadu di negeri ini. Bagi PDCC atau PDC Consultant pula, aktiviti utamanya adalah menyediakan khidmat perundingan teknikal dalam pelbagai disiplin. Baru-baru ini, Lembaga Pengarah dan Pengurusan PDCC telah dirombak untuk membawa perubahan dan penambahbaikan terhadap prestasi syarikat. Langkah ini telah berjaya membawa pencapaian positif dalam operasi PDCC.

Berkaitan dengan isu pampasan keretakan rumah-rumah di Taman Kota Permai akibat kerja-kerja projek pembedungan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan JPP yang masih belum selesai sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Lalang, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah pun memohon maklumat status semasa berhubung perkara ini daripada pihak JPP tetapi belum menerima sebarang maklum balas. Sebelum ini, JPP telah membayar pampasan kepada sebahagian penduduk Taman Kota Permai pada jumlah antara RM1,500.00 hingga RM87,000 seunit bergantung kepada kategori keretakan yang ditetapkan ke atas 57 buah rumah yang terlibat pada masa itu. Proses pembayaran telah dibuat secara berperingkat bermula daripada 15 April 2011 sehingga bulan Mei 2011. Seramai 55 orang pemilik rumah terlibat telah menerima bayaran pampasan tersebut dengan jumlah bayaran sebanyak RM843,000.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali izinkan saya menjawab soalan tambahan dari Yang Berhormat Pulau Tikus berkaitan cadangan supaya kenderaan berat tidak dibenarkan masuk ke kawasan bandar pada waktu puncak. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak melibatkan bas dan bas sekolah. Sebagai makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan cadangan tersebut, namun ianya perlulah selaras dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh perunding Kajian Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang yang akan siap sedikit masa lagi.

Akhir sekali saya ingin menjawab soalan dari Batu Uban, beliau bertanya mengenai membangkitkan Syarikat HAMNA Sdn. Bhd., yang akan membina sebuah kompleks sebagai pengguna di atas Lot 2167 dan 9177 di Mukim 13 yang dicadangkan oleh Syarikat HAMNA ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker tanah yang terlibat untuk projek ini adalah tanah lot 2167 dan 9177 di mana 2167 adalah hak milik Kerajaan Negeri, kerja ini tertangguh kerana proses permohonan pemberian milik tanah ini kepada SSI dan kini proses pengambilan tanah ini telah selesai dan pemaju telah menyediakan melalui konsultant atau arkitek mereka dan telah menyediakan tujuh (7) set pelan dan telah dikemukakan kepada SSI untuk ditandatangani, tetapi sehingga sekarang SSI masih menunggu sesuatu penjelasan maka pelan itu masih belum ditandatangani. Selepas pelan tujuh (7) set itu ditandatangani, maka ianya boleh dikemukakan kepada MPPP untuk pertimbangan. Itu saya saya ucapkan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Batu Maung, penggulungan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan selamat Hari Ibu yang akan disambut pada 13hb. Mei nanti. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada

Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah berjaya mengendalikan persidangan ini dengan lancarnya sungguhpun terdapat beberapa insiden yang boleh juga dianggap sebagai dalam sejarah sesi kali ini. *Alhamdulillah* saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahuwata'la* kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita telah dapat diberi peluang dan saya telah diberi peluang untuk bersama-sama berucap dalam sesi penggulungan bersempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas bagi portfolio Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan juga Hal Ehwal Agama, yang telah diamanahkan kepada saya untuk tempoh hampir sepenggal ini.

Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komited dalam perbahasan ke atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang melibatkan portfolio MMK Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Agama dan Hal Ehwal Pengguna dan menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan secara khusus atau secara am oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan usul ucapan terima kasih.

Dahulunya sejarah telah membuktikan bahawa Sektor Perdagangan merupakan salah satu daripada aktiviti penting bagi ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kita mahu mengembalikan zaman kegemilangan Pulau Pinang sebagai Pusat Perdagangan yang strategik dan termasyhur di dunia. Kita mahu kedudukan kita setanding dengan negara jiran kita Singapura seperti dahulu. Bukan setakat itu dalam Mesyuarat MMK Perdagangan telah memutuskan yang usaha kita hendaklah menjurus kepada mengangkat Pulau Pinang ke peringkat destinasi-destinasi penting di dunia seperti Dubai dan Amsterdam dan sebagainya.

Dalam melaksanakan perdagangan dalam negeri, objektif utama kita adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat Wilayah bagi aktiviti perdagangan, pengedaran dan perkhidmatan yang efektif, efisien dan menguntungkan. Objektif ini boleh dicapai dengan mengeksploitasikan secara positif kedudukan strategik Pulau Pinang dengan kerjasama negara-negara di kawasan ASEAN Utara. Secara tidak langsung akan membuka peluang -peluang perniagaan yang boleh dikecapi oleh rakyat. Pembangunan kemudahan infrastruktur pelaburan dan lapangan kapal terbang yang efisien menjadi faktor penting untuk

mendorong dan menarik lebih banyak aktiviti perdagangan. Penambahan bilangan penerbangan domestik dan antarabangsa akan melicinkan lagi perdagangan dua hala ini, sehubungan dengan ini beberapa dasar telah diadakan bagi merealisasikan objektif ini. Pembangunan Pulau Pinang sebagai hub halal antarabangsa adalah sektor yang mempunyai..... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Perkara 8 kita tak cukup bilangan, kena ada 10 orang. Sila minta Bentara memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat di luar masuk, kerana kalau lima (5) tidak ada yang masuk, kita kena tangguhkan sidang ini.....(gangguan sementara Ahli-ahli Dewan masuk ke dalam Dewan persidangan). Silakan sambung.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Industri halal global dijangka pesat dalam pelbagai sektor khususnya perbankan logistik, *pharmaceutical*, pembuatan makanan, minuman dan rangkaian pembekalan dengan anggaran nilai pasaran kepada USD150 billion setahun. Selain daripada pasaran halal global pula dianggarkan berjumlah USD 3 trillion setahun. Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mula bergiat secara agresif untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global dengan penubuhan Halal Hub Penang untuk membantu dan mempromosikan Hab Halal Pulau Pinang. Perancangan dan pelaksanaan pembangunan agensi ini ditumpukan kepada tiga (3) aspek.

Penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Antarabangsa melalui penyertaan Perdagangan Antarabangsa dan Tempatan, misi perdagangan, peningkatan pelaburan di Taman Industri Halal Pulau Pinang dan peningkatan syarikat-syarikat berstatus Industri Halal di Pulau Pinang. Strategi penjenamaan ini telah dijalankan oleh Halal Penang semenjak tiga (3) tahun yang lalu untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai halal global sektor.

Halal Penang telah berjaya mengembang industri halal di Pulau Pinang dengan peningkatan nilai pelaburan tempatan dan antarabangsa yang berminat untuk menempatkan operasi pengilangan di Taman

Industri Halal Pulau Pinang. Sehingga kini Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang telah berjaya menarik lapan (8) buah syarikat antarabangsa dan tempatan dengan nilai pelaburan RM368.6 million... (dengan izin) yang merangkumi 44.09 ekar tanah.

Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) juga mempunyai empat belas (14) permohonan baru dengan jumlah pelaburan RM211.33 juta, yang masih oleh sebab daripada 100 ekar yang diperuntukkan hanya 60.95 ekar sahaja yang siap untuk dijual manakala 40.5 ekar lagi dalam proses pengambilan tanah oleh PDC. Baru-baru ini Halal Penang telah meluluskan dua lagi permohonan iaitu 10.12 ekar dengan pelaburan berjumlah RM115.6 juta.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Pinang Tunggal mengenai bentuk pemilihan pelaburan yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri, pembangunan Penang Taman Industri Halal Pulau Pinang bermula pada tahun 2008 dan 2009. Ia memakan masa lebih dua (2) tahun untuk sampai ke momentum yang menggalakkan. Fasa pertama, Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang pada mulanya menetapkan standard yang tinggi, tetapi malangnya tidak mendapat sambutan yang memuaskan. Apabila kita menurunkan satu standard yang munasabah, barulah kita mendapat sambutan. Selepas beberapa syarikat memohon dan diluluskan, barulah terdapat banyak permohonan-permohonan baru. Syarikat yang dimaksudkan bukanlah pengeluar papadom seperti yang difahamkan tetapi sebuah syarikat pengeluaran produk makanan *high-tech* serta menggunakan teknologi *state of art* dan teknologi hijau dan juga yang sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan status *Bionexus*".

Yang Berhormat Dato' Speaker, Halal Penang juga telah menerbitkan buku panduan *Experience Penang 2012 Muslim Travel Guide* sebanyak 10,000 naskah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab sebagai satu inisiatif bersama Exco Pelancongan dan Penang Global Tourism untuk mempromosikan industri pelancongan halal dan hospitaliti yang disasarkan khususnya kepada para pelancong asing dan tempatan. *Experience Penang 2011 Muslim Travel Guide* yang telah dilancarkan di Penang International Halal Expo and Conference 2012 dan sempena Arab Travel Malt di Dubai pada awal bulan Mei tahun ini, iaitu minggu lepas. Salah satu kejayaan Halal Penang adalah untuk menjayakan dan menganjur pameran perdagangan bertaraf antarabangsa.

Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC) yang ketiga, untuk tiga kali berturut-turut bermula pada tahun 2010. Pada tahun ini PIHEC 2012 telah diadakan buat kali ketiga pada bulan Februari dengan merekodkan pencapaian memberangsangkan iaitu peningkatan dari 94 organisasi dan syarikat pada 2010 kepada 161 organisasi dan syarikat tempatan dan antarabangsa pada tahun ini.

Antara pemamer-pemamer antarabangsa yang terlibat adalah dari negara Iran, Indonesia, Taiwan, Belgium dan New Zealand. PIHEC kali ini mempunyai kelainan dengan mempunyai acara sampingan iaitu Konsert Festival Simfoni Mahabbah yang diadakan sempena PIHEC 2012. Ini telah berjaya menarik lebih dari 50,000 pengunjung termasuk delegasi daripada Indonesia, Iran dan Thailand. *Alhamdulillah* kita telah berjaya menyenaraikan PIHEC sebagai Ekspo Halal Utama Antarabangsa di antara tiga (3) Ekspo Halal lain dalam IMT-GT sebagai ekspo tahunan yang diiktiraf oleh IMT-GT.

Selain itu, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah untuk meningkatkan usaha promosi pemasaran produk halal tempatan di peringkat antarabangsa. Ini ialah melalui penyertaan tahunan pameran perdagangan antarabangsa dan tempatan seperti MIHAS World Halal Forum, Medan Fair, THAIFEX. Ini untuk membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan ke peringkat global. Melalui penyertaan MIHAS tahun ini iaitu kali keempat yang bermula daripada 2009, 11 buah syarikat tempatan yang menyertai Pavilion Pulau Pinang telah berjaya menjana pendapatan daripada hasil jualan yang bernilai RM5.08 juta. Penglibatan syarikat-syarikat IKS Halal dalam pameran perdagangan antarabangsa nyata telah membantu usahawan-usahawan menambah nilai perdagangan dan sumber pasaran baru melalui jaringan perdagangan dan sumber pasaran baru melalui jaringan perdagangan dan juga rangkaian niaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman, MIHAS kali ini dua (2) perjanjian persefahaman atau MOU telah berjaya ditandatangani di antaranya ialah ditandatangani antara Halal Penang dengan Wallonia Trade & Investment Group of Belgium dan Halal Serbia bagi membangunkan industri. Halal Penang juga telah menerima kunjungan kedua-dua pihak ini ke Pulau Pinang selepas MIHAS bagi membincang usaha ini lebih lanjut.

Yang terhormat Dato' Speaker, selain daripada tahun ini, Halal Penang juga telah menjadi salah satu panel *speakers* di Persidangan Halal Antarabangsa "World Halal Forum 2012" sebaris dengan panel-panel speaker dari Turki, Switzerland, UK dan Egypt bagi membentangkan mengenai "*Success Story of Halal Penang*". Negara-negara seperti Belgium, Serbia, Kazaskhtan turut menunjuk minat untuk bekerjasama bagi menjalin hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala dalam pembangunan industri halal.

Saya juga telah dijemput untuk beberapa *event* menjadi "*Keynote Speaker*" seperti di "*Australia's 1st Halal Forum, Kazaskhtan International Halal Expo 2012*", di Amman, Jordan dan Pakistan. Ini menunjukkan usaha penjenamaan *branding approach* yang dijalankan oleh Halal Penang selama tiga (3) tahun telah membuahkan hasil apabila masyarakat antarabangsa melihat terhadap inisiatif Kerajaan Negeri dalam memartabatkan industri halal di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi pensijilan pada tahun 2010, penjenamaan semula bahagian pensijilan kepada Bahagian Pengurusan Pensijilan telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Kerjasama di antara Halal Penang, Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang dalam menganjurkan program-program *outreach*, seminar kesedaran halal telah membawa peningkatan syarikat berstatus halal sebanyak 544 % iaitu dari tahun 2008 hanya 55 buah syarikat sehingga Februari 2012 sudah terdapat 354 buah syarikat. Pencapaian yang memberangsangkan ini menunjukkan keseriusan Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosikan industri halal di persada dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memperkukuhkan kerjasama IMTGT dalam mempertingkatkan potensi perniagaan Enterprise Kecil dan Sederhana (SME) daripada Malaysia, Thailand dan Indonesia menerusi jaringan perdagangan dan pepadanan perniagaan. Bagi Negeri Pulau Pinang pembangunan serantau terutama sekali inisiatif rantau kecil dalam ASEAN iaitu Pertubuhan Tiga Segi Indonesia-Malaysia-Thailand iaitu (IMT-GT) (GROWTH TRIANGLE) perlu diperkukuhkan melalui kerjasama ekonomi yang lebih erat.

Dalam hubungan ini lebih banyak promosi perdagangan dan misi perdagangan pelaburan *trade and investment missions* dan misi perdagangan pelaburan *trade investment mission* perlu dianjurkan untuk mengukuhkan kerjasama sektor awam dan swasta. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menyertai beberapa acara seperti:

Pattani IMT-GT, KARSEP Halal Food Fair di Wilayah Patani.

Satun 5 dasar Trade bertempat di Perkarangan Majlis Agama Islam Wilayah Satun, Satun, Thailand.

Phuket Halal International forum and Andaman Muslim Expo di ada di Phuket Graceland Resort & SPA, Phuket, Thailand.

Pekan Raya Sumatera Utara yang diadakan di Kompleks Pekan Raya, Tapian Daya, Medan, Indonesia.

Kesemua program ini memberi peluang dan pendedahan kepada usahawan Pulau Pinang untuk menerokai pasaran Thailand dan Indonesia. Kerajaan Negeri terus menyelaras penyertaan usahawan-usahawan yang berpotensi dalam program-program jaringan perdagangan dan pepadanan perniagaan bagi memberi peluang usahawan membina rantai perniagaan di peringkat tempatan, ASEAN utara melalui kerjasama IMTGT. Dewan-dewan perniagaan, persatuan perdagangan industri serta agensi-agensi perniagaan yang lain selain MPC (Perbadanan Produktiviti Malaysia), MITI (Ministry of International Trade and Industry), MIDA (Malaysian Investment Development Authority), dan SMIDEC (Small & Medium Industry Development Corporation) dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam melaksanakan promosi perdagangan dan industri, kita telah menganjurkan usaha kerajaan dalam *Penang Trade Event Partners*. Satu penjenamaan telah diwujudkan dan telah mendapat tempat di Pulau Pinang. Usaha untuk mempromosikan acara-acara perdagangan tempatan bertaraf antarabangsa dan telah dilaksanakan buat kali ke-4 pada tahun 2012. Sejumlah 52 acara perdagangan tempatan dan antarabangsa telah dapat digabungkan bagi mempergiatkan industri perdagangan dan *business*.

Persidangan antarabangsa MICE Pulau Pinang kali kedua telah memperkenalkan *venue* antarabangsa Pulau Pinang yang pertama *state of art, venue* iaitu SPICE, di persidangan kali ini dan seperti mana pada tahun lepas *brochure* MICE dilancarkan di persidangan itu. Tahun ini persidangan ini telah mencadangkan penubuhan satu badan *Convention Bureau* bagi mengendalikan urusan promosi Pulau Pinang sebagai destinasi utama MICE serantau. Program ini telah mengangkat Pulau Pinang sebagai pemain utama untuk penganjuran acara-acara pameran perdagangan bertaraf antarabangsa dan menjadi Pulau Pinang sebagai pusat MICE di rantau ini.

Satu lagi penjenamaan baru telah diwujudkan di Pulau Pinang oleh MMK Perdagangan iaitu Penang Ramadan Souq merupakan satu konsep penjenamaan di mana program-program sempena bulan Ramadan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pelancaran pertama iaitu Penang Ramadan Souq 2012 telah menyaksikan penyertaan 30 buah organisasi swasta dan syarikat. Perancangan telah dibuat bagi melancarkan Penang Ramadan Souq pada 15hb. Julai 2012 di mana adalah dijangka penyertaan pihak swasta akan bertambah sekali ganda.

Program ini merupakan satu lagi program bagi meningkatkan aktiviti perdagangan dan perniagaan di Pulau Pinang menggunakan *Penang Trade Event* sebagai *benchmark*. Dijangka program ini akan menarik lebih ramai pihak swasta menyertainya. Usaha ini juga akan menjadi *value added* kepada usaha kita dalam sektor pelancongan terutama sekali dari Timur Tengah.

Penyertaan dalam pameran promosi dalam negeri, dalam keghairahan kita menerokai pasaran luar negara. Kita tidak ketinggalan menyertai pameran-pameran dan mempromosi perdagangan dalam negara kita sendiri. Kerajaan melalui PDC dan Halal Penang turut menyertai HALFEST iaitu Ekspo Kepenggunaan Halal (Halal Fiesta Malaysia), MIHAS iaitu International Halal Showcase, Cheng Ho Expo di Kelantan iaitu China International Trade Fair, Karnival Silaturrahim dan Ekspo Perdagangan (KARSEP) dan yang mana merupakan ruang bagi memperkenalkan produk-produk tempatan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selaras dengan Agama Islam sebagai agama persekutuan, penyediaan program-program dan kemudahan-kemudahan bagi umat islam beribadat di Pulau Pinang dengan selesa akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Ini

terbukti dengan peningkatan peruntukan dari RM12.5 juta pada tahun 2008 ke RM64.5 juta tahun 2012. Contohnya, adalah seperti kita dapat lihat Masjid Jamek Batu Maung dengan anggaran kos RM4.3 juta di mana RM2 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan selebihnya oleh pihak kariah. Menjadi bukti kesungguhan Kerajaan Negeri. Masjid ini telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan Negeri Persekutuan sejak tahun 1990 sehinggalah pada tahun 2006 apabila Perdana Menteri pada masa itu juga terlibat dalam usaha ini. *Insyaa-Allah* pembinaan ini akan bermula Januari 2013 termasuk juga dalam usaha-usaha ini pembinaan surau-sarau baru, pembinaan semula dan lain-lain kerja pemulihan.

Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan masjid bukan saja cantik dari segi reka bentuk, bangunannya, tapi cantik dari segi pengimaran seperimana yang diutarakan oleh Y.B. Permatang Pasir. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan konsep Masjid Madani pada Majlis Sambutan Maal Hijrah yang lepas. Melalui konsep ini, masjid akan dijadikan sebagai pusat tumpuan umat Islam sebagai pusat pembangunan ummah. Sebanyak tujuh (7) buah masjid telah dipilih sebagai perintis konsep Masjid Madani ini iaitu Masjid Negeri, empat (4) buah Masjid Daerah, dan dua (2) Masjid Kariah iaitu Masjid Bertam Indah dan Masjid Sungai Ara Bayan Lepas.

Dalam bidang penghayatan Al-Quran, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program-program seperti Bulan-bulan Al-Quran dan ijtimaq para huffaz dengan objektif membentuk dan membina satu keluarga satu huffaz. Melalui program-program bulan-bulan Al-Quran yang telah dimulai pada 2010, selain daripada mengadakan Tilawah Al-Quran, program penghafazan Al-Quran, penghargaan para huffaz yang telah diadakan. Pada tahun ini Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program bulan-bulan Al-Quran mulai bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan seperti yang diadakan pada tahun-tahun lepas. Dengan diisi dengan program-program seperti Seminar Al-Quran, Program Bacaan Kitab, Tafsir Al-Quran, untuk para imam, celik Al-Quran untuk pelajar sekolah yang lemah Al-Quran, forum dan juga kelas pembelajaran Al-Quran dan juga kelas-kelas hafazan Al-Quran dan juga Bahasa Arab.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, berhubung dengan pertanyaan Y.B. ADUN Seri Delima yang membangkitkan mengenai papan tanda projek pembinaan Masjid Sungai Gelugor dan Masjid Taman Tun Saadon yang tidak meletakkan logo Kerajaan Negeri. Untuk

makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan semula Masjid Sungai Gelugor dibiayai bersama oleh Kerajaan Negeri RM1 juta, Kerajaan Persekutuan RM2.78 juta. Logo Kerajaan Negeri ada pada papan tanda projek tersebut. Sementara kerja-kerja pembinaan mengubah suai Masjid At-Taqwa Taman Tun Saadon Daerah Timur Laut yang bernilai RM0.2 juta diderma dan kerja-kerja telah dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat swasta. Oleh yang demikian, soal logo tidak berbangkit.

Menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat Pulau Betong, mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri tentang masalah fahaman Syiah dan Wahabi yang kian menular di Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ajaran Syiah telah diwartakan di negeri ini sebagai ajaran yang menyalahi fahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dan menjadi pegangan umat Islam negeri ini. Ajarah Syiah telah cuba digerakkan di seluruh negara dengan mengedar buku-buku di seluruh masjid-masjid dan surau-surau Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak dapat mengesan pihak-pihak yang bertanggungjawab menyebarkan buku-buku berkenaan. Tindakan telah diambil bagi mengumpul semula buku-buku berkenaan dan diserahkan kepada pihak yang berkuasa. Pada masa ini, ajaran Syiah di Negeri Pulau Pinang tidak dapat dikesan kerana kumpulan ini bergerak secara senyap-senyap. Jabatan Mufti Pulau Pinang pernah memanggil seorang yang dikatakan mengamalkan ajaran Syiah tapi tiada pengakuan dibuat. Pemantauan terhadap ajaran ini akan tetap diteruskan.

Menyentuh tentang fahaman Wahabi pula, fahaman Wahabi bukan ajaran sesat tetapi boleh menimbulkkan perpecahan umat Islam kerana sering menimbulkan perbezaan pendapat ataupun kilafiah. Sehubungan ini, umat Islam dikehendaki memahami sepenuhnya ajaran Islam yang berlandaskan kepada Ahli Sunnah Waljama'ah melalui guru-guru yang mendapat tauliah yang telah dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Pulau Pinang.

Bagi menjawab pertanyaan dari Y.B. Sungai Aceh, mengenai tindakan yang diambil terhadap pengaktifan semula Al-Arqam di Kampung Changkat. Ahli-ahli yang Berhormat, Kerajaan Negeri menyedari bahawa terdapat aktiviti-aktiviti yang melibatkan bekas-bekas Ahli Al-Arqam menghidupkan semula pertubuhan tersebut. Melalui pertubuhan yang baru, dengan menampilkan imej yang baru di

beberapa tempat termasuk di Kampung Changkat sehingga kini tidak mendapat bukti jelas yang menunjukkan kumpulan tersebut mengamalkan ajaran-ajaran yang bercanggah dengan ajaran akidah dan fatwa yang dikeluarkan sebelum ini. Walau bagaimanapun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang sentiasa mengadakan pemantauan bagi memastikan ajaran tersebut tidak berkembang.

Y.B. Sungai Aceh juga telah membangkitkan berkenaan dengan KPI Hal Ehwal Agama Islam kerana terdapat masalah kekeliruan dari segi pelantikan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). Untuk makluman, isu pelantikan YDP MAIPP tidak menimbulkkan apa-apa kekeliruan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, sejak ditubuhkan pada tahun 1994 Pusat Urus Zakat (PUZ) telah berkembang pesat sehingga mencapai tahap kemajuan yang dapat dilihat pada hari ini. Daripada tanggungjawab awal yang hanya mengurus hal ehwal kutipan dan pemasaran kutipan zakat, PUZ terus berkembang dan mempelbagaikan peranannya dengan kepercayaan yang diberikan oleh MAINPP.

Untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab segala hal ehwal yang berkaitan dengan zakat termasuk kutipan dan agihan zakat fitrah mulai 1 Mac 1999. Setelah 18 tahun beroperasi, PUZ telah mampu mencapai kejayaan demi kejayaan terutama dalam urusan kutipan dan pengagihan zakat. Jika pada tahun 1994, PUZ hanya mampu mengutip RM200,289.00 lebih, tetapi pada tahun 2011 yang lalu, PUZ telah berjaya mengumpul sebanyak RM62.3 juta hasil dari kutipan zakat dan fitrah iaitu penambahan sebanyak RM9.04 juta berbanding dengan kutipan tahun 2010 iaitu RM53.26 juta. Pada tahun 2011 juga, PUZ telah mengagihkan sebanyak RM55.4 juta kepada kumpulan-kumpulan asnaf yang layak. Dengan ini kehidupan keluarga yang berpendapatan rendah dalam asnaf-asnaf ini dapat dibela. Pengagihan ini akan terus dimajukan dengan peningkatan yang dikehendaki oleh asnaf-asnaf.

Y.B. Timbalan Speaker, sejajar dengan perkembangan positif ini, PUZ telah melancarkan logo baru dan penjenamaan semula pada 26 April 2012 dengan bertujuan mempromosikan zakat sebagai satu ibadat yang sangat penting dan mesti dilaksanakan oleh mereka yang berkemampuan. Bersempena dengan pelancaran logo dan penjenamaan semula ini, sudah tentu PUZ bersedia untuk memperkasakan organisasi dengan melaksanakan tanggungjawab kutipan dan agihan zakat dengan lebih telus dan berkesan.

Penjenamaan baru ini harap dapat menjelmakan semangat kerja berkumpulan yang lebih dinamik, terancang dalam pencapaian sasaran kerja serta kepuasan pelanggan. Namun apa yang lebih penting lagi, dengan penjenamaan semula PUZ ini kita dapat meneruskan kesinambungan memainkan peranan penting dalam memartabatkan institusi zakat dan umat Islam Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui dasar pentadbiran Cekap, Akautabiliti, dan Telus sentiasa meletakkan rakyat sebagai keutamaan. Hal Ehwal Kepenggunaan sentiasa dititikberatkan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi dan kebajikan rakyat. Kumpulan Pemantau Pengguna atau *consumer watch* telah memainkan peranan yang penting dalam menjadi mata dan telinga Kerajaan Negeri bukan sahaja dalam melaporkan penyelewengan dan salah guna peniaga malahan sebagai pemangkin dan memperbaiki status sosial dan cara hidup masyarakat.

Bagi memasitkan bahawa harga barangan sentiasa terkawal dengan bekalan yang mencukupi, lawatan secara mengejut secara serentak seluruh Negeri Pulau Pinang telah diadakan oleh kumpulan-kumpulan pemantau pengguna kita. Lawatan-lawatan tersebut telah dibuat dari semasa ke semasa dan secara berkala dan sempena musim-musim perayaan mengikut kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Dalam aspek kenaikan harga ini, kita hanya dapat melakukan perkara-perkara ini, tetapi malangnya usaha ini yang di bawah pengawasan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Barang Naik.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam kepentingan pendidikan kepenggunaan dalam melahirkan pengguna yang lebih berhemah, pintar dan faham akan hak dan tanggungjawab masing-masing. Justeru itu, inisiatif dibuat dengan mengadakan Program-program *Road Show* mengenai kesedaran dan hak pengguna. Pada tahun 2011, sebanyak 21 *road show* kesedaran dan hak kepenggunaan telah diadakan sepanjang tahun. Dengan mengetengahkan isu-isu kepenggunaan, Program *Road Show* ini terus dilaksanakan pada tahun 2012 sebagai satu tindakan kesinambungan dengan langkah dan usaha untuk mewujudkan komuniti pengguna yang pintar di Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menganjurkan karnival Pengguna Pulau Pinang sebagai inisiatif dalam memperjuangkan hak dan isu kepenggunaan. Penganjur karnival pengguna merupakan lambang kerjasama erat serta sokongan padu di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pihak swasta, Badan-badan Berkanun, NGO dan orang awam bersama mengembeling tenaga masing-masing dalam memartabatkan isu kepenggunaan.

Objektif mengadakan Karnival Pulau Pinang adalah untuk memupuk kesedaran kesefahaman kepenggunaan yang positif semua kalangan semula masyarakat di negeri ini. Karnival ini juga berperanan mewujudkan kesefahaman dan kerjasama erat antara pengguna, peniaga dan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah dalam aspek *consumerism*. Penganjuran sebegini akan dapat menerapkan budaya prihatin dalam menilai produk atau perkhidmatan yang bermutu, memilih produk harga berpatutan dan sedia tampil ke hadapan untuk membuat laporan mengenai penyelewengan perkhidmatan. Program Karnival Pengguna Negeri Pulau Pinang pada tahun 2011 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai dan rakan diteruskan dalam tahun 2012. Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Padang Kota, silakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam memberi jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan semasa perbahasan untuk usul mengucapkan terima kasih kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana melafazkan ucapan kepada Dewan ini sempena Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas Pulau Pinang ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Y.B. Seri Delima telah membangkitkan isu perobohan kuil Hindu di tapak Pelabuhan Pulau Pinang, beliau bertanya sama ada perkara ini dirujuk kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebelum kuil itu dirobuhkan dan apakah

perbincangan dibuat dengan penganut yang bersembahyang di situ. Pada dasarnya fungsi Jawatankuasa RIBI yang diurusetikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang adalah untuk bertindak sebagai penasihat kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Sehubungan itu bidang tugas jawatankuasa RIBI adalah untuk mempertimbangkan aduan, permohonan, tambahan terhadap bangunan RIBI, pengubahan kegunaan tanah, bangunan dan isu-isu berhubung dengan tapak RIBI atau bangunan RIBI. Jawatankuasa RIBI tidak mempunyai kuasa memberi kelulusan terhadap sesuatu permohonan yang berupa kebenaran merancang seperti diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa. Menurut rekod, jawatankuasa RIBI tidak pernah menerima apa-apa permohonan atau pemakluman berkenaan kerja-kerja meroboh kuil Hindu di tapak Pelabuhan Pulau Pinang. Ahli-ahli Jawatankuasa RIBI juga tidak terlibat di dalam apa-apa perbincangan dengan penganut yang bersembahyang di situ.

Y.B. Seri Delima juga menimbulkan isu berhubung dengan gempa bumi, adakah bangunan-bangunan tinggi mempunyai faktor-faktor keselamatan yang sepatutnya kerana gegaran gempa bumi baru-baru ini dapat dirasai di Negeri Pulau Pinang. Jurutera Perunding dalam mereka bentuk struktur bangunan sememangnya mengambilkira faktor-faktor keselamatan tersebut mengikut tahap gegaran di Semenanjung Malaysia, bagi menahan dan memindahkan dengan selamat gabungan beban mati, beban guna dan beban angin untuk kestabilan kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian bangunan.

Y.B. Sungai Bakap menanya tentang apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri kerja-kerja terhadap penyelenggaraan bahu jalan di Taman Jawi Jaya. Untuk makluman Dewan ini kerja-kerja penyelenggaraan bahu jalan di Taman Jawi Jaya akan dijalankan awal bulan Jun tahun ini. Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh lori-lori yang mengangkut tanah melebihi muatan dan menyebabkan kemalangan di kawasan-kawasan pembangunan di Batu Kawan. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempertingkatkan kawalan dengan membuat pemantauan pada setiap minggu ke atas operasi kuari yang meliputi perkara seperti berikut, kebersihan jalan, kolam pemendapan, kacau ganggu persekitaran.

Selain itu satu mesyuarat Penyelarasan Lori Tanah di Seberang Perai Selatan (SPS) diadakan pada 27 April 2012 yang dipengerusikan oleh Y.B. Exco Bukit Tambun yang memutuskan bahawa MPSP diminta menyediakan borang dan mendapat nombor lori dan nama pemandu daripada pengusaha kuari. MPSP diminta menyemak had laju Jalan Tasik-Valdor dan menetapkan gazet sebagai 60 kilometer sejam, MPSP diminta menyediakan akujanji untuk ditandatangani oleh operator kuari supaya berhemah di jalan raya. Selain itu, pemantauan dijalankan di tapak pengeluaran tanah seperti syarat-syarat dalam Undang-undang Kecil Kerja Tanah MPSP tahun 1992 dan Akta 133. Bagi kes lori membawa muatan berlebihan, pemantauan dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

Y.B. Sungai Bakap juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri membangunkan Daerah SPS sebagai Pusat Perindustrian Halal. Dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah SPS, terdapat cadangan untuk perluasan kawasan perindustrian, dari segi jenis industri lebih kepada kategori ringan IKS, sederhana dan berat. Pemaju dan agensi yang terlibat iaitu PERDA, PDC, MIDA, UPEN, Pejabat Daerah dan sebagainya boleh menggunakan kawasan industri tersebut untuk dijadikan kawasan industri halal. Mengenai pembinaan jambatan untuk menghubungkan Jawi dan Sungai Acheh melalui Jalan Victoria perkara ini adalah di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan saya percaya JKR akan memberi pertimbangan.

Mengenai keadaan dengan Taman Jawi Jaya, sukacita dimaklumkan bahawa sebilangan besar kerja-kerja dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Terdapat juga kawasan-kawasan baru yang tidak termasuk dalam skop perkhidmatan kontraktor dan dijalankan sendiri oleh pihak MPSP. Bagi kawasan-kawasan yang di bawah kendalian pihak kontraktor, kerja-kerja pembersihan dijalankan satu (1) kali seminggu. Manakala bagi kerja pemotongan rumput, jadual adalah setiap 21 hari satu pusingan. Kerja-kerja pemotongan rumput di taman tersebut telah dilakukan pada 14 April 2012 dan jadual akan datang adalah pada 8 Mei.

Bagi Jalan Kerian Kedah dan depan Pasa Raya Econsave, kerja pemotongan rumput telah dijalankan pada 14hb. April 2012 dan jadual seterusnya adalah pada 4hb. Mei ataupun sudah lepas di mana kerja-kerja tersebut telah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan. Pihak

MPSP sentiasa mengambil berat terhadap peletakan semula tong-tong sampah terutamanya tong di tepi jalan agar ianya tidak mendatangkan bahaya atau kemudaratan kepada orang awam. Antara tindakan-tindakan yang sering adalah seperti berikut:

- Nasihat berkaitan, sering diberikan kepada pekerja MPSP dan kontraktor lantikan MPSP;
- Membuat pemantauan berterusan bagi memastikan tong ditempatkan di tempat asal; dan
- Tindakan pemotongan pembayaran juga dikenakan kepada kontraktor yang tidak mematuhi peraturan ini.

Y.B. Penaga telah membangkitkan isu mengapa *local plan* tidak disediakan terlebih dahulu sebelum *Penang Transport Master Plan* dijalankan. Sebenarnya isu ini pun sudah dijelaskan semasa Forum Perundingan, dan kemungkinan Yang Berhormat berkenaan cuma memetik daripada laporan akhbar yang mungkin tidak memberi liputan penuh kepada ulasan-ulasan yang sudah pun dijawab. Walau bagaimanapun sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan empat (4) laporan *local plan* rancangan tempatan yang meliputi keseluruhan Negeri Pulau Pinang. Dua (2) daripada *local plan* tersebut iaitu Draf Akhir Rancangan Tempatan Daerah SPU dan Daerah SPT telah pun diserantakan kepada orang awam selama empat (4) minggu daripada 15 Mac 2012 dan berakhir pada 12 April 2012. Draf akhir rancangan tempatan (Pulau) MPPP telah siap disediakan dan sedang menunggu keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri untuk diserantakan. Manakala draf akhir rancangan tempatan Daerah SPS sedang disiapkan dan seterusnya akan diserahkan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, keempat-empat Draf Rancangan Tempatan Daerah *local plan* ini disediakan lebih awal daripada Penang Transport Master Plan. Kajian Penang Transport Master Plan mula dilaksanakan pada tahun 2011 sedangkan kajian-kajian rancangan tempatan daerah telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Pihak perunding yang menyediakan Penang Transport Master Plan telah dimaklumkan mengenai keempat-empat draf *local plan* yang telah disediakan bagi negeri ini. Beberapa siri perbincangan di antara agensi Kerajaan Negeri dengan pihak perunding telah diadakan bagi memberi penjelasan yang secukupnya kepada pihak perunding terhadap

perancangan dan pembangunan guna tanah yang terkandung dalam rancangan-rancangan tempatan tersebut untuk diambil kira dan dijadikan asas utama dalam pembangunan sistem pengangkutan yang lebih baik bagi seluruh Negeri Pulau Pinang di masa hadapan.

Y.B. Penaga juga menyoalkan bahawa dasar penjimatan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, perlu Kerajaan Negeri menambah dan mengenakan berbagai caj dan kos yang tinggi dan menyebabkan kos rumah melambung tinggi, misalnya dia berkata penukaran status tanah pertanian kepada pembangunan dan juga aktiviti *rezoning* yang lain.

Untuk makluman Dewan ini, isu kenaikan harga rumah adalah di luar bidang kuasa PBT. Ia bergantung kepada pasaran semasa. Hanya rumah kos sederhana rendah dan kos rendah sahaja yang dikawal harganya oleh pihak kerajaan. Bayaran peningkatan nilai akan dikenakan sekiranya pemilik tanah memohon untuk mendapat kelulusan perlingkungan semula dari Jawatankuasa Perancang Negeri. Pemilik tanah tidak dikenakan apa-apa bayaran sekiranya mereka menggunakan atau membangunkan tanah mengikut *zoning* sedia ada. Bayaran tersebut bertujuan untuk menampung kos penyediaan infrastruktur yang perlu ditanggung oleh PBT terutamanya dalam kawasan-kawasan yang di luar kawasan pembangunan.

Y.B. Penaga juga menanyakan dan menyoalkan kerja-kerja pembersihan oleh MPSP yang tidak memuaskan lagi kerana kontraktor lama masih dikekalkan dengan kontraktor lama secara bulanan dan ini menjejaskan mutu perkhidmatan.

Untuk makluman Dewan ini, MPSP memberi perkhidmatan kutipan sampah yang sama di seluruh Seberang Perai. Sampah dalam kawasan taman perumahan dikutip tiga (3) kali seminggu, manakala sampah dalam tong *Compact Unit* yang disediakan di tepi jalan utama untuk kemudahan penduduk kampung dikutip setiap hari.

Y.B. Penaga juga membangkit dan memetikkan laporan daripada akhbar berhubung dengan isu *Green Lung* dan juga kelulusan PBT ke atas projek-projek *Green Lung*. Beliau menyentuh kes di Sungai Ara.

Untuk makluman Dewan ini definisi kawasan hijau sepertimana yang digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 adalah kawasan merangkumi hutan simpan, kawasan pertanian

utama, kawasan lapang dan permainan. Berdasarkan Kajian Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020, kawasan lapang dan rekreasi pada tahun 2006 adalah 785.52 hektar yang meliputi 6.96% daripada keseluruhan guna tanah di bahagian Pulau. Di dalam kajian tersebut, sejumlah 1,028.75 hektar telah dizonkan sebagai kawasan lapang dan rekreasi. Ini terdiri daripada taman wilayah, masyarakat, bandaran dan kawasan lapang hierarki. Manakala keluasan Taman Negara adalah 1,283 hektar dan Taman Negeri adalah 312 hektar yang menjadikan keseluruhan kawasan lapang dan rekreasi di dalam kawasan pentadbiran MPPP adalah sebanyak 2,624 hektar. Keluasan ini menjadikan nisbah kawasan lapang kepada penduduk adalah 29.75 meter persegi untuk seorang menjelang tahun 2020. Manakala sasaran Dasar Perbandaran Negara adalah 20 meter persegi seorang sahaja.

MPPP masih mengekalkan tanah lapang sebagai *Green Lung* Kawasan Hijau untuk kegunaan penduduk sebagai tempat riadah. MPPP juga berusaha mewujudkan kawasan-kawasan hijau sebagai tapak semaian sementara di tanah kosong milik MPPP. Selain itu, MPPP juga melaksanakan program penghijauan dengan menanam pokok di dalam bandar dan di luar bandar. Bagi Y.B. Penaga dia tidak dapat lupalah dua, tiga batang pokok KOMTAR Walk, dia sebut tiga tahun tidak habis, tetapi dia tidak nampak kawasan-kawasan baru yang ditanamkan pokok-pokok seperti Linear Park Farquhar Street, Linear Park Padang Tembak, Penanaman pokok di pembahagi Jalan Weld Quay, penanaman pokok di pembahagi Jalan Carnavon, penanaman pokok di tanah lapang Taman Manggis, cadangan penanaman pokok di pembahagian Jalan Datuk, projek Taman Mini Balik Pulau dan sebagainya.

Isu yang dibangkitkan bahawa PBT memberi kelulusan kepada projek perumahan yang menggunakan ataupun merosakkan *Green Lung*. Saya merasakan tidak faham mengapa Y.B. Penaga berpandangan begitu sebab Yang Berhormat berkenaan pernah menjadi Exco dan YDP di MPSP, tanah-tanah yang dikatakan *Green Lung* itu di Sungai Ara sebenarnya bukan *Green Lung*, kemungkinan tapak itu tidak dibangunkan selama ini ada tumbuhan pokok-pokok, tetapi tanah itu adalah tanah milikan, maksud dia tanah milikan pemilik pada mana-mana masa boleh mengemukakan permohonan untuk membangunkan tanah mereka, kalau tidak dibangunkan mungkin pandangannya bahawa ianya *Green Lung* tetapi sebenarnya ianya tanah pemilikan persendirian ataupun syarikat.

Jadi sememangnya kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan kepada garis panduan yang telahpun ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional iaitu mengikut RSM yang digazetkan pada tahun 2007 yang menetapkan syarat-syarat yang mana projek-projek sedemikian masih boleh diberi pengecualian untuk kelulusan, jadi Yang Berhormat berkenaan cuma memetiklah dari laporan akhbar mungkin pemberita pun tidak begitu faham atau masa untuk menganalisa isu sebenarnya mengapa tapak yang dianggap sebagai *Green Lund* itu boleh diberi kelulusan, saya berharap penjelasan ini akan memberi keadaan sebenarnya mengapa projek itu diluluskan.

Y.B. Penaga juga menimbulkan ada pemaju bekerja sehingga larut malam, sememangnya mana-mana pemaju boleh memohon untuk melanjutkan masa kerja mereka dan kelulusan adalah diberikan oleh PBT tertakluk kepada keadaan-keadaan di persekitaran tapak pembinaan. Kes yang dibangkitkan di Persiaran Gurney dan Jalan Kelawai MPSP telah mengambil tindakan ke atas perkara ini di mana *stop work order* telah dikeluarkan disebabkan kerja-kerja yang dijalankan tidak mematuhi syarat-syarat kebenaran.

Y.B. Penaga juga mahu menjadi jaguh untuk membela seorang Jurutera di MPSP yang kononnya ditukar ke jabatan lain begitu sahaja tanpa apa-apa sebab ataupun tindakan disiplin. Saya ini mengatakan bahawa pertukaran Jurutera MPSP dari Jabatan Kejuruteraan ke Jabatan Perkhidmatan Kesihatan adalah secara pentadbiran tanpa melibatkan sebarang pertukaran klasifikasi perkhidmatan beliau, pegawai ini telah mengemukakan writ saman ke atas MPSP, kini kes ini telah menjadi kes mahkamah dan saya pun tidak ingin menyentuh butir-butirnya melainkan menyebut Y.B. Penaga sepatutnya menyemak dengan betul sebelum menjadi jaguh kepada Jurutera tersebut sebab ini bukan kali pertama Jurutera ini ditukarkan. Setiap YDP yang mengambil alih jawatan YDP di MPSP sudah melakukan pertukaran terhadap pegawai ini, saya pun tidak tahu apa masalah dia, setiap YDP membuat keputusan untuk menukar Jurutera ini dari satu jabatan ke satu jabatan.

Pihak Pembangkang juga menggunakan satu kes yang remeh temeh untuk menyoalkan sama ada kita serius dalam inisiatif *Cleaner Greener Penang* dan dalam soalan ataupun celahan oleh Y.B. Seberang Jaya beliau menyentuh tentang projek (*Corporate Social Responsibility*) (CSR) di Taman Tunku Seberang Jaya. Sukacita dinyatakan bahawa

projek penambahbaikan dan menaik taraf kemudahan awam di Taman Tunku dilaksanakan secara CSR sumbangan daripada ahli-ahli dari gabungan (SPEAD) Surveyor Planners, Engineers, Architects and Developers iaitu projek ini sedang dalam pembinaan dan dijadualkan siap pada bulan Jun.

Pembersihan tapak perlu dilakukan untuk memberi laluan kepada pembinaan kemudahan awam dan pokok pisang, belimbing dan reban ayam yang ditanam dan dibina oleh penduduk tanpa kebenaran MPSP perlu dibersihkan supaya taman dapat digunakan oleh orang ramai sepenuhnya. Kalau ada beberapa batang pokok dipotong akan diganti dengan 150 lebih pokok oleh penyumbang projek CSR ini.

Y.B. Pinang Tunggal telah menimbulkan isu kilang-kilang haram yang diberikan kelulusan oleh pihak PBT, kilang-kilang haram yang disahkan melalui proses pemutihan hanya diberi kelulusan permit sementara satu tahun sahaja untuk pengusaha kilang mengemukakan permohonan kebenaran merancang supaya pembangunan teratur atau pemohon perlu mencari tempat yang lebih sesuai seperti kawasan perindustrian atau kawasan IKS. Tindakan terhadap kilang haram adalah seperti memberi notis, mengeluarkan kompaun ataupun mengambil tindakan mahkamah.

Y.B. Pinang Tunggal juga membuat tuduhan bahawa peruntukan tapak masjid, surau dan sekolah dalam proses permohonan kebenaran merancang tidak lagi diserahkan atau dirujuk kepada MAINPP dan Jabatan Pelajaran di mana tapak keagamaan bukan surau atau masjid ataupun tidak ditandakan apa sebenarnya maksud tapak agama itu.

Untuk makluman Dewan ini, bagi setiap permohonan kebenaran merancang untuk projek perumahan, kemudahan surau dan masjid akan ditentukan berdasarkan 0.1 meter persegi seorang penduduk, ataupun 0.5 meter persegi bagi setiap unit. Dasar ini adalah selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Manakala untuk penentuan keperluan tapak sekolah bagi mana-mana projek perumahan yang melebihi 1,000 unit akan dirujuk kepada Jabatan Pelajaran. Tapak sekolah tersebut perlu dipindah milik kepada Kerajaan Negeri. Tapak surau masjid hendaklah dipindah milik oleh pemaju kepada MAIPP.

Y.B. Pinang Tunggal juga mendakwa bahawa sekarang pegawai dilantik secara terus dan tidak melalui iklan tanpa temu duga. Pelantikan Pengurus Besar Institusi, Perbadanan, pegawai dilantik di kalangan kawan rapat. Untuk makluman di Dewan ini semua pelantikan baru di PBT perlu melalui proses penapisan dan temu duga. Iklan dibuat secara *online* dan juga melalui akhbar dan permohonan jawatan boleh dibuat sepanjang tahun. Walau bagaimanapun bagi jawatan kenaikan pangkat, pengisian adalah dibuat dengan mengambil kira kakitangan dalaman terlebih dahulu. Iklan terbuka hanya akan dibuat jika tiada calon dalaman yang layak untuk mengisi jawatan kenaikan pangkat tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan garis panduan yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Pelantikan Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2012 dalam menjalankan pengurusan pengisian perjawatan.

Y.B. Pinang Tunggal mempertikaikan kenapa Kerajaan Negeri menukarkan kawasan pertanian kepada zon perindustrian. Akibatnya tanah-tanah persendirian dijadikan zon penampakan dan menjadikan nilai hartanah di situ tidak dapat meningkat. Untuk makluman Dewan ini hasrat Kerajaan Negeri memberikan kelulusan terhadap permohonan perlingkungan semula kawasan pertanian kepada industri adalah bertujuan untuk proses pemutihan kilang-kilang yang bermasalah di dalam kawasan pertanian. Walau bagaimanapun, dalam menimbang permohonan tersebut kesesuaian tapak dan zon penampakan merupakan antara faktor yang diambil kira oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri. Sejak tahun 2008 terdapat sebanyak 15 permohonan perlingkungan semula kawasan pertanian kepada kawasan industri telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Dari jumlah tersebut hanya satu permohonan terletak di dalam KADUN Pinang Tunggal, iaitu Lot 3795 Mukim 12 Seberang Perai Utara iaitu kilang Amkawood K.D. Sdn. Bhd.

Beralih kepada Y.B. Pantai Jerejak, Yang Berhormat menanya sama ada kempen menanam pokok di sepanjang jalan mencapai inisiatif *Cleaner Greener Penang*. Kempen menanam pokok di sepanjang jalan telah mencapai inisiatif *Cleaner Greener Penang* dari segi penghijauan, teduhan dan dapat mengurangkan kandungan CO dan menambah oksigen di udara terutamanya dalam kawasan bandar, di MPSP sasarannya ialah 500 batang pokok setiap tahun.

Walau bagaimanapun pada tahun lepas MPSP telah melepasi sasaran dengan menanam lebih 2,000 batang pokok setahun. Berbagai inisiatif lain juga dilakukan seperti aktiviti kitar semula, Sekolah Hijau, Zero Waste, membuat baja kompos, membuang *mud ball* ke dalam sungai dan parit, kempen pengurangan beg plastik, penambahbaikan dan pengindahan tanah lapang dan persisiran sungai melalui program CSR dan lain-lain telah dilakukan untuk mencapai matlamat *Cleaner Greener Penang*.

Y.B. Pantai Jerejak juga menyoalkan juga mengapakah proses kebenaran merancang dibuat semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional masih diteruskan dan dicadangkan dikaji semula PBT dari semasa ke semasa mengambil langkah secara berterusan bagi membaiki proses Kebenaran Merancang, sebenarnya tak ada pilih kasih bahawa projek mewah dilambatkan ataupun projek kos rendah dipercepatkan itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta penjelasan ADUN...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta maaf. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, selaras dengan peraturan 6A(1) satu peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 8 Mei 2012 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat... ..(gangguan) ada sokongan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 8hb. Mei tahun 2012 sehingga jam 10.00

malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dengan sebulat suara usul dipersetujui. Ahli Padang Kota, *sorry* Ahli Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Ahli Padang Kota, saya nak Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya nak buat penjelasan maksud saya dalam ucapan saya, adalah kita jangan tergesa-gesa meluluskan apa ni projek-projek yang besar, impak besar, mewah sebab dia akan impak kawasan kita dengan besar dan saya cadangkan supaya PBT memberi lebih tumpuan kepada projek-projek *medium, low medium cost* atau *low cost* yang diperlukan oleh rakyat Pulau Pinang. Jadi sekarang saya difahamkan bawa OSC dia kena luluskan projek dalam tiga (3) bulan kalau tidak luluskan dalam tiga (3) bulan dia mungkin automatik lulus, ini saya tak pasti, saya minta penjelasan tapi cadangan saya kita haruslah memberi masa yang lebih panjang untuk projek-projek yang impaknya mungkin *high use look* ke atau projek yang mewah yang tidak berapa perlu sekarang buat di Pulau Pinang. Kita perlu tumpuan, yang perlu cepatkan adalah projek-projek *medium cost, low medium cost*, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Ahli Y.B. Pantai Jerejak atas penjelasan yang dibangkitkan tentang proses pengurusan merancang sehingga tahun ini MPPP dan MPSP adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang didapati di tangga terakhir dari segi pencapaian KPI, kelulusan OSC sebab sememangnya Kerajaan Negeri mengharapkan MPPP dan MPSP meneliti dengan secukup-cukupnya setiap permohonan yang dikemukakan oleh pemohon untuk mendapatkan kelulusan merancang dan apabila lain-lain PBT mencapai kadar sehingga 95% ke atas, MPPP dan MPSP selama tiga (3) tahun kebelakangan ini setiap tahun cuma mencapai kadar dalam lingkungan

50 - 60% sahaja, sebab kita ingin memastikan benar-benar mereka mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan kalaulah projek-projek yang melibatkan tanah tinggi, kalaulah projek-projek yang di kawasan tebus guna dan sebagainya adalah tertakluk kepada syarat-syarat tambahan ataupun garis panduan yang digunakan di Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun ini memang Kerajaan Persekutuan atau Kementerian telah mengarahkan supaya satu kaedah digunakan di mana proses itu boleh dipendekkan tetapi diperkenalkan juga satu proses *free consultation* sebelum mana-mana pemohon ingin mengemukakan permohonan, mereka boleh mengadakan sesi *free consultation* dengan jabatan-jabatan berkenaan untuk mendapat tahu tentang garis panduan yang perlu dipatuhi dan apabila mereka mengemukakan permohonan mereka, kebanyakan isu-isu yang perlu dipenuhi atau dipatuhi telah pun diambil kira dalam pelan kebenaran merancang masing-masing dan oleh itu masa itu dapat disingkatkan kepada tiga (3) bulan lebih berbanding dengan enam (6) bulan pada masa yang lepas... (gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih ahli Y.B. Padang Kota. *Point* sekarang, saya faham bahawa Pulau Pinang, MPSP dan MPPP mungkin dia bukan pada tangga yang cukup tinggi dari segi kelulusan tapi kita kena *think positive* sebab Ahli Majlis MPPP dan MPSP adalah paling besar di Pulau Pinang dan kerja mereka banyak dan tahap pembangunan di Pulau Pinang pesat, maka mungkin mereka tidak dapat menampung kelulusan yang cepat, tetapi KPI *for what*. Persoalannya kita bukan KPI tergesa-gesa nak memenuhi KPI sebab kita nak cepat, itu sahaja yang *fundamental* adalah bagaimana kita melindungi rakyat kita bagaimana kita melindungi hak mereka memberi *the best for them*. Contohnya saya kata kalau katakan satu projek yang besar kita perlukan Ahli Majlis dia turun padang *at least* turun tengok macam mana baru kita buat keputusan lulus atau tidak.

Proses ini mungkin memakan masa yang panjang tapi jangka masa hadapan kita tak perlu tanggung risiko-risiko bantahan, kita tidak tak payah tanggung masalah-masalah yang dihadapi sebab pemaju oleh kerana cepat perancangan itu terlalu tidak mencukupi, *so point* saya adalah *we dont have to follow the KPI it is not beneficial to the*

people. Jadi Ahli Y.B. Padang Kota, saya harap kita boleh ada satu proses dimana Ahli Majlis boleh turun padang setiap OSC projek-projek yang mereka boleh pergi tapak tengok sebelum mereka buat keputusan lulus atau tidak terutamanya sekarang kita ada banyak masalah sebab *he use slope* kita lulus ada sesetengah projek yang dulu lah sudah lulus tetapi baru kita tak sebab kita tak pergi turun pergi tengok adakah ia sesuai atau tidak maka kita perlu tanggung masalah lebih besar kerana keputusan yang terlalu cepat, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih sekali lagi kepada Y.B. Pantai Jerejak, sememangnya apa yang diamalkan sekarang dalam permohonan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri sememangnya lawatan tapak dilakukan oleh pegawai-pegawai dan permohonan ini juga dirujuk kepada ADUN kawasan supaya ADUN yang lebih peka dan memahami keadaan di kawasan masing-masing dapat juga memberi pandangan-pandangan dan saya percaya di peringkat PBT apabila meneliti permohonan apabila bangkitnya keperluan untuk membuat lawatan ataupun penjelasan yang tambahan oleh pihak pemohon ianya akan dilakukan oleh ahli-ahli yang menganggotai OSC dan juga di peringkat jawatankuasa tetap pun kalau dikatakan *traffic impact assessment*.

Ahli-ahli Majlis juga terlibat dalam lawatan ke tapak untuk memahami dengan lebih dekat lagi apakah keadaan di tapak. Y.B. Pantai Jerejak, juga menyoalkan tentang keberkesanan *EM mud balls* jika dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Exco Sungai Puyu dan juga dengan melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran telah memantau kualiti air sungai sememangnya masih ada ramai yang tidak memahami keberkesanan *EM mud balls* ini dan saya cuma nak maklumkan satu contoh di MPSP sebatang sungai di belakang MPSP selepas digunakan *EM mud balls* pada masa kini keadaan kolam telah tidak berbau busuk dan ikan telah membiak seperti laporan yang kita dengar daripada Exco yang menjaga sungai tentang sememangnya ada perubahan dari segi kualiti air setelah menggunakan enzim ini, tetapi penggunaannya masih belum luas lagi.

Kesedaran masih tidak mencapai satu tahap yang kita banggakan dan oleh itu saya rasa usaha-usaha perlu diteruskan supaya EM ini bukan sahaja dijadikan *mud balls* untuk dilontarkan di sungai dan parit tetapi penggunaannya perlu mula dengan isi rumah sendiri di dapur

sendiri, Baru-baru ini saya telah menggunakan *liquid*, yang dibuat dari EM ini memang kesannya ketara sekali sampai isteri yang mungkin menganggap susah untuk mop lantai dengan menggunakan *EM liquid* itu kerja lebih pantas dan berkesan. Kalau kita pun menggunakan *EM liquid* dalam mencuci pinggan mangkuk dan sebagainya ianya dapat disalurkan ke sistem pembetulan dan kesan-kesannya dapat dilihat apabila kumbahan-kumbahan ini dibawa untuk dilepaskan di sungai atau di laut. Ini satu proses haruslah kita *promote*, tetapi kerja-kerja ini memang membebankan sampai rambut Y.B. Sungai Puyu semakin putih, jadi kita berharap kita semua dapatlah membantu dalam usaha untuk menjernihkan alam sekitar kita dengan aplikasi bioteknologi.

Y.B. Pantai Jerejak juga menyentuh tentang penutupan laluan kereta di terminal Sungai Nibong yang menyusahkan pengguna pintu utama terminal bas Sungai Nibong adalah untuk bas ekspres sahaja tiada kenderaan lain dibenarkan masuk sepertimana lain-lain terminal bas, bayangkan Puduraya tak ada kereta masukkan ataupun terminal bas ekspres di Butterworth jadi kenderaan lain tidak dibenarkan bukan sahaja kerana penggunaannya yang eksklusif sebagai terminal bas ekspres tetapi juga untuk keselamatan para penumpang bas serta syarat-syarat pengendalian terminal bas ekspres yang memenuhi Suruhanjaya Pengangkutan Darat.

Y.B. Pulau Betong menanyakan tentang RSNPP dalam mengekalkan untuk makluman Dewan ini Polisi RSNPP berkenaan pengekalan kampung tradisi telah dinyatakan dengan menyenaraikan kampung-kampung yang terlibat dan dikenal pasti sempadan kawasan kampung tersebut dalam rancangan tempatan. Antara kampung yang disenaraikan adalah Kampung Seronok, Kampung Sungai Rusa, Kampung Pulau Betong, Kampung Gertak Sanggul, Kampung Bagan Sungai Pinang, Kampung Pantai Aceh, Kampung Sungai Pinang dan Kampung Tanjung Tokong.

Y.B. Padang Lalang ingin tahu dan ingin dipercepatkan lagi usaha mengatasi banjir di KADUN Bagan Lalang terutamanya di Taman Rambai. Projek Tebatan Banjir di KADUN Padang Lalang terutama di Taman Sungai Rambai telah siap dilaksanakan untuk fasa pertama. Pembinaan fasa pertama meliputi parit moonsun utama dan rumah pam. Untuk fasa 2, Projek Tebatan Banjir Taman Sungai Rambai, MPSP perlu melantik Perunding baru untuk menyediakan reka bentuk. Satu kertas kerja akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri

pada mesyuarat yang akan datang yang dijangka pada bulan Julai 2012 untuk kelulusan peruntukan sebelum kerja reka bentuk dapat dilaksanakan. Berhubung dengan *jogging track* apabila Empangan Mengkuang ditutup, MPSP mencadangkan alternatif lain trek jogging iaitu dengan membuat penambahbaikan terhadap taman rekreasi sedia ada. Satu pihak Pihak PBA telah dan akan membangunkan Bukit DO di bawah rancangan CSR di mana kemudahan trek jogging akan disediakan, projek penambahbaikan Taman Tunku, sepertimana dijelaskan tadi juga mempunyai trek jogging untuk pengunjung tetap mungkin tidak dapat menggunakan trek jogging di sana apabila ianya ditutup.

Di samping itu, di Hutan Lipur Cherok Tok Kun yang berdekatan dengan Empangan Mengkuang itu pun mempunyai kemudahan tersebut. Y.B. Paya Terubong ingin tahu tentang...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B.Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan sedikit terima kasih. Adakah mungkin di Jalan Bukit Stadium itu pun mungkin juga ada *jogging track* tetapi memandangkan jogging trek itu sempit adakah mungkin MPSP boleh melebarkan *jogging track* di Stadium Jalan Betik, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih atas cadangan. ADUN Paya Terubong ingin tahu apakah masa depan Kilang Lee Rubber yang sudah pun ditutup operasi pada bulan Mac baru-baru ini. Tapak Kilang Lee Rubber di Paya Terubong adalah tanah milikan persendirian, cadangan pembangunan adalah tertakluk kepada Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) yang dikemukakan oleh pemilik tanah ataupun pemohon yang berminat. Setiap permohonan yang dikemukakan kepada jabatan akan diberi pertimbangan tertakluk kepada Pelan Dasar Perancang dan Kawalan Pemajuan MPPP, garis panduan dan piawaian Perancangan semasa serta ulasan daripada jabatan teknikal berkaitan.

Mengikut Pelan Dasar Majlis, lot-lot yang dizonkan sebagai industri am boleh dipertimbangkan untuk cadangan kemudahan masyarakat, perniagaan, stesen minyak mahupun perindustrian. Bagi lot-lot yang terletak di dalam zon perumahan am pula cadangan yang melibatkan pendirian unit-unit kediaman institusi, kemudahan

masyarakat ataupun perniagaan boleh dikemukakan untuk pertimbangan sekiranya terdapat lot-lot yang dizonkan sebagai institusi pertimbangan boleh diberikan ke atas sebarang cadangan berbentuk institusi atau kemudahan masyarakat yang sesuai. Dalam kajian Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang, kawasan ini dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan dengan pembangunan bercampur perniagaan. Apa-apa permohonan yang dikemukakan di kawasan ini boleh dicadangkan dengan aktiviti perniagaan dan perumahan bergantung kepada kawalan aktiviti guna tanah dan bangunan semasa yang dibenarkan.

Y.B. Tanjong Bunga menanyakan tentang *backbenchers* dipilih sebagai Yang DiPertua Majlis Perbandaran, dan Speaker pada masa itu menyekat Yang Berhormat dari berucap sebab memang sudah ada satu Rang Undang-undang berhubung Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, walau bagaimanapun sukacitanya saya maklumkan pelantikan Yang DiPertua bagi Pihak Berkuasa Tempatan juga di bawah Seksyen 10(1), Akta Kerajaan Tempatan terpulang kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik mana-mana calon yang difikirkan sesuai selepas menimbang kriteria yang melayakkan seseorang itu menjadi Yang DiPertua pun pernah kita melantik Ahli Dewan Undangan Negeri menjadi ahli Majlis MPPP satu ketika.

Y.B. Bagan Dalam menyentuh tentang masalah pengangkutan awam di Butterworth. Pada masa kini, pihak Rapid Penang menyediakan perkhidmatan dari Penang Sentral ke Kepala Batas dengan menggunakan bas no 601. Kekekapan bas bagi perjalanan ini adalah 30 hingga 40 minit. Manakala bagi perjalanan dari Seberang Jaya dan Bukit Mertajam ke KOMTAR, pihak Rapid Penang masih belum menyediakan perkhidmatan bagi laluan ini.

Y.B. Datok Keramat menimbulkan kebimbangan kalaunya Kerajaan Persekutuan mensabotajkan cadangan yang dibuat dalam Penang Master Plan sebab membabitkan perbelanjaan RM13.5 billion. Kerajaan Negeri akan meneruskan cadangan daripada Kajian Induk Pengangkutan Pulau Pinang untuk dilaksanakan. Penekanan terhadap sistem pengangkutan awam dijangka akan membuatkan Kerajaan Persekutuan bersetuju kerana ianya merupakan salah satu agenda negara bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam di seluruh Malaysia, sebab dalam Pelan Transformasi Negara pun pengangkutan

awam adalah satu Key Result Area (KRA) yang perlu diberi prestasi kalau ada Yang Berhormat yang lebih suka jalan yang lebih pintas yang berlakunya perubahan dalam Kerajaan Persekutuan pun satu jalan keluar.

Y.B. Sungai Pinang telah menyentuh tentang haraman atau larangan penggunaan *polystyrene* pada 1hb Mei. Ini satu pengumuman untuk menyedarkan bahawa MPPP memang bertujuan untuk melaksanakan larangan ini. Untuk makluman Dewan, pengharaman penggunaan *polystyrene* telah dikuatkuasakan di Kompleks Makanan kepunyaan MPPP dan MPSP dari 2010. Dari 1 Mei 2012 pengharaman ini telah diperluaskan kepada semua premis makanan swasta, pasar dan sebagainya termasuk pemborong dan peruncit yang menjual bahan-bahan *polystyrene*. Dari 1 Mei 2012 sehingga 31 Julai 2012, pendidikan mengenai perkara ini akan diadakan. Dari 1 Ogos 2012 sehingga 31 Oktober 2012, penghabisan stok *polystyrene* dan notis pemberitahuan akan dikeluarkan. Tindakan penguatkuasaan akan dimulakan terhadap semua premis berkaitan bermula dari 1 November 2012 dan bagi MPSP perkara ini masih dipertimbangkan.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Y.B. Ahli Dewan Undangan Bukit Tengah yang telah menimbulkan isu tentang tempat duduk untuk pekerja-pekerja asing dan Yang Berhormat meminta Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan yang lebih drastik dan harap perancangan *Worker Quarters* dapat dilaksanakan yang secepat mungkin. Pada masa kini, syarat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) tidak memperuntukkan keperluan untuk penyediaan asrama kepada pekerja asing.

Merujuk kepada Garis Panduan untuk Hostel Pekerja yang diluluskan pada 1998, hostel pekerja boleh dibenarkan di kawasan-kawasan yang dizonkan di bawah Pelan Dasar Perancang MPPP sebagai Perniagaan Am. Pelancongan Am, Pemajuan Bercampur, Pelancongan Terhad, Perniagaan Terhad dan Perumahan Am. Di semua zon ini permohonan boleh diluluskan untuk asrama pekerja dan satu masalah yang mungkin timbul adalah kalau di kawasan perindustrian *Free Trade Zone* adalah di bawah satu kawalan Akta berasingan iaitu *Free Zone Act* yang mengawal masuk keluar barang-barang *custom*. Saya percaya dalam kawasan-kawasan seperti itu tidak dibenarkan untuk membina asrama pekerja.

Saya rasa Y.B. Dato' Speaker, isu yang akhir yang mungkin diberi penjelasan adalah isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Pulau Tikus berhubung dengan masalah pengurusan hartanah berstrata yang juga dibangkitkan oleh lain-lain Yang Berhormat dalam bulan April saya dan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri telah menghadiri Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 16 Mac tahun ini, telah setuju dengan cadangan untuk memansuhkan Akta Bangunan dan Harta Bersama, Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007. *This act will be* mansuhkan dan digantikan pula oleh satu akta yang baru iaitu masih Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012.

Selama ini kita mendengar isu-isu berhubung dengan kelemahan Akta yang sedia ada, antara isu-isu yang berbangkit adalah peruntukan undang-undang yang tidak komprehensif iaitu COB tidak mempunyai bidang kuasa yang mencukupi. COP diperuntukkan kuasa yang terhad. Peruntukan penalti tidak menyeluruh dan kadar penalti yang tidak sesuai, kaedah pelaksanaan yang tidak jelas dan menyukarkan pengguna dan sebagainya dan definisi dan tata cara pelaksanaan yang berbeza, tata cara badan pengalihan pengurusan yang berbeza dan sebagainya.

Sebenarnya kementerian dalam dua tahun, tiga tahun 2008 hingga 2010 telah menerima sebanyak 27,450 aduan dari orang ramai berhubung dengan kelemahan atau isu-isu berhubung dengan pengurusan hartanah ini strata ini. Jadi diputuskan satu undang-undang baru untuk menggantikan dan mencantum dua undang-undang yang sedia ada, supaya dapat menangani isu-isu yang selama ini yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk dan juga oleh wakil rakyat dan saya percaya kementerian akan memaklumkan tidak lama lagi butir-butir yang terkandung dalam akta yang baru ini. Diharapkan dengan akta ini masalah-masalah yang lama, kekurangan-kekurangan atau kelemahan-kelemahan dapat diatasi untuk menjadikan kehidupan dalam *high rise strata property* ini seperti satu pengalaman yang lebih selesa berbanding dengan keadaan sekarang. Jadi dengan jawapan ini saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Timbalan Speaker atas kesempatan untuk memberi jawapan-jawapan dan pandangan-pandangan berhubung dengan usul terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana melafazkan ucapan sempena Mesyuarat Pertama Dewan Undangan Negeri baru-baru ini, sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Y.B. Perai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada rakyat Pulau Pinang, Selamat Hari Wesak kepada semua rakyat beragama Buddha. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan semua portfolio Exco-Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat ADUN Paya Terubong telah membangkitkan isu pekerja asing di kawasan perumahan kos rendah dan cadangan hostel khas bagi pekerja asing. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Paya Terubong satu mesyuarat meja bulat berkenaan masalah ini telah diadakan pada 10 Oktober 2011 dipengerusikan oleh Y.B. Exco Perancangan Bandar dan Desa Perumahan dan Kesenian. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan, Federation of Malaysian Manufactures (FMM), Residence Housing Developers, Housing Developers Association (REHDA), InvestPenang Bhd, Jaringan Utara Migrasi Pelarian (JUMP), Penang Office For Human Development dan agensi-agensi swasta.

Cadangan yang disyorkan oleh ahli mesyuarat adalah untuk membina asrama pekerja di kawasan-kawasan berdekatan kawasan perindustrian. Justeru itu Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi lain sedang merancang pembangunan *low cost quarters* yang terletak bersebelahan Taman Perindustrian Batu Kawan bagi menempatkan kemudahan asrama yang lebih terkawal. Seluas 20 ekar tanah telah diperuntukkan untuk tujuan ini dan ia dapat memberi penjimatan kepada pengusaha dari aspek logistik.

Yang Berhormat ADUN Pantai Jerejak mencadang Kerajaan Negeri menulis surat kepada Menteri Sumber Manusia supaya gaji minimum Nasional dinaikkan kepada RM1,100.00. Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat dan berpendirian bahawa gaji minimum sepatutnya sepatutnya pada RM1,100.00 bagi mengatasi cabaran segolongan susah rakyat daripada

masalah kemiskinan. Dengan ini Kerajaan Negeri telah pun melebihi had gaji minimum dengan semua anggota Pentadbiran Negeri termasuk MPPP, MPSP semua agensi dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri menikmati gaji dan elaun yang melebihi RM1,100.00 setiap bulan. Penetapan gaji minimum adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat ADUN Pantai Jerejak untuk menulis surat kepada Menteri Sumber Manusia menyeru supaya gaji minimum Nasional dinaikkan kepada RM1,100.00 sebulan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Ahli Perai maksud ucapan saya saya minta Pulau Pinang dinaikkan ke RM1,100.00 kerana produktiviti di Pulau Pinang lebih tinggi daripada *national average* jadi adalah ketidakadilan kepada pekerja-pekerja di Pulau Pinang kalau kita punya rendah sekarang, buat masa sekarang RM900.00 adalah di bawah paras kemiskinan mengikut UNDP. UNDP punya paras kemiskinan untuk Malaysia adalah RM1,000.00 jadi adalah tidak adil untuk meletakkan di bawah RM1,000.00 dan untuk Pulau Pinang lagi, sebab kita punya produktiviti lebih tinggi, kos sara hidup lebih tinggi maka harus dinaikkan Pulau Pinang ke RM1,100.00. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Pantai Jerejak. Masalah yang besar ialah menetapkan gaji minimum ini bukan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi kita tidak boleh buat pengumuman bahawa Kerajaan Pulau Pinang ini akan meletakkan ini, ini sebagai gaji minimum cuma apa yang kita buat ialah untuk menambah elaun kepada pekerja-pekerja khususnya di sektor awam ataupun di mana kita ada kawalan. Jadi dari persepektif ini saya rasa gaji memang apa yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan(gangguan).

Y.B. Timbalan Speaker:

Ahli Padang Kota jangan keluar kerana korum tidak cukup... (ketawa).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Apa yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah mungkin kita pun tidak setuju. Jadi saya faham saya sendiri tidak bersetuju dengan gaji minimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Pusat tetapi oleh kerana itu bukan bidang kuasa Kerajaan Negeri, kalau kita menambah gaji ini cuma kita tambah elaun ataupun COLA dan sebagainya. Jadi itulah pandangan saya Ahli Pantai Jerejak.

Mengenai pendidikan. Yang Berhormat ADUN Pantai Jerejak telah mencadangkan supaya peruntukan kepada sekolah ditambah untuk menaik taraf infrastruktur sekolah seperti pembinaan perpustakaan, makmal komputer serta pembelian buku sains dan matematik. Untuk makluman Yang Berhormat Pantai Jerejak pembayaran kepada sekolah merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2009 telah menunjukkan keprithatinan terhadap pendidikan terutama sekolah-sekolah yang menerima separuh subsidi dengan meluluskan peruntukan dalam bajet bagi program bantuan pendidikan dan meliputi sekolah-sekolah bantuan modal Pulau Pinang, termasuk sekolah Cina, Agama Rakyat, Sekolah Mubaligh dan juga Sekolah Tamil yang tidak menerima peruntukan tahunan Kerajaan Negeri sebelum 2008.

Peruntukan tersebut akan dikaji dari semasa ke semasa dan Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan mengenai jumlah peruntukan mengikut keperluan sekolah. Jadi isunya dana kepada perpustakaan, makmal komputer dan sebagainya memang termasuk dalam dana yang kita beri kepada sekolah macam Sekolah Tamil, di mana bilik komputer, bilik makmal dibina oleh kerana dana yang kita beri dan sama dengan Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh dan sebagainya tapi kita tidak ada dana khas untuk kelas komputer, makmal sains dan sebagainya tetapi termasuk dalam dana yang kita bagi tiap-tiap tahun untuk Sekolah Cina, Mubaligh, Tamil dan Sekolah Agama.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Buat masa sekarang dana ini kebanyakannya digunakan untuk *basic infrastructure* seperti bumbung rosak, baiki tangki, tandas dan sebagainya. Saya rasa selama dua (2), empat (4) tahun kita memberi dana kepada mereka maka *infrastructure* itu lebih

kurang sudah okey, sekarang saya rasa kalau boleh saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kita alihkan tumpu kita daripada *basic infrastructure* kepada *software* maksudnya buku, sains dan matematik, wifi, internet, komputer dan juga *library* yang ini adalah supaya pelajar-pelajar mempunyai satu tempat yang selesa selepas sekolah mereka boleh pergi ke makmal sains kepada *library* supaya meningkatkan ilmu mereka dan minat mereka terhadap buku-buku *biological* atau makmal sains yang lebih inovatif, kreatif sebab makmal sains sekarang *basic* ada tetapi pengajaran yang lebih kreatif diperlukan supaya menarik minat mereka kepada Sains dan Matematik. Jadi peruntukan Kerajaan Negeri kalau boleh kita alih kepada peruntukan untuk maksud-maksud atau untuk benda-benda ini. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Pantai Jerejak atas cadangan dan saya rasa lepas dua tahun pemberian dana kepada sekolah-sekolah kita ada jawatankuasa untuk sekolah Tamil Mubaligh, Sekolah Cina dan Sekolah Agama maka jawatankuasa-jawatankuasa ini akan menentukan apakah jenis perbelanjaan kepada sekolah-sekolah khususnya Sekolah Tamil. Mungkin tahun 2009, 2010 dan 2011 saya ingat sejumlah besar ini untuk *infrastructure* yang *basic* tapi sekarang ini peralihan telah berlaku di mana selepas mungkin ada sekolah-sekolah tidak boleh buat *infrastructure* yang baru sebab dana itu bukan tanah sekolah sehingga mereka dapat tanah dan buat pembinaan sekolah baru jadi dalam kes-kes macam ini saya rasa peruntukan adalah kepada sepertimana Y.B. Katakan tadi *for software, computer skills*. Di mana kita menaik taraf kualiti pendidikan mereka masing-masing. Jadi jawatankuasa-jawatankuasa akan menentukan apa jenis perbelanjaan ini adalah merujuk kepada keperluan-keperluan sekolah sama ada Sekolah Cina, Mubaligh ataupun Sekolah Tamil.

Yang Berhormat ADUN Pulau Tikus membangkitkan isu keperluan IPTS-IPTS di Pulau Pinang dilengkapi dengan fasiliti-fasiliti asas. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Pulau Tikus dengan keluasan tanah yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tapak hab pendidikan di Balik Pulau, institusi-institusi pendidikan yang bakal menubuhkan kampus di hub pendidikan tersebut mempunyai ruangan yang mencukupi untuk menyediakan fasiliti-fasiliti asas yang lengkap termasuk bangunan perpustakaan serta kemudahan sukan dan rekreasi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, golongan minoriti dan penubuhan kuil-kuil. Yang Berhormat ADUN Bagan Dalam telah membangkitkan golong minoriti terutama golongan kaum India dipinggirkan dan masalah perobohan kuil-kuil di atas tanah milik swasta. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Bagan Dalam tiada mana-mana golongan pun dipinggirkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mana kerajaan sentiasa prihatin, berjiwa rakyat. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melayan masyarakat India sama rata bersama masyarakat Cina dan Melayu sebagai warga Malaysia. Dengan pengamalan prinsip CAT di semua peringkat, semua lapisan masyarakat dan juga semua di Pulau Pinang dilayan secara sama rata.

ADUN Bagan Dalam bangkitkan isu peluang pekerjaan kepada kaum India di agensi-agensi Kerajaan Negeri. Ini merupakan satu isu di kalangan masyarakat India selama empat tahun ini dan kalau kita mengambil contoh seperti PBA, PDC, agensi-agensi Kerajaan Negeri ini. Saya rasa peluang pekerjaan kaum India ini lebih berbeza, kalau kita lihat pada apa yang berlaku semasa Barisan Nasional, tetapi satu masalah yang kita hadapi adalah penglibatan kaum India dari segi pekerjaan di MPSP dan MPPP. Ini merupakan satu isu yang sentiasa dibangkitkan, dibincangkan oleh dalam Exco di antara ADUN-ADUN bahawa bagaimana kita akan melaksanakannya, walaupun kita nampak peningkatan, tetapi saya rasa ini memang tidak cukup hari ini dan ini langkah-langkah perlu diambil mengatasi di mana kaum India mendapat layanan yang sama, adil dan saksama dengan kaum-kaum lain.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Bagan Dalam juga, kuil-kuil hindu tidak pernah dirobahkan oleh Kerajaan Negeri tanpa notis sejak pemerintahan Kerajaan Negeri baru ini. Jika ada keperluan Kerajaan Negeri akan membekalkan tapak alternatif sebelum tindakan diambil dan memang kita ada banyak kes di mana tapak alternatif diberikan kepada kuil-kuil Hindu dan baru-baru ini kita berusaha untuk memberi tanah kepada sebuah kuil yang telah dihalau daripada tanah mereka. Ini akan diumumkan nanti secepat mungkin. Y.B. Timbalan Speaker, ini merujuk kepada perbincangan hangat yang berlaku di Dewan ini mungkin saya sebutkan sebagai debat ini melibatkan Seri Delima, Datok Keramat, Telok Bahang, Komtar dan sebagainya ialah isu penubuhan kuil Hindu di PPSB di kawasan Perai. PPSB ialah Penang Port Sdn. Bhd., dan Pengerusi PPSB ialah Telok Bahang tiada hari ini.

Telok Bahang pada awalnya telah kesal dengan kejadian perobohan kuil itu pada 20 April 2012. Dia awal-awal salahkan pegawai berkenaan katakan mereka tidak faham politik, mereka tidak ada sensitif kepada isu-isu gambar Hindu. Baru-baru ini beliau salahkan seorang pegawai kanan PPSB, iaitu pagi ini dia telah sebut nama dia sebut nombor ahli, dia sebagai Ahli PAS. Dia kata yang bertanggungjawab tentang perobohan kuil. Setakat ini PPSB atau PPC tidak memberi tanah alternatif untuk membina kuil semula ataupun dana untuk kuil. Apa yang saya rasa mengejutkan di sini ialah seorang Pengerusi PPSB, seorang wakil rakyat boleh mengambil kesempatan mengalihkan tuduhan kepada seorang pegawai yang berfungsi menurut arahan dari atas.

Anggapan saya begini, apa yang telah jadi merupakan satu (dengan izin) *collective decision* sama ada Telok Bahang tahu atau tidak tahu, saya tidak pasti, memandangkan perkembangan baru memang saya rasa dia tahu perkara ini. Dia cuma bohong. Saya rasa apabila dia tuduh pegawai-pegawai, yang sebenarnya dia mempertahankan pegawai-pegawai dia, dia salahkan pegawai-pegawai dia katakan dia tidak sensitif, dia kurang faham politik tapi hari ini dia menuduh seorang Pegawai Kanan Pengurus Kanan PPSB, dia yang bertanggungjawab oleh kerana dia ahli PAS. Pandangan saya begini, itu tidak kisah sama ada seorang pegawai ini Ahli UMNO, PAS, DAP, PKR atau MIC. Dia berfungsi sebagai pegawai, dia menurut perintah daripada pihak atasan. Pengerusi PPSB adalah Telok Bahang. Jadi saya rasa sukar diterima alasan menyalahkan seorang oleh kerana dia Ahli PAS. Ini tidak kena mengena dengan apa yang jadi pada 20 April 2012 di mana perbuatan perobohan kuil itu telah melukakan hati orang Hindu di kawasan Perai.

Kita Kerajaan Negeri memandang begitu serius kejadian ini sebab kita tidak mahu apa yang berlaku semasa Kampung Rawa, apa yang berlaku sebelum bangkitnya HINDRAF di Malaysia dan di Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat kita tidak akan kita bagi amaran, sesiapa tidak boleh sentuh satu batu kuil Hindu. Kalau kuil Hindu perlu dialihkan, kita boleh bincang, kita boleh runding, kita bersedia. Saya tidak katakan bahawa semua tempat sumber pembinaan kuil ini boleh diterima, kita boleh pindah, tapi jangan gunakan alasan bahawa kewujudan kuil ini merupakan satu bahaya kepada(dengan izin) *the gas power fly work*. Walhal kuil ini wujud 40, 50 tahun dan *gas power fly* ini dibina pada tahun 1998.

Jadi saya minta Dewan yang mulia ini, apakah jawapan kepada masyarakat Hindu di kawasan Perai kawasan saya, apakah jawapannya, adakah tanah alternatif, adakah dana, sampai hari ini Lembaga belum bertemu lagi. Dato' Timbalan Speaker, ini seperti yang saya katakan saya serius perkara ini *you* tidak boleh roboh sama ada kuil Hindu, sama ada surau sama ada tempat ibadah Kristian atau Buddha *you* tidak boleh roboh dan kuil ini wujud 40 tahun atau lebih.

Apabila saya sampai pada hari itu apabila saya jumpa pengurusan termasuk Encik Halim bin Abdul Kadir, dia memberitahu saya bahawa kuil ini tidak ada penganut di sini. Walhal tiap-tiap tahun penganut-penganut yang 80 peratus yang bekerja di pelabuhan ini minta kebenaran daripada PPSB untuk sembahyang. Jadi Dato' Timbalan Speaker, perbuatan ini tidak langsung boleh diterima. Apabila sebuah badan di bawah Kerajaan Pusat mengambil satu langkah yang begitu *amatory* merobohkan kuil Hindu. Pagi-pagi dia gunakan *bulldozer* yang begitu besar sekali untuk hancurkan *shrink* itu apabila saya sampai dalam setengah jam, tidak nampak apa-apa bukti tentang kewujudan kuil itu, habis langsung.

Jadi ini isu yang saya rasa kita boleh maafkan dan saya berpegang teguh bahawa Ahli Telok Bahang sebagai Pengerusi PPSB mesti minta maaf kepada masyarakat India. Dia mesti minta maaf, dia kesal, tapi hari ini dia sudah tukar sandiwara baru. Dia salahkan seorang pegawai kanan dia kata kononnya dia Ahli PAS. Apakah kena mengena dengan PAS atau UMNO, ini perobohan kuil. Kita sudah bincang perkara ini dan pagi-pagi ini, mereka juga keluar, Ahli-ahli Pembangkang keluar oleh kerana mereka tidak mahu jawab mereka sudah salah. Menerima hakikat kalau sesuatu ini tidak betul kesilapan sudah berlaku minta maaf. Kalau tidak saya rasa perkara ini akan terus berlarutan dan masyarakat India khususnya di Pulau Pinang tidak akan maafkan perbuatan yang cukup tidak bertamadun ini. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Timbalan Speaker memberi peluang untuk membahas isu-isu ini di bawah bidang saya dan saya dengan ini terus menyokong titah Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Speaker:

Ahli Penanti dipersilakan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang melibatkan portfolio saya.

Saya ingin mulakan dengan memberi penjelasan mengenai isu Kampung Bagan Serai sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh ADUN Penaga dan Seberang Jaya. Masalah penduduk Kampung Bagan Serai dan DUN Seberang Jaya mula mendapat perhatian secara langsung Pejabat Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang sejak awal tahun 2012 apabila dimaklumkan oleh Pengerusi JKKK Kampung Taman Baru dan perjumpaan pertama pejabat TKM I bersama JKP iaitu pemaju yang memajukan tanah tersebut JKP Sdn. Bhd., ialah pada hari Selasa 3 April 2012 di pejabat saya sendiri. Perjumpaan seterusnya bersama dengan pihak JKP Sdn Bhd wakil penduduk dan juga JKKK telah diadakan pada Isnin 23 April 2012 di Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah dan perjumpaan seterusnya bersama wakil penduduk dan JKKK telah diadakan pada 4 Mei 2012 iaitu hari Jumaat di Permatang Pauh.

Hasil daripada perjumpaan-perjumpaan ini ialah penduduk sudah hilang kepercayaan kepada Y.B. Seberang Jaya kerana menurut mereka sejak bancian dan proses penilaian yang dibuat pada tahun 2008 hingga penghujung tahun 2011 mereka tidak mendapat sebarang maklumat dan gambaran sebenar mengenai pembangunan yang bakal dibangunkan oleh pihak pemaju di kampung mereka, yang mereka alami sekian lama, dan tidak dinafikan kemungkinan terdapat perjumpaan jawatankuasa bertindak yang ditubuhkan oleh Y.B. Seberang Jaya sepanjang tempoh tersebut, tetapi perjumpaan tersebut hanya melibatkan jawatankuasa tertentu dan Y.B. Seberang Jaya, sehingga pada 21 Disember 2011 penduduk mula menerima surat jemputan penjelasan bagi maksud menandatangani perjanjian bayaran pampasan dan salinan ada juga kita kepilkan di sini.

Tetapi Y.B. Seberang Jaya tidak ada, kita tidak dapat tunjuk meminta penduduk, untuk hadir di kediaman Seberang Jaya di Persiaran Tenggiri dan Seberang Jaya iaitu di rumah beliau rumah

sendiri. Isi kandungan surat antara lain menawarkan kepada penduduk rumah yang bertingkat RM42,000 atau menerima pampasan tunai dan lain-lain ketetapan yang tidak dinyatakan. Jadi menurut penduduk perjumpaan pertama di kediaman Y.B. Seberang Jaya turut hadir sebagai pembincang utama juga ialah CEO JKP dan jawatankuasa bertindak yang ditubuh oleh Yang Berhormat Seberang Jaya pada 23hb. Disember 2011 dan berakhir dengan satu pertelingkahan atau pertikaman lidah yang tidak ada apa-apa persetujuan dicapai ini kita dimaklumkan. Ini adalah disebabkan beberapa perkara berbangkit oleh penduduk tidak mampu diselesaikan oleh Yang Berhormat ADUN mahupun pihak JKP Sdn. Bhd. Jadi kedua-dua belah pihak tidak dapat memberi satu penjelasan yang jelas kepada penduduk-penduduk Kampung Bagan Serai.

Jadi antara isu yang dibangkitkan oleh penduduk yang pertama penduduk tidak puas hati dengan tawaran pampasan oleh pihak JKP, kerana menurut mereka tawaran yang diberikan berubah-ubah sejak penilaian pada awal tahun 2008 dan proses temu duga pula pada pertengahan tahun 2008 dan perjumpaan bersama Y.B. Seberang Jaya.

Kedua, sekiranya penilaian adalah rendah bagaimana dengan baki jumlah yang perlu dijelaskan oleh penduduk untuk memiliki rumah sedangkan kebanyakan penduduk merupakan warga emas, ibu tunggal dan mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Ketiga, sekiranya nilai yang diberikan adalah tinggi berbanding dengan harga rumah bagaimana dengan lebihan baki wang tersebut. Jadi penduduk mendakwa JKP mahu menyimpan baki tersebut sebagai bayaran *maintenance* rumah berkenaan kelak. Kedua-dua isu itu tidak dapat diberikan penjelasan dengan jelas oleh pihak JKP dan juga Y.B. ADUN Seberang Jaya.

Keempat, bagaimana pula dengan nasib penyewa kerana difahamkan penyewa tidak akan dapat sebarang pampasan daripada pihak pemaju.

Kelima, bagaimana pula dengan nasib isi rumah yang telah berkahwin yang ada di situ.

Penduduk marah digelar setinggaan oleh pegawai JKP, sebab itu saya tidak gunakan setinggaan dalam jawapan ini. Bagaimana dengan puluhan pemilik rumah yang gagal dikesan semasa bancian dibuat dahulu dan yang akhirnya jumlah sebenar rumah atau penduduk terlibat gagal diputuskan oleh pihak pemaju. Kesimpulannya, Y.B. Seberang Jaya ternyata teragagal menyelesaikan isu ini dan membawa kepada penglibatan Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, ADUN Sungai Bakap menyarankan agar Kerajaan Negeri mengenal pasti kampung-kampung tradisional Melayu untuk membuat rombakan semula ambil tanah agar dapat mewujudkan kampung tersusun. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mengenal pasti dan menyarankan kampung-kampung tradisional bagi Negeri Pulau Pinang ini telah pun dijawab oleh Exco Kerajaan Tempatan tadi kalau saya ulang ini berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, semua kampung-kampung tradisional yang dikenal pasti akan dikekalkan dan kemudahan *infrastructure* serta kemudahan awam akan dinaik taraf dari semasa ke semasa.

Antara perkampungan sedia ada yang dikekalkan struktur dan ciri-ciri sebagai perkampungan tradisional seperti berikut Kampung Seronok, Kampung Sungai Rusa, Kampung Titi Teras, Kampung Pondok Upeh, Kampung Permatang Tepi Laut, Kampung Genting dan Kampung Terang. Manakala di Seberang Perai pula ialah Kampung Cherok Tokun, Kampung Machang Bubuk, Kampung Ara Kuda, Kampung Sungai Acheh, Kampung Kota Aur dan Kampung Mengkuang Titi. Mengenai saranan Yang Berhormat Sungai Bakap untuk menjadikan (gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Minta laluan. Macam mana dengan Kampung Tanjong Tokong tidak disenaraikan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ada. Mengenai saranan Yang Berhormat untuk menjadikan kampung tersusun ianya memerlukan persetujuan dan permuafakatan dari seluruh penduduk yang terlibat dengan bantuan nasihat dan teknikal dari Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker, lain-lain kemajuan tanah yang melibatkan penduduk setempat dalam perhatian Pejabat TKM I juga dan ini juga berhubung komen yang dibuat oleh Pulau Betong yang menyatakan Kerajaan Negeri sekarang asyik membuat janji, kata nak buat itu, nak buat ini, tapi belum melaksanakan apa-apa pun.

Y.B. Dato' Speaker ingin saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat baru mentadbir negeri ini empat (4) tahun berbanding dengan lima puluh lebih tahun pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Sudah tentunya sekarang ini pada peringkat perancangan, namun demikian yang lebih penting lagi ialah ada beberapa langkah yang telah diambil yang disebutkan tadi dan dalam proses pelaksanaannya. Jikalau sebentar lagi saya akan sampai ke peringkat itu Y.B. Dato' Speaker.

ADUN Bayan Lepas telah membangkitkan projek-projek pembangunan yang telah dibangunkan di kampung-kampung tradisi bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Sebagai makluman antara projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di kampung tradisi bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka dengan membaiki rumah rakyat termiskin dan menaik taraf gerai bagi membantu penduduk untuk menjalankan perniagaan di bawah Program Pelaksanaan Ekonomi yang dilaksanakan oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah, dan sejumlah peruntukan sebanyak RM 2.43 juta telah disalurkan di bawah program ini mengikut pecahan daerah seperti berikut:-

Seberang Perai Tengah RM617,474.30, Seberang Perai Utara RM410,710.00, Seberang Perai Selatan RM565,000.00, Daerah Barat Daya RM596,400.00 dan Daerah Timur Laut RM242,600.00.

Di samping itu, kemudahan infrastruktur, ameniti sosial dan kemudahan teknologi maklumat di kampung-kampung tradisi terlibat akan terus dipertingkatkan. Usaha-usaha bagi memajukan kampung-kampung tradisi ini dirancang tanpa mengubah ciri-ciri semulajadinya untuk terus memelihara keaslian kampung tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, soalan seterusnya adalah daripada ADUN Paya Terubong yang mencadangkan agar PDC mengetatkan syarat pemilikan tanah perindustrian dengan mengenakan syarat ia tidak boleh

dilupuskan serta penalti perlu dikenakan sekiranya ia dilupuskan. Sebagai maklumat, pelupusan tanah perindustrian adalah terletak di dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri yang mana ianya telah jelas dinyatakan di dalam syarat-syarat nyata dan sekatan kepentingan di dalam Hakmilik Tanah.

Walau bagaimanapun bagi kes-kes pembangunan tanah perindustrian dalam kawasan PDC, terdapat elemen kawalan bagi transaksi tanah seperti berikut:-

- (i) Terdapat persefahaman dan kerjasama antara Pihak Berkuasa Negeri dan PDC, di mana sebarang permohonan untuk melupuskan tanah ataupun *subsale* perindustrian termasuklah juga sewaan dan pecah bahagi diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri hanya setelah mendapat ulasan PDC terlebih dahulu;
- (ii) Untuk mengelakkan kegiatan spekulasi, bagi kes penjualan semua tanah industri yang tidak dibangunkan bayaran *consent fee* ...(dengan izin), dikenakan oleh PDC bagi kes-kes yang telah diluluskan;
- (iii) PDC hanya bersetuju untuk memberi kelulusan (bagi kes penjualan semula) sekiranya pembeli baru memenuhi syarat-syarat tertentu seperti aktiviti yang bersesuaian, aktiviti yang digalakkan dan lain-lain dan akhir sekali
- (iv) Bagi kes-kes penjualan semua tanah yang strategik, pihak PDC sebaik mungkin mengikut kemampuan akan membeli balik pada kos asal tanah berkenaan dan diperuntukkan semua kepada pelabur baru yang bersesuaian.

Pada masa yang sama, pihak PDC berpandangan syarat pemilikan tanah industri yang mengesyorkan tidak boleh dilupuskan adalah tidak wajar. Ini adalah kerana sistem pengawalan yang dilaksanakan di atas adalah memadai untuk pentadbiran tanah industri di kawasan PDC dan ianya boleh diperbaiki dari semasa ke semasa dan yang keduanya terdapat keadaan di mana pelabur yang telah membeli tanah industri benar-benar serius untuk membangunkan tapak berkenaan tetapi disebabkan masalah di luar jangkaan ataupun kawalan mereka seperti kegawatan ekonomi global, kebangkrapan, perubahan

polisi syarikat dan lain-lain yang menyebabkan ianya terpaksa dilupuskan. Berdasarkan kepada semasa, pihak PDC mendapati pentadbiran dan pembangunan tanah-tanah perindustrian di kawasannya adalah berjalan lancar, licin dan teratur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya kembali kepada soalan yang dibangkitkan oleh Pulau Betong yang menuduh Kerajaan Negeri tidak membuat apa-apa perancangan dan hanya membuat janji-janji kosong sahaja. Apabila kita jawab pada hari itu, ia menimbulkan sedikit pertelingkahan dalam Dewan tentang beberapa kes kemajuan tanah yang sedang berlaku, yang sedang mendapat perhatian kita.

Pertamanya Y.B. Dato' Speaker saya ingin memberi sedikit kronologi mengenai pembangunan di Kampung Tanjung Tokong. Isu Tanjung Tokong Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri amat prihatin dan memberi perhatian terhadap masalah penduduk yang terlibat dalam pembangunan Kampung Tanjung Tokong serta sentiasa mengadakan perbincangan dan rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan pembangunan di Tanjung Tokong dapat disegerakan. Status penyelesaian isu Kampung Tanjung Tokong setakat ini ialah isu penempatan semula penduduk yang tercacir yang terlibat dengan pembangunan Tanjung Tokong di Parcel 4A dan meminta untuk dipertimbangkan dan ini untuk makluman Ahli Dewan, bancian ini dilaksanakan awal dulu bukan di zaman pemerintahan kita.

Kerajaan Negeri telah mengadakan temu duga khas bersama 92 penduduk Tanjung Tokong yang didakwa tercacir di Parcel 4A pada 25, 26, 27 dan juga 29 Februari 2012 bagi menentukan kelayakan mereka. Ini adalah bagi memastikan tiada penduduk yang sememangnya layak menerima tawaran tidak tercacir atau tertinggal dalam senarai nama bancian yang telah dilakukan sebelumnya. Isu yang kedua ialah isu perjanjian penyelesaian di antara UDA Holdings Berhad dan penduduk-penduduk terlibat di Parcel 4A. Ini timbul kerana penduduk-penduduk tidak mempercayai pihak pemaju. Beberapa siri dialog telah dijalankan antara penduduk yang terlibat dengan Kerajaan Negeri, pihak pemaju UDA Land, wakil Ahli Parlimen Bukit Bendera dan wakil ADUN Tanjung Bungah bagi membincangkan tuntutan penduduk.

Sehingga kini, deraf penyelesaian telah disediakan oleh pihak UDA Land mengikut kategori dan status penduduk. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat rundingan dengan penduduk Tanjung Tokong yang terlibat di parcel 4A. Secara dasarnya boleh saya katakan bahawa kedua-dua pihak kini telah hampir berjaya mencapai kata sepakat dan sekiranya persetujuan dapat dicapai, proses menandatangani perjanjian akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Isu yang ketiga ialah isu pelan pembangunan Tanjung Tokong itu sendiri. Cadangan asal Pelan Susun Atur Induk Pembangunan Perumahan dan Perdagangan Tanjong Tokong yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri yang diluluskan pada 11 November 2003 menunjukkan tiada cadangan untuk mewujudkan kampung tradisional di zaman BN dulu, di tapak pembangunan. Memandangkan Kerajaan Negeri telah mendapat maklum balas dari beberapa NGO dan penduduk bahawa nilai-nilai sejarah warisan perkampungan tradisional perlu dilindungi, maka Kerajaan Negeri mengambil sepenuh perhatian tentang perkara tersebut. Namun konsep warisan yang bakal dibina di Tanjung Tokong masih belum dimuktamadkan dalam bentuk pelan pembangunan keseluruhan.

Kerajaan Negeri juga masih menunggu cadangan pembangunan warisan yang lengkap daripada wakil penduduk dan NGO yang memperjuangkan isu ini. Setakat ini apa yang kita sedia maklum hanyalah permintaan sebidang tanah untuk diwartakan sebagai warisan namun tiada agenda khusus dinyatakan. Kita bimbang sekiranya tidak ada perancangan yang baik dan rasional, niat yang kononnya mempertahankan elemen warisan akhirnya musnah pada masa depan akibat disalah guna oleh pihak-pihak tertentu. Ini berkenaan dengan Tanjung Tokong Y.B. Dato' Speaker dan kes ini berlarutan sekian lama dan sehingga sampai ke pengetahuan kita, sekarang ianya hampir-hampir dapat diselesaikan dan sekali gus dapat dijawab oleh persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong.

Yang kedua izinkan saya sebutkan, satu dua kes Kampung Pisang Awak. Ini juga kes yang lama, peninggalan kerajaan dahulu. Apabila kita sebut dahulu dia melenting sangat. Tapi inilah hakikatnya, isu Kampung Pisang Awak Fasa 1 dan Fasa 2. Pelaksanaan Projek Pembangunan Semua Kampung Pisang Awak Fasa 1 secara penswastaan oleh JKP. Ini JKP lagi yang terlibat dengan Bagan Serai di atas tanah tebus guna Kerajaan di Kampung Pisang Awak, Jelutong,

Daerah Timur Laut telah bermula pada bulan Januari 2006, sebelum kita ambil alih. Projek ini meliputi pembinaan 152 unit rumah kos rendah dengan harga seunit rumah adalah RM42,000.00. Hasil daripada usaha Kerajaan Negeri, Majlis Penyerahan Tawaran Pampasan Kepada Baki Penduduk/Setinggalan Projek Perumahan Kampung Pisang Awak Fasa 1 untuk kes-kes rayuan telah dilaksanakan pada 17 Jun 2010 dan 30 Ogos 2010.

Projek Pembangunan Semula Perumahan di atas tanah tebus guna Kerajaan Negeri di Seksyen 4, Bandar Jelutong atau dikenali sebagai Kampung Pisang Awak Fasa II merupakan susulan kepada projek pembangunan semula Kampung Pisang Awak Fasa 1. Projek ini bertujuan mewujudkan perumahan yang tersusun bagi penempatan semula penduduk di Kampung Pisang Awak, Kampung Kota Giam, Kampung Tokong Batu, Kampung Jelutong Timur dan Kampung Tengah. Cadangan pembangunan projek Fasa 11 ini melibatkan kawasan seluas 6.95 ekar dengan komponen pembangunan seperti berikut:-

192 unit rumah kos rendah;
192 unit rumah kos sederhana rendah; dan
382 unit kos sederhana.

Cadangan pembangunan ini telah diperakukan dalam mesyuarat Jawatankausa Penswastan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri pada 7 April 2005 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembasmian Kemiskinan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Ketua Menteri pada 2 Mac 2006. Selanjutnya, MMK yang bersidang pada 10 Mei 2006 dan disahkan pada 17 Mei 2006 telah memutuskan tanah berkenaan dimajukan dengan projek perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana secara penswastan oleh JKP Sdn. Bhd. Tanah seluas 6.95 ekar dipindah milik kepada State Secretary Penang Incorporated (SSI) sebagai tuan tanah dan JKP Sdn. Bhd., sebagai pemaju dan balasan kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah sekurang-kurangnya bersamaan nilai tanah iaitu RM9.5 juta atau RM31.38 satu kaki persegi dan dibayar dalam bentuk rumah kos rendah serta tunai. Surat tawaran bagi pemajuan projek Kampung Pisang Awak Fasa 11 telah dikemukakan kepada JKP Sdn. Bhd. Pada 26 Jun 2006 manakala beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi memurnikan perjanjian tersebut. Perjanjian ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan JKP Sdn. Bhd. Pada 16 Oktober 2009.

Status terkini projek adalah seperti berikut:-

- (i) Pelan Kebenaran Merancang diluluskan pada 5 Mei 2009;
- (ii) Permohonan pemberimilikan tanah telah dibuat oleh SSI pada 25 Januari 2007. SSI menerima dokumen Hak Milik Sementara bagi Lot PT 62, Seksyen 4, Bandar Jelutong, DTL pada 21 April 2010 dan bancian ataupun siasatan dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut bersama SSI pada 13 hingga 17 Disember 2010. Ini kita minta buat bancian lain. Terdapat 22 binaan yang terlibat dengan projek ini terdiri daripada 11 kediaman dan 11 bangsal perniagaan dan stor. Pejabat Daerah Tanah DTL telah mengemukakan surat bertarikh 3 Januari 2011 kepada Bahagian Perumahan bagi menyemak senarai nama yang terlibat sama ada layak ditawarkan seunit rumah kos rendah ataupun tidak.

Mesyuarat Jawatankausa Teknikal Projek pembangunan Semula Kampung Pisang Awak yang dipengerusikan oleh saya sendiri pada 11 April 2011 memutuskan agar SSI menyediakan senarai terperinci mengenai tawaran pampasan yang akan diberikan kepada penduduk yang terlibat dan membentangkan kembali kepada jawasankuasa dan pelan bangunan diluluskan pada 16 September 2011.

Y.B. Dato' Speaker itu merupakan rentetan yang kita lakukan dan sekali gus lagi menyangkal tuduhan Pembangkang yang menyatakan kita tidak ada *chronology event*. Begitu juga dengan kes di Telok Kumbar. Saya tidak mahu baca sekarang ini Yang Berhormat Telok Kumbar tidak ada dan juga dengan kes di satu dua lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Sebelum saya mengakhiri penggulungan saya menyatakan rasa kesal saya kepada Y.B. Telok Bahang yang lari daripada tanggungjawab, beliau bukan sahaja tidak mahu minta maaf di atas kesalahan tapi dia salahkan pegawai. Pegawai hanya menjalankan tugas, jadi saya kesal betul dengan sikap, kalau pegawai buat baik diam sahaja, kalau buat salah sikit inilah tindakan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta laluan. Setujukah Yang Berhormat di atas sikap tidak bertanggungjawab itu. Bukan sahaja dia sepatutnya meminta maaf di Dewan yang mulia ini tapi kita mungkin boleh mendesak Telok Bahang untuk meletak jawatan, kerana ia menunjukkan sikap seorang majikan ataupun bos yang senang-senang menyalahkan orang bawahan dia dan tidak berani memikul tanggungjawab di atas satu pelakuan salah. Setuju Yang Berhormat bahawa Dewan ini boleh mendesak, menyelar beliau untuk meletak jawatan kerana tidak berani mengambil tanggungjawab mungkin beliau meletak jawatan sebagai Pengerusi PPS.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Seri Delima atas cadangan itu. Kita ingin ulangi kita betul-betul kesal dengan tindakan Telok Bahang. Tapi kita belum sampai ke tahap untuk meminta beliau untuk meletak jawatan. Namun demikian kita memang mendesak beliau minta maaf dulu, bukan sahaja kepada masyarakat Hindu dan keduanya kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan seterusnya beliau kaitkan pula dengan parti PAS ini seolah-olah yang boleh buat silap hanya parti PAS, parti PKR, parti DAP. Parti UMNO tidak boleh buat silap. Tapi dalam hal ini ada juga saya difahamkan orang UMNO juga dalam MPSP.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta maaf Yang Berhormat. Saya mungkin ingin menambahkan sedikit sahaja. Seperti yang saya menuduh beliau, keputusan untuk merobohkan kuil tersebut dibuat dalam satu mesyuarat Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Telok Bahang sendiri yang beliau sehingga ke hari ini tidak menafikan. Jadi saya rasa tanggungjawab sepenuhnya harus dipikul oleh Telok Bahang dan UMNO Barisan Nasional(dengan izin), Yang Berhormat.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya Seri Delima, saya suka ingin mengulangi dan suka juga apa yang disebutkan oleh Perai tadi. Y.B. Perai juga menyatakan Pengerusi dan Yang Berhormat Permatang Pasir yang Pengerusi PPSB mesti ambil tanggungjawab di atas tindakan itu dan meminta maaf secara terbuka. Tetapi kita kesal sehingga ke hari ini beliau tidak melakukannya sebaliknya mengalihkan perhatian, menyalahkan orang lain dan menyalahkan pegawai dan ini saya kesal dan saya yakin jika tidak ada pegawai UMNO dulu mati terus.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Yang Berhormat sikit saja lagi. Yang Berhormat setuju dengan saya iaitu mengikut teladan bos beliau, di mana dalam perhimpunan BERSIH pun mereka menyalahkan penghimpun-penghimpun BERSIH, tetapi sebenarnya yang memulakan situasi di situ adalah pihak Polis. Yang Berhormat setuju dengan saya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya setuju dengan Y.B. Seri Delima. Jadi Y.B. Dato' Speaker saya ingin mengakhiri penggulungan saya dengan ucapan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Y.A.B. Ketua Menteri, Air Puteh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Pertama kali saya ingin memulakan penggulungan dengan menyatakan perasaan kesal terhadap tuduhan-tuduhan tadi yang dilemparkan oleh Ahli Kawasan Penaga yang juga Ketua Pembangkang, terhadap bukan Y.B. Dato' Speaker tetapi juga pegawai-pegawai Dewan yang menjalankan tugas mereka dengan betul dan tepat berdasarkan apa yang berlaku dalam Dewan dan bukan memihak kepada sesiapa.

Saya merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Y.B. Penaga pada pagi tadi, yang menyatakan pita rakaman telah dimanipulasikan, di mana verbatim adalah bukan apa yang dirakamkan. Ataupun yang diucapkan oleh saya. Saya rasa pemberita pun ada dengar, apa yang telah dinyatakan, malah telah dinyatakan dalam semua aliran surat khabar, tidak ada satu surat khabar menyatakan bahawa saya menggunakan istilah dirobuhkan baik Bernama, New Straits Times dan STAR. Takkan pemberita-pemberita boleh dengar salah ataupun silap.

Tetapi untuk mereka membuat satu tuduhan bahawa pita rakaman telah dimanipulasikan dan mereka akan buat kepada Polis dan SPRM, saya rasa kita tidak gentar tentang ancaman ataupun ugutan tersebut, tetapi kita ingin melahirkan perasaan kesal dan rasa jijik ke atas tuduhan yang dilemparkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang. Ini semua tidak bertanggungjawab bahawa Y.B. Speaker dan pegawai-pegawai telah terlibat dalam manipulasi. Ini adalah satu tuduhan yang amat serius dan datang daripada seorang Ketua Pembangkang tanpa bukti. Saya rasa sekarang kita tahu kenapa beliau hendak bersara, kerana memang sudah tidak ada prinsip, tidak ada nilai moral langsung. Kenapa hendak salahkan mereka, sedangkan mereka cuma menjalankan tugas sahaja. Mereka hanya rakamkan apa yang diucapkan, apa yang dinyatakan. Itulah sebabnya bukan sahaja kita kesal bahawa Speaker telah diheret, tetapi juga pegawai-pegawai Dewan yang hanya menjalankan tugas sebagai pegawai secara tepat, betul dan tidak memihak kepada sesiapa pun timbul keraguan terhadap sikap profesionalisma mereka.

Saya rasa itu sesuatu yang amat tidak elok. Amat tidak wajar dan juga saya rasa sungguh tidak bersopan dan kita harap kalau mereka berani pulang, saya rasa perkara ini haruslah dipanjangkan kerana kita tidak boleh membenarkan sebarang tuduhan ke atas kewibawaan tanpa sebarang bukti yang kukuh. Kalau ada bukti kita sedia terima. Tetapi kalau buat tuduhan liar dan melulu kerana cuba tutup kesalahan dan kesilapan mereka tentang satu isu besar dan bukan sahaja menyinggung perasaan kaum Hindu tetapi juga menyakitkan hati dan juga menunjukkan rasa tidak hormat ke atas kaum India, hanya nak tutup skandal ini nak salahkan satu dunia. Bukan sahaja parti PAS kena, sungguh pun parti PAS bukan jadi Pengerusi PPSB, Speaker pun kena, pegawai-pegawai Dewan pun kena.

Saya rasa ini adalah sesuatu kecaman dengan amat kuat sekali yang menunjukkan sekali ADUN-ADUN Pembangkang sekarang sudah

hilang modal sama sekali. Hanya kerana hendak menutup kesilapan mereka sekarang menyalahkan satu dunia termasuk yang tidak terlibat langsung, pegawai Dewan dituduh manipulasi pita rakaman. Saya rasa ini adalah sesuatu yang sangat serius dan harus diambil tindakan. Kalau tidak ini menunjukkan satu serangan ke atas kewibawaan institusi Yang Dipertua Speaker.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam melibatkan semua portfolio Exco-Exco Kerajaan Negeri. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Ibu yang akan disambut pada 13 Mei nanti serta Selamat Hari Guru saya ucapkan kepada semua guru-guru yang akan disambut pada bulan ini iaitu pada 16 Mei.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah mempersoalkan apa gunanya kita ada rizab banyak. Sekiranya wang itu tidak digunakan. Untuk makluman Y.B. Penaga, prestasi Kerajaan Negeri yang merangkumi perbelanjaan mengurus dan pembangunan daripada tahun 2004 hingga 2011 adalah seperti berikut.

Y.B. Dato' Speaker saya ambil dari tahun 2004 hingga 2011 kerana Pakatan Rakyat telah memerintah Pulau Pinang selama empat tahun. Kita nak bandingkan empat tahun kita memerintah, berapa kita belanja berbanding dengan empat tahun sebelum ini, iaitu empat tahun terakhir Barisan Nasional memerintah. Mungkin akan menjadi terakhir selama-lamanya.

Untuk 2004, yang dibelanjakan oleh BN masa itu sebanyak RM327.3 juta, 2005 RM297.74 juta, 2006 RM380.3 juta, 2007 RM381.64 juta, jadi keseluruhannya RM1,387 juta untuk empat tahun. Pakatan Rakyat pada tahun pertama RM435.09 juta. Tahun pertama sudah lebih kepada sebelum ini. Pada 2009 RM468.38 juta, 2010 RM603.11 juta, 2011 RM635.63 juta iaitu sebanyak. sebanyak RM2,142.02 juta iaitu jumlah yang lebih besar daripada jumlah perbelanjaan Barisan Nasional sebelum ini sebanyak 55%. So, di sini adalah jelas, rizab kita naik betul, rizab kita naik. Sungguh pun perbelanjaan kita naik, mengapa kerana kita ada lebihan. So, di sini kita ada lebihan. So di sini kita boleh lihat ...(dengan izin) *the best of both worth*. Perbelanjaan naik supaya kita dapat memberikan kemudahan kepada rakyat, tetapi pada masa yang sama kedudukan menjadi lebih

sihat dengan rizab yang naik. Ini adalah hasil pengurusan kewangan yang bukan sahaja bersih tetapi berintegriti dan juga cekap. So, di sini saya rasa tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Ketua Pembangkang memang tidak berasas. Sepertimana tuduhan lain ini, kerana kita lihat daripada perbandingan ini, kenaikan sebanyak 55% dicapai, sungguh pun kita pun mencatat lebih bajet yang paling besar dalam sejarah Negeri Pulau Pinang dan untuk tahun lepas, saya difahamkan akan lebih besar lagi, tetapi kita masih tunggu itu semakan Audit terakhir.

Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2007 adalah sebanyak RM847.45 juta dan untuk tahun 2010 telah meningkat kepada RM1,131.17 iaitu meningkat sebanyak RM283.72 juta atau 34% dalam masa tiga (3) tahun sahaja. Dalam masa tiga (3) tahun kita rizab naik 34%. Ini saya rasa dicapai sungguh pun kita menghadapi satu krisis global kewangan dunia pada tahun 2009. Sungguh pun kita hadapi krisis global kewangan dunia yang menyebabkan ramai negara bankrap tetapi Pulau Pinang tidak bankrap, sebaliknya telah memantapkan dan memperkasakan kedudukan kewangan kita. Ini menunjukkan bahawa memang kerana pengurusan yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus telah membolehkan Pulau Pinang mengalami keadaan yang memberangsangkan di mana kita juga pada masa yang sama menambah peruntukan untuk kemudahan infrastruktur, baik dari segi jalan mahu dari segi pembinaan longkang.

Saya rasa yang kita peruntukkan untuk pembinaan longkang dan jalan jauh lebih besar daripada apa yang diperuntukkan dalam zaman BN. Macam jalan, tahun ini pun kita peruntukan RM42 juta untuk pembinaan jalan, berbanding dengan RM10 juta zaman BN. Empat (4), tiga (3) kali ganda lebih besar. Saya rasa inilah kesungguhan kita untuk memastikan sungguh pun ada wang. Wang datang bukan kerana kita jimat perbelanjaan, wang rizab dapat ditambah, sungguh pun kita tambah perbelanjaan. Saya rasa dari aspek ini mungkin ini tidak difahami oleh pihak Pembangkang, kerana mereka tidak tahu sistem telus yang dipakai oleh Kerajaan Negeri iaitu sistem berdasarkan integriti di mana kita ada bukan saja sistem tender terbuka, kita ada sistem pendedahan isi kandungan kontrak-kontrak dan juga menggubal Akta Kebebasan Maklumat, di mana ia semua telus untuk diketahui semua. Tentu mereka tidak faham kerana mereka tidak pernah buat macam ini. Macam sistem tender terbuka sampai sekarang mereka mempertikaikan sistem tender terbuka yang dijalankan oleh Kerajaan

Negeri, sampai nanti ini yang saya sebut nanti, sampai mereka boleh cakap mengapa tolak tender yang dimasukkan selepas tender tutup.

Tender telah tutup, mereka yang masuk tender tentu akan ditolak, tetapi mereka ditanya kenapa tidak terima tender atau tidak melayan tender yang masuk selepas tender telah tutup. Ini hanya boleh disebut oleh orang tidak ada akan, hanya boleh disebut orang yang tidak tahu apakah maksud tender terbuka. Tender terbuka ada satu tempoh masa. di mana semua orang awam boleh masuk tender, selepas itu ditutup dan tidak akan dilayan lagi. Kalau ini pun tidak faham, saya rasa susah untuk kita mahu atau boleh harapkan Kerajaan BN berkomited untuk jalankan sebuah pentadbiran yang berintegriti dan mungkin itulah sebabnya kerana tidak berani berdepan dengan kebenaran dan mereka semua lari lintang pukang. Tidak berani hadir dalam mesyuarat Dewan yang mulia ini.

Yang saya sebut adalah berkaitan persoalan yang dibuat oleh ADUN Pinang Tunggal tentang penjualan tanah tapak Bayan Mutiara. Sehingga hari ini masih lagi dipertikaikan sebab itu kita cakap ini tender terbuka. Secara umum siapa yang boleh tawarkan harga paling tinggi, kita akan terimanya sungguh pun datang daripada pihak yang pada satu masa penyokong kuat orang Barisan Nasional. Tidak jadi hal, asalkan boleh bayar yang paling tinggi dan itu yang kita terima, dan tidak dipertikaikan oleh sesiapa kecuali UMNO sahaja, kerana ada pakar perunding antarabangsa Ling Hong and Hill yang telah memastikan semua prosedur adalah dipatuhi dan diikuti. Di sini ada tawar tender terbuka dan tetapkan satu harga rezab sebanyak RM200 sekaki persegi. Ada setengah pihak yang menyatakan, bila saya membuat satu pengakuan, ya saya tidak ikut harga penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian kerana saya rasa ia terlalu rendah dan saya rasa terlalu tinggi dan bila saya buat kenyataan seperti ini dia pula cantas saya punya ucapan menyatakan Y.A.B. Ketua Menteri akui tidak ikut Jabatan Penilaian. Henti itu sahaja dan selepas itu menunjukkan ada penilaian. Tidak mahu sebut bahawa saya tidak mahu ikut kerana harga yang dicadangkan dan disyorkan terlalu rendah ia RM65.00. Itu sebab kita cadang naik sebanyak tiga kali ganda kepada harga rezab RM200.00 dan akhirnya kita jual dengan harga RM240.00 sekaki persegi iaitu harga yang paling tinggi.

Sekiranya UMNO, saya rasa saya telah ulang banyak kali tetapi mereka tahu ini akan dibawa dan sebab itu mereka lari hari ini, lari tidak

mahu berdepan dengan soalan ini. Kalau mereka cakap ini adalah harga yang rendah sebenarnya harga pasaran adalah RM420.00 belilah. Saya tanya pada hari pertama mereka tidak berani jawab. Belilah sebanyak RM70.00 berani tak, tetapi tidak berani terima tawaran dan hanya ungkit perkara ini dengan menabur fitnah sahaja. Itu saya rasa adalah sesuatu yang jahat kerana kita tahu. Jangan ingat bahawa apabila anda menabur fitnah ia tidak akan tendang balik, satu hari nanti pasti fitnah itu akan tendang balik. Kita boleh lihat macam mana dia tendang balik, bila saya sebut tentang adakah itu wang BR1M datang dari sumber yang halal. Mereka tidak berani jawab, tidak mahu jawab. Bila saya cakap itu akaun yang sama, akaun yang sama di mana duit judi daripada lesen Genting dimasukkan dalam akaun itu dan wang itu diguna untuk bayar RM500.00 kepada BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia).

Ini yang saya sebut tadi tendang balik, kenapa. Dahulu dia cakap yang kita bayar RM100.00 kepada warga emas ialah duit judi daripada Lumba Kuda, sedangkan Kerajaan Negeri tidak pernah keluarkan (tiada kuasalah) tidak pernah keluarkan lesen kerana kita memang tiada kuasa, kerana semua ini kuasa Kerajaan Pusat. So, mana kita boleh kutip duit judi bila kita bukan keluarkan lesen. So, tidak jadi langsung dan kalau ada derma kita pun asingkan sebab ianya hanya diberikan kepada golongan bukan Islam.

Itu tak jadi isu, itulah disebabkan dengan hal ini sungguhpun mereka main-mainkan isu dan hari itu saya ada jumpa seorang daripada Balik Pulau yang ditipu oleh UMNO bahawa dia tunjuk RM100.00, dia hendak pulangkan kerana dia cakap ini adalah wang haram, wang judi sekarang sudah tahu, sudah sedar, sudah bertaubatlah, bahawa ini sebenarnya bukanlah duit haram. Ini ditipu oleh UMNO dan sekarang dia angkat RM100.00 tiap-tiap tahun dan tidak jadi hal. Itu yang sebut tendang balik. Tendang balik fitnah yang dibuat oleh UMNO kena balik.

Sekarang kita tanya apa jadi dengan BR1M. Mengapa bila saya tanya akaun masa itu Y.B. Pulau Betong cepat-cepat baca ucapan cuba alihkan kepada perkara lain. Jelas menunjukkan ini adalah hasil daripada duit itu. Kita lihat program penghargaan warga emas yang kita bayar setiap tahun sehingga sekarang ada 135,000 warga emas yang mendaftarkan diri, iaitu satu prestasi lebih daripada 95%. Tiada seorang pun yang menolak yang tulis surat menyatakan mereka tidak mahu menerima. Kita tunggu-tunggu tiada seorang pun. Tidak akan UMNO

seorang ahli di Pulau Pinang pun tiada, mesti ada, tetapi tiada seorang ahli yang kita tahu ada banyak Ahli UMNO yang terimalah kerana bila kita baris-baris beri wang mereka pun baris-baris kutip wang. Tetapi tiada seorang ahli UMNO pun yang tulis surat yang mereka tidak mahu wang penghargaan RM100.00.

Ini jelas menunjukkan bahawa ia memang satu fitnah yang ahli UMNO sendiri pun tidak percaya. Ahli UMNO sendiri pun tidak percaya dan kerana tidak ada seorang ahli UMNO yang tulis surat kepada Kerajaan Negeri bahawa mereka mahu tolak wang penghargaan warga emas RM100.00 ini. Saya rasa di sini dengan jelas menunjukkan bahawa dia hanya boleh menfitnah sahaja. Kalau kita cakap dia dalam itu lubuk cacing, hanya berada di situ sahaja, yang dia hanya tahu ialah cacing kerana dia biasa dengan cacing, yang lain-lain dia tidak tahu. Itu yang menjadi masalah dengan pengundi UMNO sampai kerana dia rasa orang lain akan buat yang sama kerana dia selalu akan buat serupa seperti yang dia buat tuduhan tentang manipulasi oleh Y.B. Dato' Speaker dan oleh pegawai-pegawai Dewan kerana mungkin dia rasa itu yang dia akan buat dan orang lain mungkin ikut. Saya rasa sangat kesal tentang permainan seperti ini kerana tidak mahu menyelesaikan masalah rakyat.

Dalam hal tawaran tender terbuka seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat daripada Pinang Tunggal kerana dia tiada di sini. Saya hanya mahu berikan ringkasan sahaja, bahawa bila kita buat keputusan untuk jual secara tender terbuka, tanah di Bayan Mutiara kita bertujuan untuk mengumpulkan wang yang cukup, untuk membina rumah mampu milik, kerana kalau kita hendak membina rumah mampu yang mencukupi perlu satu dana yang amat besar, sekurang-kurangnya RM500 juta. Itulah sebabnya kita terpaksa mengambil keputusan untuk jual. Kalau tidak jual, mana dapat wang dan pada masa yang sama semua program perlu dijual kepada pemaju. Apabila mereka membina rumah, mereka pun terpaksa akur kepada syarat untuk bina 30% LMC, tidak boleh lari. So, di sini kita boleh lihat, kita dapat wang untuk bina rumah mampu milik yang buat projek rumah pun kena bina 30% LMC. Ini macam pepatah Melayu ada sebut 'sambil menyelam minum air'. So kita *another worth you can kill two birds with one stone ...*(dengan izin), dapat wang daripada hasil penjualan untuk bina rumah mampu milik dan pada masa yang sama pemaju terpaksa untuk sama-sama bina rumah mampu milik 30% dan akan memperbanyakkan bilangan rumah mampu milik dan tentulah dengan pemaju yang daripada negeri asal Pulau

Pinang, sebagai yang juga mempunyai pengalaman kita harap dapat membangunkan kawasan Bayan Mutiara sebagai kawasan pembangunan daripada antarabangsa yang ekonik, mampan, berkualiti dan serba lengkap dengan pelbagai kemudahan. Sekali gus menjadikan Bayan Mutiara sebagai mercu pembangunan di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, saya tidak mahu cakap panjang lebar tentang satu lagi fitnah iaitu tentang tapak masjid. Saya rasa ini telah pun diperjelaskan banyak kali dan saya difahamkan bahawa sekarang isu ini tidak makanlah. Mereka sudah lihat, telah pecah temberang UMNO, bahawa ini memang satu isu jahat kerana seperti yang saya sebut kalau dengar dan tentu kita nafikan sama sekali. Kalau dengar, Kerajaan Negeri ada jual tapak masjid maka Kerajaan Negeri pun sama salah jual tapak tempat beribadat bukan Islam kerana ini semua diperuntukkan di bawah peraturan Kerajaan Tempatan. Jikalau kalau ada tapak masjid mesti ada tapak untuk tempat ibadat bukan Islam kerana mengapa hanya jual tapak masjid tetapi tidak jual tempat beribadat bukan Islam.

Ini menunjukkan bahawa UMNO mainkan isu perkauman. Satu, tidak dengar langsung sama sekali dan yang kedua kalau dia hendak mengapa dia fokus kepada isu tapak masjid. So ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang *racist*. UMNO Pulau Pinang *racist* habis. Dia gunakan isu berkaitan dengan masjid. Bila saya ditanya atau ditemu mesra oleh kawan-kawan Melayu Islam di Kuala Lumpur atau tempat-tempat lain, mereka tanya tentang hal dan bila mereka tahu ini adalah satu fitnah dan mereka rasa amat marah. Mereka cakap macam mana seorang Islam boleh buat fitnah tentang masjid dan ini tidak boleh diampunkan. Ini tidak boleh dimaafkan dan lebih-lebih lagi bila mainkan isu atas tapak masjid ke atas orang bukan Islam mungkin membahayakan keselamatannya kerana kalau ada setengah orang Islam yang percaya. Mereka rasa ya, itu adalah satu tanggungjawab untuk membetulkannya dan itu sangat bahaya.

Itulah sebabnya saya rasa ini UMNO dia tidak kira apakah akibatnya dia *racist*. Sungguh pun saya di sini, saya sebut tentang Y.B. Seberang Jaya cuba hendak lagakkan diri sebagai seorang yang bantu semua kaum tetapi tindakannya dalam sebuah parti yang *racist*, saya rasa beliau pun tidak ada perbezaan langsung. Di kaca mata orang sekarang lagi lama lihat UMNO, lagi lama kenal parti muka sebenarnya dan apabila perkara-perkara yang berlaku ini selalu digunakan isu perkauman. Saya rasa kita tidak ada pilihan, kita akan pergi ke Pulau

Pinang untuk jelaskan kepada semua rakyat Pulau Pinang baik Cina, baik Melayu, baik India tetapi UMNO harus ditolak kerana parti perkauman yang amat *racist* sekali. Itu tanggungjawab kita dalam Pakatan Rakyat.

Saya rasa kita tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini kerana bila mereka mainkan isu sampai isu yang dibawa oleh Y.B. Paya Terubong dan Y.B. Kebun Bunga tentang isu itu perhimpunan Anti LYNAS baru-baru ini. Y.B. Paya Terubong dan Y.B. Seri Delima yang telah bawa tentang isu perhimpunan Anti LYNAS di mana di antara yang mengganas adalah daripada UMNO dan PERKASA yang cuba mengasari saya dan menghalang kereta saya meninggalkan tempat perhimpunan.

Di depan orang ramai, kita boleh lihat macam mana mereka berlagak. Itulah muka UMNO sebenarnya, wartawan dipukul, sampai ada seorang wartawan mendapat lapan (8) jahitan. Tidak ada, UMNO tidak minta maaf langsung. Itulah begitu angkuh UMNO dan sehingga sekarang tidak ada sebarang tindakan pertanyaan daripada Y.B. Paya Terubong, Y.B. Seri Delima. Pihak Polis menerima dua laporan Polis dan kedua-dua laporan tersebut dibuat di Balai Polis Lebuh Pantai. Kertas siasatan bagi kes tersebut telah dipanjangkan kepada Timbalan Pendakwa Raya Pulau Pinang untuk tindakan selanjutnya. Sehingga kini belum ada tindakan yang telah diambil ke atas pengganas tersebut dan ini sejak 26 Februari hingga sekarang, dua bulan lebih tiada sebarang tindakan, tetapi saya perhatikan ada seorang pemimpin PKR tidak sampai seminggu selepas perhimpunan BERSIH telah pun didakwa di mahkamah. Agak cepat sekali, agak efisien sekali....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, itu cuma untuk kesalahan mengalihkan besi larangan sahaja. Beliau cuma dituduh kerana mengeluarkan ataupun mengalihkan besi larangan untuk membenarkan mereka masuk. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam kes ini memukul sehingga menyebabkan kecederaan tidak diambil tindakan sehingga sekarang. Jadi saya minta Yang Berhormat untuk gunakan pejabat Yang Berhormat untuk *pressure* pihak Polis lebih sedikit pihak Polis seolah-olah mereka mungkin buat nampak tidak nampaklah. Macam Yang Berhormat selalu sebut 'gajah di hadapan mata tidak

nampak tetapi cacing di seberang laut dia orang nampak'.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Hati nyamuk di seberang laut, bukan. Terima kasih kepada Y.B. Seri Delima. Saya rasa untuk perkara ini kita tidak mahu campur dengan urusan Polis kerana kita dalam Kerajaan Negeri, kita tidak ada kuasa ke atas Polis di Pulau Pinang tetapi pada masa yang sama sungguh pun kita boleh berikan teguran kita ambil satu sikap bahawa Polis adalah satu institusi yang tahu macam mana untuk tegakkan undang-undang. Kalau kita hendak luahkan perasaan tidak puas hati, kita akan buat secara terbuka.

Di sini kita pun kena bezakan yang di Pulau Pinang, Polis macam lain sedikit kerana di perhimpunan BERSIH tidak menjadi masalah dibuat secara aman dan bukan macam di Kuala Lumpur. So mungkin kita kena bezakan. Polis di Pulau Pinang dan Polis di Kuala Lumpur, tetapi pada masa yang sama kita pun rasa kecewa sedikit kenapa mengambil masa yang panjang untuk dakwa mereka yang pukul buat salah. Ada orang pukul sudah ada mangsa, sudah ada kecederaan, gambar pun ditangkap siapa yang pukul sesama mereka. Tidak boleh lari punya. *What we call in English(dengan izin) open and shut case.* Tidak payah bicara pun, mungkin dia akan kalau didakwa mengaku salah. So tidak payah tetapi perkara ini masih belum dibawa ke depan pengadilan. Saya rasa itu adalah sebabnya kita rasa kurang senang hati dengan apa yang berlaku dan kita hanya melahirkan harapan bahawa perkara ini akan disegerakan.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Sungai Bakap telah membangkitkan isu Skim Pinjaman Mikro Kredit dan menyarankan PDC untuk memperluaskan tawaran pinjaman mikro kredit kepada pengusaha kecil dalam bidang pertanian dan penternakan dan dicadangkan untuk memperkenalkan sistem yang lebih mendidik para petani dan penternak agar lebih berdikari dan tidak bergantung kepada pinjaman semata-mata. Kerajaan Negeri menerusi PDC telah mewujudkan dana khas mikro kredit di bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang telah dilancarkan pada Oktober 2009 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3 juta. PDC telah mengeluarkan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil yang menjalankan perniagaan seperti peniaga sayuran, penjual ikan dan ayam proses di pasar malam dan pasar tani. Setakat April 2012, jumlah bilangan peminjam yang telah mendapat

manfaat dari skim PTSR ini adalah seramai 662 orang dan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM2,319,630.40. Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut membantu pengusaha kecil menerusi PDC dan SMART Centre dalam bentuk khidmat nasihat, kursus, bengkel, seminar dan latihan keusahawanan. Setakat April 2012, seramai 1,463 orang usahawan telah dibantu bagi mempertingkatkan pengetahuan para usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam menjalankan perniagaan mereka. Kerajaan Negeri menyambut baik saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Bakap supaya skim pinjaman ini diperluaskan kepada pengusaha pertanian dan penternakan. Kerajaan Negeri akan mengkaji serta memberi pertimbangan ke atas cadangan tersebut sekiranya terdapat keperluan di masa akan datang.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan apakah sumbangan Kerajaan Negeri dalam menurunkan kadar jenayah di Pulau Pinang selain daripada usaha-suaha yang dijalankan oleh pihak Polis. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Polis kerana telah berjaya mencatatkan indeks jenayah yang paling rendah di Malaysia sehingga menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya yang selamat didiami. Bahawa untuk dua tahun berturut-turut Negeri Pulau Pinang telah mencatat penurunan kadar indeks jenayah yang paling besar di Malaysia dan jikalau dari dahulu amat berbahaya tetapi sekarang saya rasa keadaan telah bertambah baik. Tentunya kita masih boleh puas hati kita mahu keadaan di mana bukan sahaja Pulau Pinang selamat tetapi dirasai selamat oleh para penduduk. Kejayaan ini adalah berkat usaha dan kerjasama Kerajaan Negeri dengan pasukan Polis DiRaja Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil inisiatif dengan memasang 58 kamera litar tertutup CCTV di lokasi-lokasi di bahagian Pulau dan Seberang Perai yang telah dikenal pasti oleh pihak Polis berdasarkan statistik kekerapan berlakunya jenayah.

Di samping itu, Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan 129 unit kamera litar tertutup CCTV tambahan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti oleh pihak Polis untuk dipasang di seluruh kawasan di bahagian Pulau. Pada masa yang sama, pemasangan 18 buah kamera litar tertutup CCTV tambahan juga sedang diuruskan oleh MPPP melalui tender *Private Finance Initiative*.

Penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) oleh Kerajaan

Negeri turut membantu Pihak Berkuasa dalam mencegah jenayah di samping menjaga keselamatan awam. Usaha ini telah dimulakan pada tahun 2011 dan sehingga April 2011, sejumlah 114 PPS atau Pasukan Peronda Sukarela telah ditubuhkan. Kerajaan Negeri akan memastikan sasaran penubuhan enam (6) PPS bagi setiap KADUN tercapai menjelang akhir tahun 2012.

Keadaan lampu jalan yang tidak terang turut menyumbang kepada berlakunya jenayah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut mengambil inisiatif dengan meningkatkan voltan lampu daripada 70 kilowatt kepada 150 kilowatt. Penggantian akan dijalankan secara berfasa dan didahulukan lampu yang rosak. Usaha ini bertujuan untuk menerangkan jalan raya-jalan raya di Pulau Pinang.

Yang Berhormat ADUN Pantai Jerejak, Pulau Tikus dan ADUN Paya Terubong telah mencadangkan investPenang dan PDC memberi fokus kepada Syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi mewujudkan usahawan yang berdaya saing.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian dalam pembangunan dan promosi Perusahaan Industri Kecil dan sederhana (IKS) di Negeri Pulau Pinang. Inisiatif ini dilaksanakan melalui investPenang dan PDC di mana Pusat PKS atau Perindustrian Kecil Sederhana adalah salah satu daripada tiga (3) pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menampung pertumbuhan PKS yang unik di Malaysia dalam mendaki nilai rantai serta memberi penjenamaan semula Pulau Pinang iaitu *Powered in Penang, not wait in Penang* tetapi *powered in Penang* dalam semua perkhidmatan dan produk. Pusat PKS akan diuruskan oleh Majlis Pengurusan Pusat SME yang terdiri daripada usahawan mentor Majlis Sains Pulau Pinang, investPenang dan PDC. Pusat PKS menawarkan sebuah bangunan yang memberikan ruang sewa dengan harga sewaan yang disubsidikan untuk pemohon-pemohon baru berteknologi tinggi dan kreatif.

Selain daripada Pusat PKS, dua (2) pendekatan lain ialah penubuhan Penasihat Pemasaran SME, Pusat Sumber dan Latihan

(SMART) yang telah dilancarkan pada bulan Jun 2010 dan pembangunan perkampungan PKS di Bukit Minyak dan Batu Kawan di Seberang Perai untuk membantu PKS berkembang dengan membeli tanah untuk membina kilang-kilang di kawasan tersebut. Sehingga kini, bengkel pembinaan Pusat SMART telah menarik lebih daripada 1,000 peserta dari PKS. Sebanyak 209 PKS pada masa ini telah disenarai dalam talian Pusat SMART.

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Kebun Bunga mencadangkan had minimum kos pembelian hartanah di bahagian Pulau kepada warga asing dinaikkan kepada RM2 juta. Sebagai makluman untuk Yang Berhormat cadangan Yang Berhormat itu telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu mulai daripada 19 April 2011, 2012 tahun ini, 19 April tahun ini, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pemilikan hartanah oleh warga asing bagi pembelian hartanah *landed property* di Pulau adalah dinaikkan daripada RM500,000.00 kepada RM2 juta di kawasan Seberang dan untuk pembelian hartanah baik apartmen ataupun *landed property* di Pulau Pinang adalah dinaikkan daripada RM500,000.00 kepada RM1 juta.

Y.B. Ahli Kawasan Pantai Jerejak telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri menulis surat kepada Menteri Sumber Manusia bagi menaikkan gaji minimum kepada RM1,100.00. Untuk makluman Y.B. Ahli Kawasan Pantai Jerejak, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat untuk menulis kepada Y.B. Menteri Sumber Manusia bagi menaikkan gaji minimum kepada RM1,100.00 sepertimana yang dilaksanakan di Pulau Pinang, di kalangan pegawai atau ahli pentadbiran Kerajaan Negeri. Pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri bahawa gaji minimum bagi sektor swasta ditetapkan pada kadar RM900.00 sebulan untuk pekerja di semenanjung dan RM800.00 sebulan di Sabah dan Sarawak adalah tidak mencukupi, kerana ia adalah lebih rendah daripada gaji minimum yang disyorkan oleh Pakatan Rakyat iaitu sebanyak RM1,100.00 sebulan.

Pakatan Rakyat telah mencadangkan RM1,100.00 sebagai gaji minimum yang merangkumi semua *allowance* tetapi tidak termasuk bayaran lebih masa. Penetapan gaji minimum RM900.00 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM800.00 di Sabah dan Sarawak oleh Barisan Nasional tidak mencukupi dan bukan sahaja mendiskriminasikan pekerja tetapi menunjukkan kekurangan komitmen oleh Barisan Nasional untuk membasmi kemiskinan kerana ia jauh di

bawah garis kemiskinan di Malaysia Timur. Mengikut Rancangan Malaysia Ke-IX, garis kemiskinan adalah RM830.00 sebulan bagi Sarawak dan RM960.00 di Sabah iaitu *poverty line indicator*, tambahan kepada gaji minima RM1,100.00 sebulan yang dicadangkan oleh Pakatan Rakyat. Saya rasa melebihi PAF atau garis kemiskinan yang saya sebut tadi di Sabah dan Sarawak dan juga berupaya untuk memenuhi keperluan asas pekerja-pekerja di serata negara kerana kita harus sedar bahawa Malaysia sedang menjadi negara penghutang di mana seisi rumah kita membelanjakan semua dan lebih dari pendapatan mereka.

Mengikut laporan tahunan Bank Negara tahun 2010, hutang isi rumah Malaysia pada akhir tahun 2010 berada di tahap RM581 billion ataupun 76% daripada GBP, Keluaran Dalam Negara Kasar. Lantas menobatkan Malaysia sebagai negara hutang isi rumah yang tertinggi di Asia selepas Korea Selatan. Bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita komited kepada cadangan PR iaitu sebanyak RM1,100.00 sebulan dan sudah pun mencapai gaji minimum ini termasuk elaun dan cola tanpa mengira bayaran lebih masa, dalam kata lain semua kakitangan kerajaan di dalam semua agensi Kerajaan Negeri dan GLC di Pulau Pinang, serta MPPP dan MPSP mempunyai pendapatan lebih daripada RM1,100.00 sebulan. Tahun lepas pekerja-pekerja yang bertanggungjawab untuk menyapu jalan dan mencuci longkang di MPPP dan MPSP juga telah diberi insentif bulanan tambahan sebanyak RM150.00 sebulan.

Y.B. Ahli Kawasan Datok Keramat memohon Kerajaan Negeri mengadakan peraturan agar semua ADUN membuat pengisytiharan harta bagi meningkatkan ketulusan, bagi menjawab pertanyaan Y.B. Ahli Kawasan Datok Keramat, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengisytiharkan harta Ahli-Ahli EXCO pada 13 Januari tahun ini. Pengisytiharan harta secara terbuka ini memenuhi amanah peribadi dan juga komitmen politik Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang terhadap kepimpinan yang lebih bersih berdasarkan CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

Buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, pengisytiharan harta secara terbuka telah dikendalikan bukan oleh Kerajaan Negeri tetapi oleh sebuah syarikat audit atau perakaunan antarabangsa yang bebas. Saya berasa kesal bahawa maklumat yang penting ini tidak disiarkan oleh media massa dan blog-blog tertentu dan berharap bahawa perkara

ini akan diperbetulkan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memilih firma akauntan antarabangsa yang terkenal iaitu KPMG dan rakan kongsi kanannya *Chartered Accountant Ooi Kok Seng*, untuk mengesahkan dan menetapkan templet akan dipaparkan kepada umum. Sebagai sebuah firma audit bebas, KPMG perlu mendukung standard nasional yang tertinggi untuk memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip objektif, bebas dan tiada percanggahan kepentingan, sebelum menjalankan apa-apa tugas. Pentadbiran yang berintegriti dan bersih merupakan tunjang kejayaan kepada menguruskan kewangan dengan baik sehingga bukan sahaja mendapat lebih bajet setiap tahun, tetapi juga mengurangkan hutang sebanyak 95% daripada RM630 juta pada Mac 2008 kepada hanya RM30 juta pada akhir tahun 2010, maaf 2011. Selain daripada pengisytiharan harta oleh pemimpin, sistem tender terbuka mendedahkan isi kandungan kontrak swasta dengan Kerajaan Negeri serta penggubalan Akta Kebebasan Maklumat memainkan peranan yang penting.

Y.B. Ahli Kawasan Tanjung Bungah telah mencadangkan untuk mewujudkan Pusat Kecemasan Tsunami dan bentuk penghadang ombak yang kukuh, untuk pengetahuan Y.B. Ahli Kawasan Tanjung Bungah, Kerajaan Negeri sememangnya menitikberatkan keselamatan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sebagai langkah penyediaan untuk menghadapi bencana tsunami Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Meteorologi Negara serta beberapa agensi lain seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Penguatkuasaan Maritim, Jabatan Pertahanan Awam, Polis Marin, Jabatan Kesihatan Negeri serta jabatan dan agensi yang lain telah mengadakan Latihan Ex-Tsunami pada 29 April 2012 yang jatuh pada hari Ahad di Batu Feringghi.

Latihan tersebut dibuat bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada jabatan dan agensi kerajaan, khususnya kepada jabatan dan agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana bagi menghadapi situasi sebenar bencana tsunami sekiranya berlaku. Latihan tersebut juga dibuat untuk mendedahkan orang awam serta pelancong-pelancong mengenai langkah-langkah keselamatan bagi menghadapi ancaman bencana tsunami, atas alasan tersebut latihan berkenaan bukan sahaja dibuat di kawasan yang berisiko tsunami tetapi juga dibuat pada hari Ahad, di mana terdapat orang awam yang ramai dan ia

membolehkan jabatan dan agensi yang terlibat menilai kesediaan jabatan dan agensi jika berlaku bencana sedemikian.

Di samping itu, ia bertujuan untuk membuat pengujian terhadap alat-alat kecemasan seperti siren amaran dan lain-lain kelengkapan keselamatan termasuk jentera penyelamat. Bagi cadangan mewujudkan Pusat Kecemasan Tsunami, Jabatan Meteorologi Malaysia menggunakan sistem peralatan yang telah dipasang di kepulauan Hawaii sebagai rujukan dan panduan orang ramai. Selain itu, peranan jabatan dan agensi kerajaan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Bomba serta lain-lain jabatan turut memainkan peranan dan fungsi masing-masing. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri akan melancarkan Sistem E-Bencana yang bertujuan untuk menyalurkan maklumat kepada orang awam yang berdaftar. Memang Kerajaan Negeri bersiap sedia untuk menghadapi bencana tsunami dengan menerima pakai sistem pengurusan krisis.

Y.B. Ahli Kawasan Komtar dan Bukit Tengah telah bertanyakan berkenaan status Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang tahun 2010 dan bilakah rakyat Pulau Pinang boleh dapatkan maklumat Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang tersebut. Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 telah diluluskan dengan pindaan pada 4 November 2011.

Pada 9 Januari 2012, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah memperkenankan enakmen ini dan Enakmen ini telah diwartakan pada 2 Februari 2012. Status pelaksanaan Enakmen tersebut masih lagi dalam tindakan bagi menetapkan tarikh mula kuat kuasa Enakmen tersebut sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sebaik sahaja tarikh mula kuat kuasa Enakmen ini diluluskan dan pelantikan Pegawai Maklumat dimuktamadkan, orang awam boleh mendapatkan akses kepada sebarang dokumen Kerajaan Negeri melalui saluran yang dibenarkan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen tersebut dan kini ia di dalam urusan Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, masalah berkaitan dengan kesesakan lalu lintas dan perumahan tidak menghalang Pulau Pinang dipilih oleh ECA International sebagai bandar raya yang paling sesuai didiami di Malaysia, buat kali pertamanya Pulau Pinang telah dipilih pada tahun 2011 dan kejayaan ini diulangi pada tahun ini mengatasi Kuala Lumpur.

Ini menunjukkan Pulau Pinang memang menjurus ke arah sebuah bandar raya antarabangsa yang bersih, hijau, sihat dan selamat, pada masa yang sama kebajikan rakyat tidak pernah diabaikan.

Negeri Pulau Pinang menjadi negeri pertama bebas dari miskin tegar, kejayaan ini dicapai apabila seramai 744 keluarga sehingga Mac tahun ini yang awalnya tergolong dalam kategori miskin tegar telah dibantu oleh Kerajaan Negeri, penerima bantuan ini adalah kelompok keluarga miskin tegar yang dikenal pasti berdasarkan takrifan Kerajaan Negeri dengan menggunakan pendapatan garis kemiskinan RM500.00 sekeluarga. Mulai tahun 2012 Kerajaan Negeri telah meningkatkan nilai pendapatan garis kemiskinan daripada RM500.00 kepada RM600.00 sekeluarga. Kerajaan Negeri akan tambah nilai sehingga untuk mana-mana keluarga yang tidak mencukupi RM600.00 sebulan ini, Kerajaan Negeri akan tambah nilai sehingga genap RM600.00 sebulan. Dengan inisiatif sedemikian Pulau Pinang berazam menjadi negeri pertama yang membasmi kemiskinan menjelang 2015.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat serta mengambil alih tampok pemerintahan pada tahun 2008. Kerajaan Negeri berjiwa rakyat telah meluluskan pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah sebanyak 11,596 unit, sungguhpun ini dipertikaikan oleh pihak Pembangkang, tetapi inilah angka-angka di mana Kerajaan Negeri membina 3,806 unit, minta maaf, 3,421 unit kos rendah dan kos sederhana rendah, sedangkan baki 8,175 unit dibina oleh pihak swasta, keseluruhan 11,596 unit. Ini adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan dan usaha pihak Pembangkang menyatakan ini tidak benar, saya rasa menunjukkan mereka hilang modal sama sekali.

Selain daripada projek seperti ini, kalau kelulusan seperti ini Yang DiPertua, Kerajaan Negeri telah meluluskan fasa 1 di mana hampir 12,000 unit rumah akan dibina di atas tanah 200 ekar di Batu Kawan dan fasa 2 sebanyak 77 ekar telah diperuntukkan di seluruh Negeri Pulau Pinang, 29 ekar di SPU, 32 ekar di SPT, 10 ekar di Daerah Timur Laut dan 6 ekar di Daerah Barat Daya, fasa 3 yang melibatkan tanah yang lebih besar di kelima-lima daerah akan diumumkan kemudian.

Untuk Kerajaan Negeri untuk mencapai penarafan antarabangsa turut melibatkan penyediaan perkhidmatan *WiFi* secara percuma

sebanyak 1,550 *hotspot* dengan kos RM8.5 juta. Berdasarkan perjanjian pihak syarikat penyedia perkhidmatan akan menyediakan 50 mbps kapasiti *banquet back hall* berinternet bagi keseluruhan 750 *hotspot* yang telah disediakan di bawah fasa 1 dan 800 *hotspot* termasuk tambahan 50 *hotspot* percuma di bawah fasa 2, Penang Project Free WiFi sehingga 14 April 2012. Penggunaan *banquet* adalah sehingga 45 mbps dan akan dipertingkatkan ke maksimum 50 mbps seperti dinyatakan dalam perjanjian, ini bermakna sebaik pemasangan siap Pulau Pinang menikmati 1,550 *free WiFi hotspot* di kawasan awam di Pulau Pinang.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan-cadangan, idea-idea serta pandangan yang membina yang telah disumbangkan semasa sesi perbahasan sepanjang persidangan Dewan kali ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan saya pada hari ini kerana mungkin ini adalah kali terakhir kita mengadakan sesi mesyuarat ini. Saya rasa ia harus diadakan dengan semangat, bukan sahaja semangat untuk mengucap selamat tinggal, tetapi kita kena lihat ke depan, untuk mereka yang mahu lihat ke belakang, kita biar mereka ke belakang, tapi apa yang penting adalah apabila kita lihat ke depan, kita boleh bangga bahawa sekarang kalau berbanding dengan sebelum tahun 2008, Pulau Pinang memimpin semula di Malaysia dalam pelaburan, sains dan teknologi, insentif negeri kepada IKS, bandar raya yang paling sesuai didiami di Malaysia, kebajikan kepada rakyat dan yang paling penting sekali pembasmi kemiskinan di Malaysia.

Saya rasa kita boleh berasa bangga tentang pencapaian dan usaha yang kita jalankan selama empat (4) tahun ini. Jangan lupa juga dari segi transformasi politik, kita telah memimpin dengan memberikan hak dan kebebasan baik kebebasan berucap, mahupun kebebasan maklumat serta kebebasan memilih Datuk Bandar dan Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang akan dibentangkan pada hari esok. Syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bersama-sama mencipta sejarah untuk Negeri Pulau Pinang. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan mengucapkan terima kasih kepada ucapan Tuan Yang Terutama telah tamat. Masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawa kami Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana memperkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas pada 30 April 2012 dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak setuju katakan "Tidak".

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya".

Y.B. Dato' Speaker:

Usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan pada hari ini dan Dewan akan bersidang semula esok untuk pembentangan Rang Undang-Undang dan jangan lupa jamuan makan malam disediakan. Sebelum balik sila ke *banquet*.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 Malam.